

PARLIMEN MALAYSIA

**MESYUARAT KEDUA
PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEDUABELAS
2009**

JAWAPAN –JAWAPAN PERTANYAAN
JAWAB LISAN HARIAN YANG TIDAK DAPAT DI JAWAB
DALAM DEWAN RAKYAT DARIPADA KEMENTERIAN

22 JUN 2009 – 25 JUN 2009



PARLIMEN MALAYSIA



**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEDUABELAS
2009**

**JAWAPAN-JAWAPAN PERTANYAAN JAWAB
LISAN HARIAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB
DALAM DEWAN RAKYAT DARIPADA
KEMENTERIAN**

HARI ISNIN: 22 JUN 2009

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB

LISAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB DIDALAM DEWAN

(SOALAN NO. 2, 10 HINGGA 127)

**NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1, 3 HINGGA 9
SOALAN NO. 61 DIJAWAB SEKALI DENGAN SOALAN NO.1
[RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]**

NO. SOALAN:

NO. SOALAN : 2

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TN HJ NASHARUDIN B MAT ISA [BACHOK]

TARIKH : 22 JUN 2009

SOALAN :

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kajian yang dibuat oleh **SUHAKAM** mengenai hak seorang anak yang memilih agamanya sepertimana Artikel 14 *Convention on the Rights of the Child (CRC)*

NO. SOALAN:

JAWAPAN: **YB. DATO' SERI MOHAMED NAZRI AZIZ**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Terima kasih diucapkan kepada Ahli Yang Berhormat yang mengemukakan pertanyaan.

Perkara 14 *Convention on the Rights of the Child (CRC)* memperuntukkan bahawa : (dengan izin)

- "1. States Parties shall respect the right of the child to freedom of thought, conscience and religion.*
- 2. States Parties shall respect the rights and duties of the parents and, when applicable, legal guardians, to provide direction to the child in the exercise of his or her right in a manner consistent with the evolving capacities of the child.*
- 3. Freedom to manifest one's religion or beliefs may be subject only to such limitations as are prescribed by law and are necessary to protect public safety, order, health or morals, or the fundamental rights and freedom of others."*

NO. SOALAN:

Perkata 14 ini menyentuh tanggungjawab sesebuah negara untuk menghormati hak kanak-kanak kepada kebebasan berfikir, rasa hati dan beragama, tertakluk kepada bimbingan ibu bapa yang sewajarnya.

Ahli Yang Berhormat,

Walaupun bagaimanapun, Perkara 14 yang menyatakan hak kanak-kanak untuk bebas beragama merupakan satu isu yang sensitif di negara ini. Berdasarkan itu, Kerajaan membuat reservasi ke atas Perkara 14 pada tahun 1995.

Setakat ini, SUHAKAM tidak membuat sebarang kajian khusus mengenai perkara ini secara terperinci atau ke atas hak seorang kanak-kanak memilih agamanya.

Sekian. Terima kasih.

SOALAN NO: 10

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID

TARIKH: 22 JUN 2009

SOALAN:

Y.B. TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID [Kuala Langat] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah tindakan diambil secara bersungguh-sungguh terhadap majikan yang melanggar hak pekerja (UNION BUSTING) yang diperuntukkan di bawah Akta Perusahaan 1967.

PR-022-L18652

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Sumber Manusia sentiasa peka dan perihatin terhadap kebajikan pekerja, sama ada pekerja tersebut berkesatuan atau pun tidak. Dalam hal ini, Kementerian saya tidak pernah mengabaikan sebarang bentuk aduan yang dikemukakan dan akan menyiasat secara terperinci bagi tujuan membantu menyelesaikan perkara tersebut termasuk aduan yang berkaitan dengan pemusnahan kesatuan (*union busting*).

Dalam hal ini, bagi kesatuan sekerja atau ahli kesatuan sekerja yang mempunyai sebarang masalah di tempat kerja, mereka boleh memfailkan aduan kepada Kementerian saya melalui Jabatan Perhubungan Perusahaan. Bagi kes yang berkaitan pemusnahan kesatuan, ianya hendaklah dikemukakan kepada Ketua Pengarah Perhubungan Perusahaan di bawah subseksyen 8(1) Akta Perhubungan Perusahaan 1967 (Akta 177).

Ketua Pengarah Perhubungan Perusahaan berkuasa untuk mengambil tindakan yang di fikirkan perlu, termasuk memanggil mesyuarat-mesyuarat perundingan damai dan menasihati pihak-pihak yang bertikai untuk menyelesaikan aduan tersebut.

Sekiranya isu tersebut masih tidak dapat diselesaikan, Ketua Pengarah Perhubungan Perusahaan hendaklah melapor kepada YB Menteri Sumber Manusia yang seterusnya akan merujuk isu tersebut ke Mahkamah Perusahaan untuk diputuskan sekiranya ada kewajaran.

Di samping itu, majikan yang melanggar hak pekerja (*union busting*) boleh diambil tindakan pendakwaan di bawah Seksyen 59, Akta berkaitan di mana jika disabit kesalahan boleh dihukum penjara bagi tempoh tidak melebihi 1 tahun atau didenda tidak melebihi RM2,000 atau kedua-duanya sekali.

**JAWAPAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. DATUK SAPAWI BIN
HAJI AHMAD (SIPITANG)**

TARIKH : 22 .06.2009

SOALAN : 11

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah** menyatakan usaha membela nasib Bumiputera termasuk menerusi Tabung Ekonomi Kumpulan Usahawan Niaga (TEKUN) dan Majlis Amanah Rakyat (MARA) yang kini diserapkan di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Selaras dengan penyusunan Kabinet pada 8 April 2009 yang lalu, Majlis Amanah Rakyat (MARA) telah diletakkan di bawah tanggungjawab Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) manakala Tabung Ekonomi Kumpulan Usahawan Niaga (TEKUN) telah diserapkan di bawah Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani.

MARA akan terus membela dan memperkasakan kedudukan Bumiputera dalam bidang ekonomi dan pendidikan bagi memastikan masyarakat Bumiputera terus maju melangkah ke hadapan termasuklah:

Pertama; menawarkan kemudahan pembiayaan perniagaan bagi membantu usahawan Bumiputera

memulakan perniagaan atau meningkatkan modal perniagaan. Sehingga kini, **MARA** telah mengeluarkan pembiayaan perniagaan dalam semua sektor perniagaan berjumlah **RM 3 bilion 14 juta 392 ribu 324 ringgit (RM 3,014,392,324)** yang telah memberi manfaat kepada **81,620 orang** peminjam Bumiputera;

Kedua; MARA menawarkan latihan dan kursus perniagaan dalam pelbagai bidang serta program-program peningkatan kemahiran usahawan seperti:

- Program Pembangunan Usahawan,
- Program Usahawan Teknikal (PUTEK),
- Program Inkubator Teknologi Perkilangan Bumiputera (INTEP).

Sehingga April 2009, **MARA** telah menganjurkan sebanyak **16,273** kursus dalam pelbagai bidang

keusahawanan yang telah memberi manfaat kepada seramai **515,598** peserta; dan

Ketiga; MARA mengadakan program lawatan dan pameran misi dagang ke luar negara serta bekerjasama dengan agensi-agensi Kerajaan lain dalam membantu mempromosi produk-produk Bumiputera di luar negara. Bagi tahun 2009, sebanyak **5 misi** dagang/pameran ke luar negara telah dilaksanakan dengan penyertaan seramai **89 usahawan Bumiputera**. Sepanjang RMK-9 ini, seramai **60,050 usahawan** baru telah dapat diwujudkan dan seramai **11,950 usahawan** sedia ada berpeluang mengikuti pelbagai kursus dan program keusahawanan yang disediakan.

Keempat; MARA turut berperanan melahirkan lebih ramai golongan profesional Bumiputera dengan

menawarkan pengajian dalam pelbagai bidang menerusi institusi-institusi pendidikan dan kemahiran MARA. Sehingga kini, seramai **116,674 pelajar** telah diberi peluang dan berjaya menamatkan pengajian **di MRSM** dan seramai **33,219 pelajar** di **Kolej MARA** seluruh negara. Sepanjang RMKe-9 ini juga, seramai **70 ribu pelajar** Bumiputera akan menamatkan pengajian di peringkat pendidikan menengah di bawah MRSM/Kolej MARA, **48,600 pelajar** di peringkat pendidikan dan latihan dan **91,400 pelajar** di peringkat pengajian tinggi dalam pelbagai bidang.

Selain itu, seramai **185,602 pelajar** telahpun diberi peluang mengikuti pelbagai bidang kemahiran **GIATMARA** seluruh negara manakala seramai **107,460 pelajar** pula telah berjaya menamatkan pengajian masing-masing di dalam pelbagai bidang/kursus kemahiran **di IKM/KKTM** seluruh negara. Di peringkat pengajian tinggi pula, seramai

21,336 pelajar di **KPM/KPTM** dan seramai **23,731 pelajar** di **UniKL** telah berjaya menamatkan pengajian masing-masing dalam bidang pengurusan profesional dan kemahiran teknikal.

Kelima; MARA turut menyediakan kemudahan pembiayaan kepada pelajar-pelajar Bumiputera bagi membantu meneruskan pengajian di institusi pengajian tinggi awam dan swasta di dalam dan luar negara. Sehingga kini, seramai **353,058 pelajar** telah diberi kemudahan pembiayaan dalam pelbagai kursus pengajian.

Bagi tahun 2009, **MARA** sedang menaja seramai **5,267 pelajar** pengajian di luar negara dan **51,889 pelajar** yang mengikuti pengajian di dalam negara.

MARA akan terus berusaha dan bekerjasama dengan semua pihak dan agensi Kerajaan yang lain

untuk terus meningkatkan prestasi serta pencapaian Bumiputera dari semasa ke semasa serta bersama-sama membantu Bumiputera dalam mengharungi cabaran *liberalisasi* dan *globalisasi*.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : PUAN TERESA KOK SUH SIM
(SEPUTEH)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 22.06.2009 SOALAN NO: 12

Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan kenapakah Akta Eksais diletakkan di bawah bidang kuasa Majlis Daerah dan bukannya di bawah Yang Dipertua Majlis Perbandaran. Bukankah Majlis Perbandaran mempunyai kuasa yang lebih terus ke atas isu-isu yang termaktub dalam Akta Eksais berbanding dengan Majlis Daerah.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Akta Eksais 1976 terletak di bawah kuasa Menteri Kewangan. Jabatan yang mentadbir Akta ini adalah Kastam Diraja Malaysia. Menteri Kewangan telah menurunkan kuasa bagi tujuan pengeluaran lesen menjual minuman keras sama ada secara runcit atau borong kepada Lembaga Pelesen dimana pengerusi dan ahli-ahlinya dilantik oleh Menteri Kewangan mengikut kawasan. Oleh itu, anggapan Yang

Berhormat bahawa Akta Eksais terletak di bawah bidang kuasa
Majlis Daerah ataupun Majlis Perbandaran adalah tidak tepat.

SOALAN NO: 13

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. DATUK WIRA AHMAD BIN HAJI HAMZAH

TARIKH: 22 JUN 2009

SOALAN:

Y.B. DATUK WIRA AHMAD BIN HAJI HAMZAH [Jasin] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan usaha konkrit untuk menyusun semula gunatenaga di sektor swasta agar mencerminkan komposisi kaum bagi setiap industri dan kumpulan pekerjaan dan apakah hasilnya.

PR-022-L18404

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian saya menghargai kesediaan para majikan di sektor swasta untuk mengambil pekerja berdasarkan kepada komposisi kaum yang lebih seimbang. Walau bagaimanapun perlu diperjelaskan disini bahawa pada dasarnya soal pengambilan pekerja ditentukan oleh majikan mengikut keperluan. Pihak majikan berhak untuk menentukan syarat-syarat pengambilan dan pelantikan pekerja untuk mengoptimumkan pengeluaran dan mengekalkan daya saing.

Namun demikian adalah menjadi hasrat Kerajaan supaya guna tenaga sektor swasta mencerminkan komposisi kaum yang lebih seimbang. Kementerian ini akan sentiasa

memberi dorongan dan panduan kepada para majikan yang menyahut seruan ini demi untuk merealisasikan hasrat 1 Malaysia.

Mengikut Kajian Guna Tenaga Kebangsaan (*National Employment Returns (NER)*) oleh KSM pada tahun 2007 yang melibatkan 337,473 majikan dan 3,572,440 pekerja, menunjukkan komposisi gunatenaga sektor swasta adalah terdiri daripada 47.7% kaum Melayu, 35.1% kaum Cina, 7.5% kaum India dan 9.7% kaum-kaum lain.

Berdasarkan perangkaan terkini, (Buletin Perangkaan Malaysia, Jun 2006), jumlah penduduk Malaysia ialah 26.7 juta orang yang merangkumi kaum Melayu 54%, Cina 25%, India 7.5 % dan lain-lain kaum 13.5%. Oleh itu, jika dibuat perbandingan diantara peratusan penduduk Malaysia mengikut kaum dengan guna tenaga sektor swasta, sebenarnya telah mencerminkan komposisi kaum yang hampir seimbang.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Puan Hajah Fuziah binti Salleh
[Kuantan]
TARIKH : 22 Jun 2009 (Isnin)

SOALAN :

YB Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan memperuntukkan golongan OKU untuk diberikan keutamaan bagi menunaikan haji sepertimana golongan warga emas.

JAWAPAN :

Tuan Yang DiPertua,

TH sentiasa memberi keutamaan kepada golongan OKU dengan syarat mereka mengemukakan pengesahan bukti bahawa mereka adalah golongan OKU.

Keutamaan untuk golongan OKU adalah tertakluk kepada mereka yang memenuhi syarat-syarat berikut:

- i) bagi yang buta penglihatan, mereka hendaklah diiringi oleh seorang pengiring;

NO SOALAN : 14

- ii) bagi kecacatan fizikal yang lain termasuk yang memerlukan kerusi roda sepanjang masa (*wheelchair bound*), mereka perlu mendapat pengesahan pegawai perubatan bahawa mereka boleh melaksanakan kerja-kerja haji dengan dibantu oleh seorang pengiring.

Seperti juga bakal-bakal haji yang lain, mereka hendaklah menjalani pemeriksaan perubatan sebagaimana yang diatur oleh pihak **TH** dan disahkan sihat.

Disediakan oleh :-

Haji Ahmad Ruzman bin Ahmad Razali (P) : 03-20542366
Pengurus Besar (Operasi Domestik) (HP) : 019-2008424
Lembaga Tabung Haji

Disahkan oleh :-

Haji Mohd Salleh bin Abd Mubin (P) : 03-20542552
Pengurus Besar Kanan (Haji) (HP) : 019-2008423
Lembaga Tabung Haji

Dipersetujui oleh :-

Datuk Ismee Ismail (P) : 03-2054 2023
Pengarah Urusan Kumpulan (HP) : 019-3339151
Dan Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Tabung Haji

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG (SIBUTI)
TARIKH : 22.06.2009

SOALAN:

Y.B. TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG [SIBUTI] minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah pihak Kementerian dan Jabatan Pelajaran Negeri Sarawak mempunyai wang peruntukan dari Bajet Ransangan Ekonomi Ke-2 untuk membina semula atau membaik pulih infrastruktur Sekolah Skim Rancangan Sepupok memandangkan keadaan tempat tinggal guru dan pelajar di sekolah tersebut dalam keadaan daif.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Pada masa ini, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) tidak mempunyai peruntukan dalam Bajet Rangsangan Ekonomi Ke-2 untuk membina semula Sekolah Skim Rancangan Sepupok. Namun demikian, **di bawah Peruntukan Mengurus Tahun 2009, Sekolah Skim Rancangan Sepupok telah diluluskan peruntukan berjumlah RM65ribu bagi kerja-kerja pembaikan dan penyelenggaraan sekolah.**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, waran peruntukan telahpun diturunkan kepada sekolah pada 10 Februari 2009.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN HEE LOY SIAN
(PETALING JAYA SELATAN)**

TARIKH : 22 JUN 2009

SOALAN:

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI, DAN KEBUDAYAAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk mendirikan pejabat pos di kawasan Taman Dato' Harun dan Taman Medan, Petaling Jaya Selatan memandangkan terdapat permintaan orang ramai dan populasi penduduk di kawasan tersebut telah pun mencecah lebih dari 25,000 orang.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Pos Malaysia sentiasa berusaha untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat. Pada masa ini, terdapat dua (2) buah pejabat pos dan dua (2) buah pejabat pos mini yang terletak berdekatan dengan kawasan Taman Dato' Harun dan Taman Medan, Petaling Jaya Selatan yang jaraknya antara 2 hingga 3.5 km sahaja.

Berkenaan cadangan untuk mendirikan pejabat pos di kawasan Taman Dato' Harun dan Taman Medan, Petaling Jaya Selatan, Pos Malaysia akan membuat penilaian dan pertimbangan yang sewajarnya.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN TENG BOON SOON
[TEBRAU]

TARIKH : 22 JUN 2009

SOALAN :

Y.B TUAN TENG BOON SOON [TEBRAU] MINTA MENTERI KERJA RAYA menyatakan sebab-sebab lebuhraya Senai-Desaru tidak dapat disiap bina mengikut jadual (Ogos 2008). Bilakah lebuhraya ini boleh diguna untuk mengurangkan kesesakan trafik harian yang serius di Lebuh Raya Pasir Gudang.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Projek Lebuh raya Senai-Desaru merupakan sebuah projek penswastaaan. Lebuh raya ini menghubungkan Senai ke Pasir Gudang dan Desaru sepanjang 77km. Projek ini mengalami kelewatan berbanding jadual pembukaannya pada Ogos tahun lalu di sebabkan beberapa faktor iaitu :

1. Kenaikan harga barang binaan dimana pihak kontraktor bagi konsesi lebuh raya ini menghadapi *cost overruns* sebanyak RM192 juta yang menyebabkan kerja-kerja ditapak terhenti. Segala kos yang timbul akibat kenaikan ini di tanggung sepenuhnya oleh syarikat konsesi lebuh raya ini iaitu Senai-Desaru Expressway Berhad (SDEB).
2. Jumlah keamatan hujan yang terlalu tinggi dan di luar jangkaan sepanjang tahun 2006 dan 2007 yang telah menjejaskan kelancaran kerja-kerja ditapak terutamanya kerja-kerja tanah.

Walau bagaimanapun, kedua-dua masalah ini telah berjaya diatasi dan projek ini kembali berjalan ditapak. Berdasarkan kepada jadual terkini pembinaan, **Pakej 1** (dari Lebuh raya Linkedua ke Ulu Tiram)

dan **Pakej 2** (dari Ulu Tiram ke Pasir Gudang) -dijangka dapat dibuka kepada trafik pada bulan September 2009. Manakala **Pakej 3** (dari Cahaya Baru ke Penawar) pula dijangka dapat dibuka pada 31 Disember 2009.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN MOHD. YUSMADI BIN MOHD. YUSOFF
(BALIK PULAU)
TARIKH : 22 JUN 2009 (ISNIN)

SOALAN NO. 18

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff (Balik Pulau) minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan tahap literasi digital (digital literacy) di kalangan belia di luar bandar.

JAWAPAN:

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian pada masa ini tiada maklumat tepat mengenai tahap literasi digital (digital literacy) di kalangan belia di luar bandar. Namun, Kementerian melalui Institut Penyelidikan Belia Malaysia (IPPBM) telah menyediakan Indeks Belia Malaysia 2008 (IBM'08) yang merupakan instrumen untuk memantau perkembangan kualiti hidup dan kesejahteraan hidup generasi belia di Malaysia. IBM ini telah dibentuk berdasarkan sejumlah 4,673 sampel yang berada dalam kategori 15 – 40 tahun. Salah satu domain utama IBM adalah “**Ketembusan Media**” yang berkaitan dengan isu jurang digital di kalangan belia luar bandar. IBM tersebut mendapati skor domain Ketembusan Media bagi belia luar bandar ialah 82.9 berbanding skor maksimum 100. Skor domain ini menunjukkan bahawa golongan belia di luar bandar mempunyai pendedahan yang tinggi atau di tahap SANGAT BAIK kepada pelbagai media termasuk media berasaskan teknologi komunikasi/ digital.

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK CHUA SOON BUI

TARIKH : 22 JUN 2009 (ISNIN)

SOALAN : Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan :-

(a) berapakah keluasan kawasan dan hasil pengeluaran industri pemeliharaan udang di Tawau, Sabah dan di seluruh Malaysia bagi tahun 2005 hingga 2009; dan

(b) apakah bantuan yang telah disediakan untuk pemeliharaan udang di Tawau dan Sabah dalam memerangi penyakit-penyakit udang dan meningkatkan pengeluaran.

JAWAPAN : Oleh Y.B. Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani,

Tuan Yang Dipertua,

(a) Jumlah pengeluaran udang laut yang ditenak di Tawau, Sabah pada tahun 2005 adalah sebanyak 691.35 tan metrik dengan kawasan seluas 318.21 hektar. Pada tahun 2006, jumlah pengeluaran telah meningkat kepada 1,570.24 tan metrik atau

56% daripada tahun sebelumnya dan keluasan kawasan adalah sama. Jumlah pengeluaran turut meningkat pada tahun 2007 kepada 4,171.05 tan metrik dengan keluasan 367.12 hektar manakala pada tahun 2008 pengeluaran adalah sebanyak 4,171.05 tan metrik dengan keluasan sebanyak 413.04 hektar. Sehingga bulan Mac 2009, jumlah pengeluaran adalah sebanyak 352.37 tan metrik.

Jumlah pengeluaran udang laut negara pada tahun 2005 adalah sebanyak 33,839.52 tan metrik dengan keluasan sebanyak 12,034.34 hektar. Jumlah pengeluaran terus meningkat pada tahun 2006 kepada 35,806.02 tan metrik dengan keluasan 10,638.88 hektar dan pada tahun 2007, jumlah pengeluaran adalah sebanyak 35,419.25 tan metrik dengan keluasan 12,389.88 hektar. Pada tahun 2008, pengeluaran telah meningkat sebanyak 15,983.87 tan metrik menjadikan jumlah pengeluaran pada tahun tersebut sebanyak 51,403.12 tan metrik dengan keluasan 21,689.97 hektar.

Peratusan sumbangan pengeluaran udang laut dari Tawau, Sabah kepada jumlah pengeluaran negara pada tahun 2005 ialah sebanyak 2% dan 4.4% pada tahun 2006. Jumlah sumbangan ini terus meningkat kepada 8.3% pada tahun 2007 manakala pada tahun 2008 sumbangan adalah sebanyak 8.1%. Secara keseluruhannya, jumlah pengeluaran adalah bertambah dan pengeluaran

udang laut di Tawau, Sabah memberikan sumbangan yang substantif kepada jumlah pengeluaran udang laut negara. Peningkatan ini juga jelas menunjukkan komitmen Kerajaan dalam membangunkan industri ternakan udang di Sabah dan seluruh negara.

(b) Mengikut Program Insentif Pengeluaran Akuakultur di bawah Dasar Jaminan Makanan Negara, semua ladang yang layak (termasuk di Tawau) boleh menerima di antara RM450-550 setiap tan metrik pengeluaran yang dihasilkan. Sebanyak 5 syarikat ladang di Tawau setakat kini telah menerima insentif ini dan sebanyak 15 lagi yang sedang memohon insentif ini. Jabatan Perikanan Malaysia juga menyediakan khidmat analisis makmal kepada ladang-ladang khususnya bagi tujuan kawalan penyakit dan jaminan kualiti hasil. Selain daripada itu Jabatan juga sentiasa memberikan nasihat teknikal berkenaan dengan aktiviti akuakultur mereka.

PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : Y.B. DR. RAMASAMY A/L PALANISAMY
(BATU KAWAN)**

TARIKH : 22 JUN 2009

**SOALAN [20] : Y.B. Dr. Ramasamy a/l Palanisamy minta
MENTERI LUAR NEGERI menyatakan adakah
Kerajaan Malaysia tidak menghiraukan isu
pembunuhan orang awam Tamil beramai-ramai
di Sri Lanka dan mempunyai sebab-sebab
tertentu untuk menghalang perbincangan isu ini
walaupun Parlimen Malaysia telah mengadakan
perjumpaan tergempar bagi membahaskan isu
pencerobohan Palestin.**

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Izinkan saya menjawab soalan YB Ipoh Barat ini bersama dengan soalan–soalan YB Batu Kawan pada 22 Jun 2009, YB Sungai Siput pada 23 Jun 2009 dan YB Klang pada 30 Jun 2009 kerana menyentuh perkara yang sama.

2. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada yang berkenaan atas soalan–soalan yang dikemukakan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Sebagaimana Dewan yang mulia ini sedia maklum, negara kita semenjak mencapai kemerdekaan, telah mengamalkan secara konsisten, dasar luar yang berteraskan prinsip–prinsip menghormati kemerdekaan, kedaulatan dan integriti wilayah serta tidak mencampuri urusan dalaman negara–negara lain. Untuk itu, Malaysia dilihat oleh masyarakat antarabangsa sebagai negara yang mempunyai kredibiliti tinggi.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Mengenai konflik di Sri Lanka, Malaysia melihatnya sebagai isu dalaman negara berkenaan. Selaras dengan dasar luar negara yang berteraskan kepada prinsip–prinsip tersebut, Malaysia mengambil berpendirian bahawa Sri Lanka, sebagai negara merdeka dan berdaulat,

mempunyai hak untuk mengurus dan menyelesaikan sendiri perkara-perkara berkaitan konflik dalaman negara tersebut dengan sebaik-baiknya.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Kerajaan Sri Lanka telah mengundang Setiausaha Agong PBB, Ban Ki-Moon melawat negara itu pada 23 Mei 2009. Lawatan tersebut bertujuan antara lain, untuk membolehkan Setiausaha Agong PBB melihat dengan lebih dekat perkembangan di Sri Lanka.

6. Semasa lawatan tersebut, Kerajaan Sri Lanka telah memberi jaminan bahawa pihaknya akan berusaha keras menghasilkan satu penyelesaian nasional yang boleh diterima segenap lapisan masyarakat negara itu. Pihaknya turut melahirkan keinginan memulakan proses dialog lebih luas melibatkan semua parti politik termasuk yang mewakili kepentingan masyarakat berketurunan Tamil tempatan dan seterusnya, memperkukuhkan proses tersebut demi membawa keamanan dan pembangunan berpanjangan di Sri Lanka.

7. Pada masa yang sama, Kerajaan Sri Lanka telah menekankan kesediaan pihaknya untuk memberi setinggi-tinggi komitmen dalam memupuk dan memelihara hak-hak asasi manusia bagi memenuhi piawai-piawai hak asasi manusia antarabangsa selaras dengan penekanan yang telah dibuat oleh Setiausaha Agong PBB mengenai pentingnya proses kebertanggungjawaban untuk mengendalikan kes-kes pencabulan undang-undang kemanusiaan dan hak asasi manusia antarabangsa. Perkara-perkara ini termaktub dalam pernyataan

bersama antara Kerajaan Sri Lanka dan Setiausaha Agong PBB yang dikeluarkan di akhir lawatan itu.

Tuan Yang di-Pertua,

8. Susulan lawatan tersebut, Majlis Hak Asasi Manusia PBB juga telah mengadakan sesi khas di Geneva, Switzerland pada 26 Mei 2009 bagi membincangkan kedudukan hak asasi manusia di Sri Lanka. Sesi Khas berkenaan menyaksikan draf resolusi Sri Lanka diterima. Resolusi tersebut menyediakan ruang kukuh kepada Sri Lanka untuk memberi tumpuan intensif kepada program-program pemulihan serta pembangunan dan penyatuan semula dengan memberi penekanan kepada prinsip-prinsip menghormati hak-hak asasi manusia, hak kesemua kelompok etnik termasuk masyarakat etnik Tamil tempatan.

9. Malaysia menyokong draf resolusi berkenaan kerana ianya selaras dengan pendirian negara berhubung dengan konflik di Sri Lanka. Selain itu, draf resolusi tersebut memberi tumpuan antara lain, kepada prinsip kebebasan, kedaulatan dan integriti wilayah sebagai asas kerjasama antarabangsa termasuk dengan PBB. Draf resolusi itu turut mendapat sokongan negara-negara Pergerakan Berkecuali dan Pertubuhan Persidangan Islam yang menjadi anggota Majlis Hak Asasi Manusia PBB.

Tuan Yang di-Pertua,

10. Sebagai tanda sokongan dan keprihatinan kepada Kerajaan Sri Lanka dalam usahanya menjayakan program kemanusiaan kepada mangsa-mangsa konflik berkenaan, Kerajaan Malaysia telah mengambil

keputusan menghulurkan bantuan kemanusiaan sebanyak USD 100 ribu kepada Kerajaan Sri Lanka. Bantuan tersebut akan digunakan Kerajaan Sri Lanka dalam pembelian makanan dan ubat-ubatan serta melaksanakan projek perumahan sementara untuk mangsa-mangsa konflik berkenaan. Satu jawatankuasa khas telah ditubuhkan oleh Kerajaan Sri Lanka bagi memastikan supaya semua bantuan kemanusiaan masyarakat antarabangsa dapat disalurkan kepada mereka yang disasarkan secara berkesan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. PUAN NORAH BINTI
ABD RAHMAN
(TANJONG MANIS)**

TARIKH : 22 JUN 2009


SOALAN :

Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan apakah tindakan Kementerian dalam jangka masa yang terdekat ini untuk memastikan setiap penduduk luar bandar di kawasan Parlimen Tanjung Manis yang tidak mempunyai air bersih pada setiap musim kemarau dibekalkan dengan air bersih secukupnya.


Jawapan:

Untuk makluman Yang Berhormat, dalam tempoh jangka masa terdekat, Kementerian akan memberi tumpuan kepada pelaksanaan projek-projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) secara Sistem Alternatif seperti telaga tiub dan *gravity feed* termasuk pelaksanaan *mini package plant* bagi menyediakan bekalan air bersih dan terawat di kawasan luar bandar termasuk di kawasan Parlimen Tanjung Manis.

Disediakan oleh :

Tandatangan : 
Nama Pegawai : Mohammad Shahizan bin Abdullah
Jawatan : KPSU (PD) C
No. Telefon : 03-8886 3741

Disemak oleh :

Tandatangan : 
Nama Pegawai : Haji Maluin Bin Sadiran
Jawatan : TSUB (PD)
No. Telefon : 03-8886 3814

Diluluskan oleh :

Tandatangan :
Nama Pegawai : Dato' Haji Basar bin Haji Abd
Rahman
Jawatan : TKSU (S)
No. Telefon : 03-8886 3503

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : **BAGI JAWAB LISAN**

DARIPADA : **Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail
[Machang]**

TARIKH : **22 Jun 2009 (Isnin)**

SOALAN :

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sejauh mana pelaksanaan dan tahap pencapaian khidmat online kepada pelanggan Jabatan Pengangkutan Jalan dapat membantu memperbaiki sistem penyampaian kepada rakyat.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Perkhidmatan *online* kepada pelanggan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) didapati mendapat sambutan baik daripada orang awam. Melalui sistem *online* ini, orang awam dapat melaksanakan transaksi melalui internet dan kiosk-kiosk yang disediakan tanpa perlu hadir ke pejabat JPJ. Di samping itu, orang awam juga boleh melakukan transaksi pada bila-bila masa dan di luar waktu pejabat. Seterusnya, perkhidmatan *online* juga tidak melibatkan penggunaan wang tunai kerana bayaran boleh dilaksanakan melalui kad kredit. Sistem perkhidmatan *online* ini selain membantu orang awam, ia juga membantu JPJ terutamanya

dalam menangani masalah kesesakan di kaunter dan pengendalian wang tunai oleh kakitangan JPJ.

Tuan yang dipertua,

Pada masa ini, terdapat empat perkhidmatan JPJ dilaksanakan melalui *online* iaitu pembaharuan Lesen Kenderaan Motor (LKM), pembaharuan Lesen Memandu Kompeten (CDL), pengeluaran Lesen Belajar Memandu (LDL) dan pertanyaan serta bayaran saman JPJ. Berdasarkan perangkaan pada tahun 2008 dan sehingga April 2009, didapati sebanyak 166,486 transaksi bagi pembaharuan LKM, sebanyak 6,578 transaksi bagi perkhidmatan pembaharuan CDL, sebanyak 185,990 transaksi bagi pengeluaran lesen LDL dan sebanyak 273 transaksi bagi perkhidmatan pembayaran saman dilaksanakan melalui perkhidmatan *online*.

Jika dibandingkan transaksi *online* di antara tahun 2008 dan bulan April 2009, didapati adanya peningkatan sebanyak 8,156 transaksi bagi pembaharuan Lesen Kenderaan Motor (LKM) dan 81 transaksi bagi perkhidmatan bayaran saman manakala bagi dua perkhidmatan yang lain, dijangkakan akan turut meningkat. Ini jelas menunjukkan bahawa sistem penyampaian Kerajaan melalui perkhidmatan *online* semakin popular, efektif dan diyakini oleh rakyat.

KEMENTERIAN PENGANGKUTAN JUN 2009

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATO' NORAINI BINTI AHMAD
(PARIT SULONG)
TARIKH : 22.06.2009

SOALAN:

Y.B. DATO' NORAINI BINTI AHMAD [PARIT SULONG] minta Menteri Pelajaran menyatakan pihak Kementerian mempunyai data pertambahan penduduk dan perancangan pro-aktif bagi pembinaan sekolah-sekolah baru sama ada Sekolah Kebangsaan atau Sekolah Menengah yang selari dengan pertambahan penduduk di sesuatu kawasan khususnya di luar bandar.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Pembinaan sekolah mengambil kira banyak faktor termasuk pertambahan penduduk, khususnya peringkat umur bersekolah. Antara lain, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) membuat analisis trend serta unjuran pertambahan murid bagi sesuatu kawasan.

KPM sentiasa bekerjasama dengan Jabatan Pelajaran Negeri, Kerajaan Negeri, Unit Penyelarasan Pelaksanaan Negeri, Jabatan Statistik dan lain-lain agensi berkaitan dalam menentukan keperluan pembinaan sekolah baru.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD. YUSOFF
[RANTAU PANJANG]**

TARIKH : 22 JUN 2009

**SOALAN : PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD. YUSOFF
[RANTAU PANJANG]**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah objektif dan fungsi Jabatan Pembangunan Persekutuan. Apakah ianya tidak dilihat:

- (a) mencabuli prinsip Kerajaan Persekutuan dan menambah kos yang tidak sepatutnya; dan
- (b) menolak mandat yang diberikan oleh rakyat kepada Kerajaan Negeri.

JAWAPAN: Y.B. TAN SRI NOR MOHAMED BIN YAKCOP

Tuan Yang Di-Pertua,

Jabatan Pembangunan Persekutuan diwujudkan dengan objektif dan fungsi berikut:

- i. sebagai *source of reference* kepada agensi-agensi Persekutuan di negeri;

- ii. menggubal kaedah perancangan dan pelaksanaan program pembangunan untuk mencapai aspirasi dan objektif pembangunan Kerajaan Persekutuan;
- iii. menyelaraskan aktiviti-aktiviti perancangan pelaksanaan projek-projek pembangunan Persekutuan di peringkat negeri;
- iv. menentukan pelaksanaan projek-projek pembangunan yang dirancang dilaksanakan mengikut jadual;
- v. mengesan dan mengenalpasti masalah pelaksanaan rancangan pembangunan dan mengemukakan laporan kepada Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri;
- vi. mengkaji dan merancang peluang pelaburan terutama di dalam bidang perindustrian dan

pertanian sama ada yang melibatkan pelabur dari luar atau dalam negeri; dan

- vii. bertindak sebagai Pegawai Perhubungan antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri.

Berdasarkan kepada objektif dan fungsi yang dinyatakan, fungsi Jabatan Pembangunan Persekutuan adalah sama dengan fungsi Pejabat-pejabat Pembangunan Negeri di negeri-negeri lain dan sama sekali tidak mencabuli prinsip Kerajaan Persekutuan atau menolak mandat rakyat.

Jabatan Pembangunan Persekutuan telah memainkan peranannya untuk mensejahterakan rakyat melalui melalui berbagai program dan projek yang dilaksanakan. Perkara ini juga telah diakui oleh berbagai pihak di negeri Kelantan.

SOALAN NO. (25)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN CHUA TEE YONG (LABIS)

TARIKH : 22 JUN 2009 (ISNIN)

SOALAN :

Y.B. TUAN CHUA TEE YONG (LABIS) minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan garis panduan yang digunakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi meluluskan tempat-tempat ternakan burung walit. Apakah tindakan yang akan diambil oleh PBT terhadap penternak yang melanggar syarat kelulusan.

JAWAPAN :-

Tuan Yang DiPertua,

Terima kasih diucapkan kepada Ahli Yang Berhormat atas soalan ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah mengeluarkan Garis Panduan Permohonan Lesen Premis Perusahaan Sarang Burung Walit kepada semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi menetapkan syarat-syarat dan langkah-langkah yang perlu diambil oleh pengusaha pada tahun 2005 sebelum sesebuah premis boleh diluluskan untuk perusahaan sarang burung walit.

Sekiranya penternak didapati melanggar syarat yang telah ditetapkan PBT yang berkenaan boleh mengambil tindakan dengan menggunakan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Penternak yang melanggar syarat juga akan dirujuk

kepada Persatuan Penternak Burung Walit untuk dinasihati supaya mematuhi peraturan dan garis panduan.

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan

Jun 2009

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : Y.B. DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ
TARIKH : 22 JUN 2009

SOALAN:

Y.B. DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ [SUNGAI SIPUT] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pendapatan bulanan “mean” dan “median” untuk tiap kategori pekerjaan mengikut pecahan bangsa dan jantina.

CADANGAN JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sumber utama maklumat yang digunakan dalam mengukur pendapatan isi rumah penduduk di negara ini adalah berdasarkan kepada Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah (HIS). HIS ini biasanya dijalankan dua setengah tahun sekali dan teknik persampelan yang direkabentuk mengambil kira tahap kepersisan (*reliability*) diperingkat nasional, negeri dan strata sahaja. Dengan ini, statistik mengenai pendapatan bulanan isi rumah mengikut pelbagai tahap sepertimana yang diminta adalah tidak mewakili dan tidak persis (*not representative and not reliable*).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan kepada HIS 2007, pendapatan purata (*mean*) isi rumah kasar bulanan penduduk Malaysia mengikut kumpulan pekerjaan dan etnik ketua isi rumah adalah seperti berikut:

- Pendapatan purata bulanan Pegawai Kanan dan Pengurus bagi Bumiputera adalah RM7,533, Cina RM9,759 dan India RM8,978;
- Pendapatan purata bulanan Profesional bagi Bumiputera adalah RM7,092, Cina RM7,641 dan India RM8,560;
- Pendapatan purata bulanan Juruteknik dan Profesional Bersekutu bagi Bumiputera adalah RM4,348, Cina RM5,474 dan India RM3,955;
- Pendapatan purata bulanan Pekerja Perkeranian bagi Bumiputera adalah RM3,528, Cina RM4,228 dan India RM3,167;
- Pendapatan purata bulanan Pekerja Perkhidmatan, Pekerja Kedai dan Jurujual bagi Bumiputera adalah RM2,881, Cina RM3,734 dan India RM3,154;
- Pendapatan purata bulanan Pekerja Mahir Pertanian dan Perikanan bagi Bumiputera adalah RM1,746, Cina RM2,844 dan India RM1,733;
- Pendapatan purata bulanan Pekerja Pertukangan dan yang berkaitan bagi Bumiputera adalah RM2,368, Cina RM3,649 dan India RM3,156;
- Pendapatan purata bulanan Operator Logi dan Mesin serta Pemasang bagi Bumiputera adalah RM2,539, Cina RM3,445 dan India RM2,868; dan

- Pendapatan purata bulanan Pekerjaan Asas bagi Bumiputera adalah RM2,098, Cina RM2,822 dan India RM2,474.

Pendapatan penengah (*median*) isi rumah kasar bulanan bagi penduduk Malaysia mengikut kumpulan pekerjaan dan etnik ketua isi rumah adalah seperti berikut:

- Pendapatan penengah bulanan Pegawai Kanan dan Pengurus bagi Bumiputera adalah RM5,336, Cina RM7,498 dan India RM7,509;
- Pendapatan penengah bulanan Profesional bagi Bumiputera adalah RM6,063, Cina RM6,529 dan India RM6,919;
- Pendapatan penengah bulanan Juruteknik dan Profesional Bersekutu bagi Bumiputera adalah RM3,668, Cina RM4,485 dan India RM3,242;
- Pendapatan penengah bulanan Pekerja Perkeranian bagi Bumiputera adalah RM2,982, Cina RM3,689 dan India RM2,800;
- Pendapatan penengah bulanan Pekerja Perkhidmatan, Pekerja Kedai dan Jurujual bagi Bumiputera adalah RM2,363, Cina RM3,133 dan India RM2,540;
- Pendapatan penengah bulanan Pekerja Mahir Pertanian dan Perikanan bagi Bumiputera adalah RM1,418, Cina RM2,096 dan India RM1,543;
- Pendapatan penengah bulanan Pekerja Pertukangan dan yang berkaitan bagi Bumiputera adalah RM1,799, Cina RM2,971 dan India RM2,710;

- Pendapatan penengah bulanan Operator Logi dan Mesin serta Pemasang bagi Bumiputera adalah RM2,116, Cina RM2,840 dan India RM2,563; dan
- Pendapatan penengah bulanan Pekerjaan Asas bagi Bumiputera adalah RM1,700, Cina RM2,289 dan India RM1,956.

SOALAN NO: 27

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA MOJILIP
BIN BUMBURING @ WILFRED [TUARAN]**

TARIKH : 22 JUN 2009

RUJUKAN : 1824

SOALAN:

Datuk Seri Panglima Mojilip bin Bumburing @ Wilfred [Tuaran] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan Kerajaan terhadap pihak yang telah membakar bendera Malaysia dalam satu kejadian di Sabah baru-baru ini dan apakah perkembangan dalam kes ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Tuanan yang telah mengemukakan soalan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan akan mengambil tindakan undang-undang terhadap pihak yang didapati terlibat dalam kes membakar bendera di Lahad Datu, Sabah. Mereka boleh dituduh di bawah Seksyen 130b(2)(c)(ii), Kanun Keseksaan atau di bawah Seksyen 4(1)(b), Akta Hasutan dan juga di bawah Seksyen 5, Enakmen Lambang-Lambang dan Nama-Nama (Mencegah Penggunaan Yang Tidak Betul) 1979, Sabah. Siasatan bagi kes ini telah selesai dan kertas siasatan telah diserahkan untuk tindakan lanjut pihak Timbalan Pendakwa Raya, Sabah.

Kerajaan juga telah mengambil tindakan untuk memupuk semangat patriotisme, nasionalisme dan sayangkan negara terutama di kalangan remaja agar kejadian seperti ini dapat dicegah daripada berulang di masa-masa akan datang.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **PUAN TEO NIE CHING**
TARIKH : **22 JUN 2009 (ISNIN)**

SOALAN: 28

Puan Teo Nie Ching [SERDANG] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan akan menaikkan syarat ekuiti pegangan Bumiputera di sektor lain apabila 27 sektor industri telah dikecualikan daripada syarat 30 peratus tersebut untuk mencapai 30 peratus ekuiti Bumiputera keseluruhannya.

CADANGAN JAWAPAN

Tuan Yang di Pertua,

Untuk makluman Ahli yang Berhormat, Dasar Liberalisasi yang diumumkan oleh Kerajaan baru-baru ini adalah bertujuan bagi menggalakkan lebih banyak pelaburan dan penyertaan sektor swasta, khususnya di kalangan pelabur asing untuk melabur dalam sektor-sektor yang dapat menjana pertumbuhan ekonomi yang lebih tinggi dan meningkatkan daya saing negara di persada antarabangsa. Langkah ini penting diambil sebagai respons kepada krisis ekonomi global semasa yang telah mengheret ekonomi negara kepada pertumbuhan negatif 6.2 peratus pada suku pertama tahun 2009.

Selaras dengan pendekatan pembangunan negara iaitu 'pertumbuhan dengan pengagihan', pertumbuhan ekonomi negara adalah penting bagi membolehkan program-program untuk membantu kumpulan-kumpulan yang masih ketinggalan terus dapat dilaksanakan. Adalah sukar bagi Kerajaan untuk melaksanakan pendekatan 'pertumbuhan dengan pengagihan' sekiranya ekonomi negara tidak berkembang.

Setelah syarat ekuiti Bumiputera dikecualikan dalam 27 subsektor perkhidmatan, adalah terlalu awal bagi Kerajaan untuk menyatakan sama ada syarat ekuiti Bumiputera akan dinaikkan dalam sektor-sektor lain bagi mencapai sasaran sekurang-kurangnya 30 peratus ekuiti Bumiputera. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, syarat ekuiti ini bukanlah merupakan instrumen tunggal atau dengan izin, *sole instrument*, untuk meningkatkan pemilikan ekuiti Bumiputera. Terdapat pelbagai program yang membantu ke arah peningkatan pemilikan ekuiti korporat Bumiputera dan program-program ini akan terus dilaksanakan.

Antaranya termasuk program latihan keusahawanan dan penyediaan kemudahan tabung-tabung pinjaman. Peranan institusi Bumiputera seperti Permodalan Nasional Berhad (PNB) dan Tabung Haji akan terus diperkukuh bagi menggembelng pelaburan individu Bumiputera sebagai salah satu langkah untuk meningkatkan pemilikan ekuiti Bumiputera melalui unit saham amanah, selain memperolehi sumber kewangan yang lebih teguh bagi melaksanakan projek yang lebih besar dan mempelbagaikan pelaburan. Pemilikan Bumiputera

dalam hartanah kediaman dan komersial juga dipertingkat melalui agensi seperti Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA), Yayasan Amanah Hartanah Bumiputera dan Majlis Amanah Rakyat (MARA).

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : PUAN TAN AH ENG
[GELANG PATAH]
TARIKH : 22 JUN 2009
SOALAN :

Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan :

- (a) langkah-langkah untuk mengatasi kekurangan doktor pakar di hospital Kerajaan khasnya di kawasan bandar; dan ;
- (b) jumlah bilangan mengikut kaum yang mendapat Tabung Bantuan Perubatan pada tahun 2008 dan 2009.

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Pada masa ini, Kementerian Kesihatan mempunyai sejumlah 2,035 orang atau 54.5% Pegawai Perubatan Pakar daripada sejumlah 3,734 jawatan yang diwujudkan. Walau bagaimanapun, Kementerian akan terus berusaha untuk menambahkan bilangan Pegawai Perubatan Pakar bagi memastikan penyampaian perkhidmatan kesihatan kepada rakyat tidak terjejas.

Antara langkah yang dilaksanakan adalah seperti berikut :

- a) melantik secara automatik Pegawai Perubatan Pakar yang telah bersara wajib untuk berkhidmat dengan Kementerian Kesihatan dengan syarat prestasi perkhidmatan yang cemerlang dan kesihatan yang baik ;
 - b) menggunakan khidmat Pegawai Perubatan Pakar swasta untuk bertugas di hospital-hospital Kerajaan secara *sessional* ;
 - c) bekerjasama dengan Kementerian Pengajian Tinggi untuk menambahkan bilangan tempat pengajian sarjana dalam bidang perubatan ;
 - d) bekerjasama dengan Kementerian Sumber Manusia dalam 'Program Menggalakkan Warganegara Malaysia Yang Berkepakaran Yang Bekerja Di Luar Negara Pulang Ke Malaysia' untuk berkhidmat sebagai Pegawai Perubatan di hospital-hospital Kerajaan ;
 - e) menambahbaik terma dan syarat-syarat perkhidmatan Pegawai Perubatan seperti mewujudkan pelbagai insentif dan peluang kemajuan kerjaya yang baik ; dan
 - f) melantik secara kontrak Pegawai Perubatan Pakar bukan warganegara.
- (b) Pada tahun 2008, sejumlah 2,254 kelulusan telah diberikan untuk bantuan perubatan di bawah Tabung Bantuan Perubatan (TBP). Pecahan mengikut kaum yang mendapat bantuan perubatan adalah seperti berikut :
- | | | | |
|----|-------------|---|---------------|
| 1) | Melayu | : | 866 kelulusan |
| 2) | Cina | : | 678 kelulusan |
| 3) | India | : | 472 kelulusan |
| 4) | Lain – lain | : | 238 kelulusan |

Pada tahun 2009 (sehingga suku tahun pertama), sejumlah 922 kelulusan bilangan pesakit telah mendapat bantuan di bawah TBP. Pecahan

mengikut kaum yang mendapat bantuan perubatan adalah seperti berikut :

- | | | | |
|----|-------------|---|---------------|
| 1) | Melayu | : | 348 kelulusan |
| 2) | Cina | : | 291 kelulusan |
| 3) | India | : | 208 kelulusan |
| 4) | Lain – lain | : | 75 kelulusan |

Secara kesimpulannya, bantuan perubatan yang diberikan adalah meliputi semua kaum. Pemberian bantuan perubatan ini tidak membezakan antara kaum malah semua warganegara Malaysia yang kurang mampu dan dirujuk oleh hospital Kerajaan adalah layak untuk mendapat bantuan ini.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN TAN KOK WAI
[CHERAS]
TARIKH : 22 JUN 2009
SOALAN :

Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berikutan kes penyakit TB kembali menular dalam negara sejak kebelakangan ini, apakah sebab/punca kes boleh berulang, langkah pencegahan dan rawatan yang disediakan, bilangan kes dan kematian sepanjang tempoh 3 tahun lalu sehingga Mei 2009.

Tuan Yang di-Pertua,

Pada setiap tahun sejak tahun 2006 sehingga bulan Mei 2009, terdapat peningkatan bilangan kes tibi di negara kita dengan jumlah kes 56,800 bagi tempoh tersebut. Sejumlah 4,613 kematian dilaporkan untuk tempoh itu dengan kadar kematian berjumlah 8.1%. Jika dibandingkan dengan kadar kejadian pada 10 tahun lalu, penyakit tibi menunjukkan *trend* peningkatan atau dikenali sebagai penyakit lama yang muncul semula (*re-emerging disease*).

Antara sebab kes tibi meningkat adalah sebagaimana berikut :

- i. Pesakit tibi tidak menghabiskan tempoh rawatan mereka sekurang-kurangnya enam bulan untuk sembuh. Apabila mereka berhenti mengambil rawatan, kuman tibi akan membiak semula dalam badan mereka dan mereka boleh terus menjangkiti orang lain pula.

- ii. Apabila pesakit tibi terhenti rawatan dalam tempoh lebih dari 2 bulan dan datang semula mendapatkan rawatan, mereka dianggap sebagai kes baru dan ini akan meningkatkan statistik kes.
- iii. Pesakit tibi yang telah sembuh atau telah menamatkan rawatan, tubuh mereka tidak membentuk imuniti terhadap kuman tibi. Mereka masih boleh dijangkiti kuman tibi semula jika terdedah kepada pesakit tibi lain, terutama sekiranya mereka mempunyai masalah perubatan lain seperti penyakit paru-paru kronik, *diabetis mellitus*, *HIV* dan sebagainya.

Antara langkah pencegahan untuk mengatasi peningkatan kes tibi adalah:

- i. Memastikan semua pesakit tibi menamatkan rawatan mengikut rejim piawai yang telah ditetapkan di bawah seliaan anggota kesihatan atau penyelia terlatih (*Directly Observed Treatment*).
- ii. Memastikan pesakit tibi yang mempunyai penyakit lain seperti diabetis, penyakit paru-paru kronik atau *HIV* dirawat dengan sempurna dan terkawal bagi mengelakkan pendedahan semula kepada jangkitan kuman tibi.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HASBI BIN HABIBOLLAH
[LIMBANG]**

TARIKH : 18 JUN 2009

SOALAN:

Tuan Hasbi bin Habibollah [Limbang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bolehkah Kerajaan Malaysia menandakan sempadan maritim sementara di Teluk Brunei supaya nelayan-nelayan di kawasan Limbang dan Lawas yang kerap kali tersasar persempadanan yang samar dan terpaksa berhadapan dan dikenakan tindakan oleh pihak penguatkuasa negara jiran tahu di mana lebih kurang kawasan yang selamat untuk menangkap ikan.

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Dipertua,

Penandaan sempadan darat Malaysia-Brunei Darussalam di kawasan Limbang masih lagi di peringkat perbincangan tim teknikal antara kedua-dua buah negara. Walau bagaimanapun, berhubung hak laluan Malaysia melalui zon maritim Brunei Darussalam, rakyat dan penduduk Malaysia diberi hak laluan melintasi zon maritim Brunei Darussalam dalam perjalanan pergi balik dari Sarawak yang tidak boleh digantung (*unsuspendable rights of maritime access*) oleh Kerajaan Brunei Darussalam asalkan undang-undang dan peraturan negara tersebut dipatuhi.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA : YB DR. TAN SENG GIAW [KEPONG]

TARIKH : ISNIN, 22 JUN 2009

RUJUKAN : 05

SOALAN :

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan :

Keazaman dan langkah-langkah untuk mewujudkan Kuala Lumpur sebagai bandar raya taman tropika bertaraf dunia serta bercahaya secocok dengan pelan induk 2020. Setakat mana beliau menangani masalah-masalah seumpama pengangkutan awam, pemeliharaan tanah lapang dan hijau, setinggan dan peniaga kecil.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Kepong, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telahewartakan pemakaian **Pelan Struktur Kuala Lumpur 2020 (PSKL2020)** pada November 2004. Wawasan, matlamat, strategi dan dasar pelan struktur ini telah diterjemahkan ke dalam **Draf Pelan Bandar Raya Kuala Lumpur 2020 (DPBRKL2020)** yang telah diwartakan penyediaannya pada Mei 2008.

KWP dan DBKL **mempunyai keazaman yang kuat untuk menjadikan Kuala Lumpur sebagai sebuah bandar raya taman tropika** dan menyelesaikan pelbagai masalah seperti mana yang telah dinyatakan dalam PSKL2020 dan DPBRKL2020.

Cadangan-cadangan berkaitan dengan pengangkutan dan lalu lintas yang telah dinyatakan dalam DPBRKL2020 juga turut memberi keutamaan kepada **pengangkutan awam**. Tujuan utamanya ialah untuk meningkatkan penggunaan pengangkutan awam bagi mencapai **modal split** pengangkutan awam dan kenderaan persendirian kepada nisbah 60:40 menjelang 2020.

DPBRKL2020 antara lain telah mencadangkan **langkah-langkah berikut untuk menangani masalah pengangkutan awam iaitu;**

1. Memanjangkan liputan rangkaian rel;
2. Menyediakan kemudahan '*Park and Ride*';
3. Memberi keutamaan kepada perkhidmatan bas;
4. Penyuraian lalu lintas di waktu puncak;
5. Mengurangkan SOV dan penyediaan insentif kepada pengguna jalan raya;
6. Menghadkan lalu lintas dalam pusat bandar raya;
7. Pengurusan tempat letak kenderaan; dan
8. Penggunaan ITIS.

Hala tuju strategik 5.1 di dalam DPBRKL2020 juga turut mencadangkan agar diwujudkan **Bandar Raya Bebas Kesyakan**. Peralihan penggunaan kepada mod pengangkutan awam di Kuala Lumpur dijangka akan menurunkan permintaan terhadap kenderaan persendirian menjelang tahun 2020.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menangani masalah pemeliharaan **tanah lapang dan hijau** pula, terdapat beberapa langkah yang dicadangkan dalam DPBRKL2020 **bagi** menambah kawasan lapang di Kuala Lumpur. Antaranya adalah:

1. **Mengezonkan kawasan-kawasan baru** untuk digunakan sebagai kawasan lapang awam; dan
2. Memastikan setiap pemaju pembangunan memperuntukkan **sekurang-kurangnya 10 peratus** daripada kawasan yang dibangunkan untuk dijadikan kawasan lapang awam.

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam isu setinggan pula, DBKL pada masa ini, sedang giat melaksanakan **Program Pemindahan Setinggan** yang menetap di atas tanah kerajaan di seluruh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL) ke **Projek Perumahan Rakyat (PPR)** selaras dengan matlamat '**Setinggan Sifar 2009**'. DBKL telah menyusun program menyeluruh untuk memindahkan semua setinggan di tanah kerajaan ke PPR yang berhampiran dengan tempat asal mereka, sekiranya keadaan mengizinkan. Dalam kes setinggan di tanah

persendirian pula DBKL akan membantu pemilik tanah memindahkan setinggan ke PPR dan mengecaj kos pemindahan itu kepada pemilik tanah. DBKL juga berusaha memastikan semua bekas kawasan setinggan dibangunkan secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua,

KWP dan DBKL sentiasa berusaha untuk **membantu para penjaja dan peniaga kecil serta seluruh warga kota di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur** terutama sekali di dalam senario kegawatan ekonomi sekarang.

Antara langkah-langkah dan bantuan yang telah dilaksanakan ialah dengan menyediakan pusat-pusat penjaja dan mewujudkan Bazaria Larut Malam di sekitar Kuala Lumpur. DBKL juga telah mengambil langkah untuk **mengurangkan kadar sewa gerai DBKL sehingga 25 peratus** bagi membantu peniaga-peniaga kecil di sekitar Kuala Lumpur. Gerai-gerai yang terlibat dengan pengurangan kadar sewa ini adalah seperti gerai-gerai di Jalan Petaling dan Pusat Penjaja "The Makan Place", Mid Valley Mega Mall, Kuala Lumpur.

Selain dari itu, DBKL juga komited dalam membentaras aktiviti penjajaan oleh warga asing agar ianya tidak

menutup peluang warganegara kita untuk berniaga. Tindakan yang diambil terhadap peniaga bukan warganegara adalah dengan **merampas barang-barang perniagaan** mereka dan tidak membenarkan mereka untuk membuat tuntutan semula.

DBKL turut menjalankan pemantauan serta mengambil tindakan penguatkuasaan ke atas penjaja warga asing dengan tumpuan diberikan di kawasan pusat bandar seperti Jalan Petaling, Jalan Masjid India dan Jalan Chow Kit. Untuk mengawal aktiviti penjajaan oleh warganegara asing, pihak DBKL mengambil **tindakan penguatkuasaan berpandukan peruntukan Undang-Undang Kecil** yang digunapakai iaitu Undang-Undang Kecil Pelesenan Penjaja dan Gerai (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 1989, Undang-Undang Kecil Pasar (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 1984 dan Undang-Undang Kecil Pasar Borong (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 2002.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI
(BATANG SADONG)**

TARIKH : 22 JUN 2009

SOALAN:

Puan Hajah Nancy binti Haji Shukri [Batang Sadong] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI, DAN KEBUDAYAAN menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk merealisasikan wawasan Satu Malaysia melalui media.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Bagi merealisasikan wawasan Satu Malaysia ini, Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan melalui Jabatan dan Agensi di bawahnya mengambil pendekatan secara komunikasi bersemuka, media cetak dan media elektronik serta media baru melalui internet untuk menyampai dan menyebarkan maklumat tentang konsep, penghayatan dan pelaksanaan program 1 Malaysia.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SERI TIONG KING SING
[BINTULU]

TARIKH : 22 JUN 2009 (ISNIN)

SOALAN :

**DATO' SERI TIONG KING SING [BINTULU] MINTA MENTERI
JALAN RAYA** menyatakan :-

- (a) apa kesulitan yang dihadapi oleh pihak Kementerian untuk membina jalan raya di Daerah Kapit, Sarawak bagi memudahkan penduduk tempatan dan menyambungkan daerah tersebut dengan daerah yang lain; dan
- (b) kenapa Rumah Rehat tidak dapat dibina di sepanjang jalan raya di antara daerah-daerah di negeri Sarawak untuk mengurangkan kemalangan berlaku.

JAWAPAN :

Bahagian A

Tuan Yang Dipertua,

(a) Kementerian Kerja Raya tidak menghadapi masalah untuk membina jalan raya di Daerah Kapit. Walaupun keadaan muka bumi Daerah Kapit yang berbukit bukau, Kementerian ini tidak pernah menganggap perkara tersebut sebagai alasan untuk tidak membina jalan raya di daerah ini. Malahan di dalam penyediaan RMKe-9 sebanyak empat (4) projek pembinaan jalan raya di daerah Kapit dicadangkan iaitu :-

- i) Jalan Rumah Kuta – SRK Rantau Panjai, kos projek RM25 Juta
- ii) Jalan Nanga Gaat / Merirai / Tunoh / Entawau / Putai, kos projek RM269.4 Juta
- iii) Jalan Nanga Baleh / Nanga Merit, kos projek RM200Juta
- iv) Jalan Kapit Song, kos projek RM152 Juta

Daripada 4 projek ini, projek Jalan Nanga Gaat / Merirai / Tunoh / Entawau / Putai telah diluluskan pelaksanaan didalam RMKe-9. Kementerian ini berharap akan diluluskan lebih banyak projek di Daerah Kapit dalam RMKe-10 kelak terutamanya Jalan Kapit Song.

Bahagian B

Tuan Yang Dipertua,

(b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sedar akan kepentingan untuk meningkatkan tahap keselamatan pengguna jalan raya. Walau bagaimanapun, pembinaan rumah rehat di sepanjang jalan raya ini adalah di luar bidang kuasa Kementerian ini.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK DR. MARCUS MOJIGOH
(PUTATAN)
TARIKH : 22 JUN 2009

SOALAN:

Minta PERDANA MENTERI menyatakan :-

- (a) Apakah pihak Kerajaan akan memperkenalkan Undang-Undang Pilihan Raya yang mengharamkan pengosongan kerusi DUN dan Parlimen dengan tanpa alasan munasabah; dan
- (b) Berapakah jumlah kos yang ditanggung oleh pihak SPR dan penguatkuasaan Undang-Undang pada setiap Pilihan Raya Kecil diadakan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan tidak bercadang untuk memperkenalkan Undang-Undang yang mengharamkan pengosongan kerusi DUN dan Parlimen tanpa alasan munasabah kerana ianya dibenarkan oleh Perlembagaan Persekutuan dan Perlembagaan-Perlembagaan Negeri.

Mengikut Perkara 51 Perlembagaan Persekutuan, seseorang Ahli mana-mana satu Majlis Parlimen boleh melepaskan keahliannya melalui surat yang ditandatangani sendiri olehnya yang ditunjukkan jika dia seorang Ahli Dewan Rakyat kepada Yang Di Pertua Ahli Dewan Rakyat. Sekiranya cadangan tersebut hendak dilaksanakan ia akan bercanggah dengan peruntukan Perlembagaan Persekutuan dan Perlembagaan-Perlembagaan Negeri.

Dalam hal ini, Kerajaan percaya, Undang-undang yang sedia ada sekarang dapat menyekat pengosongan kerusi yang

dilakukan bukan secara sukarela oleh mana-mana Ahli Dewan sepertimana yang berlaku ke atas surat peletakan jawatan Ahli Dewan Undangan Negeri N.14 Changkat Jering, N.31 Jelapang dan N.59 Behrang, Perak baru-baru ini.

- (b) Berhubung dengan kos yang ditanggung oleh SPR untuk setiap pilihan raya kecil ia adalah antara RM 300,000.00 hingga RM 700,000.00 bergantung kepada keadaan bahagian pilihan raya, sama ada bahagian pilihan raya Parlimen atau Negeri, manakala anggaran kos yang ditanggung oleh pihak Penguatkuasa Undang-Undang adalah antara RM 3 juta hingga RM 15 juta bergantung kepada keadaan keselamatan yang dihadapi.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN LIEW CHIN TONG
(BUKIT BENDERA)**

**TARIKH : 22 JUN 2009
(ISNIN)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan jumlah misi patrol *eye in the sky* yang telah dijalankan sepanjang tiga tahun yang lalu dan berapakah jumlah yang dibelanjakan oleh kerajaan.

SULIT

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Sejak tiga tahun yang lalu, sebanyak 140 misi *eye in the sky* telah dilaksanakan dan sejumlah RM3.3 juta telah dibelanjakan dalam tempoh tersebut. Operasi ini amat berkesan bagi mengawal keselamatan perairan Selat Melaka serta dapat mengurangkan aktiviti lanun / rompakan. Penurunan kadar aktiviti berkenaan telah dibuktikan melalui laporan statistik dari *International Maritime Bureau (IMB)*.

**SIDANG DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEDUA BELAS**

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **Y.B Tuan Salleh bin Kalbi
[Silam]**

TARIKH : **22 Jun 2009**

SOALAN : **37**

minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan walaupun kita berkeupayaan untuk muncul sebagai pusat penyelidikan dan komersial bioteknologi yang penting di rantau ini, apakah kelemahan-kelemahan tertentu yang perlu diperbaiki yang boleh menjadi kekangan kepada usaha Kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai pesaing penting dalam bioteknologi yang dianggap sebagai 'bidang masa depan itu.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Malaysia telah mengenalpasti bioteknologi sebagai enjin pertumbuhan baru dan berpotensi berdaya saing diperingkat global. Dengan adanya Dasar Bioteknologi Negara yang telah dilancarkan pada tahun April 2005, Malaysia berhasrat untuk muncul sebagai pusat penyelidikan dan komersil bioteknologi yang penting di rantau ini. Semasa Dasar Bioteknologi Negara digubal, Kerajaan telah mengenalpasti kelemahan-kelemahan yang akan melambatkan pertumbuhan industri bioteknologi negara. Antara kelemahan yang telah dikenalpasti ialah:

- i. Kumpulan kritikal saintifik dan rangkaian industri yang lemah;
- ii. Sistem pengurusan Harta Intelek yang belum maju;

- iii. Bekalan kepakaran yang terhad;
- iv. Bilangan syarikat bertaraf dunia yang terhad untuk meningkatkan standard dan mewujudkan persaingan;
- v. Keperluan terhadap pemain global tempatan; dan
- vi. Keperluan terhadap pembabitan modal teroka yang lebih kukuh.

Sungguhpun demikian, dasar tersebut telah digubal secara komprehensif bagi menangani kelemahan-kelemahan yang telah dikenalpasti tadi. Tindakan-tindakan yang telah di ambil oleh pihak Kerajaan dalam mempertingkatkan dan memperbaiki kelemahan tersebut ialah:

- i. Menubuhkan Perbadanan Bioteknologi Malaysia (BiotechCorp);
- ii. Memperkenalkan status BioNexus serta konsep BioNexus;
- iii. Mengadakan Program Latihan Khas Keusahawan Bioteknologi (BeST) kepada graduan;
- iv. Program Rakan BioNexus, Program Latihan Pengurusan Harta Intelek;
- v. Bekerjasama dengan *California Institute of Quantitative BioSciences* bagi meningkatkan keupayaan universiti-universiti tempatan mengkomersilkan hasil penyelidikan; dan
- vi. Mengendalikan program padanan teknologi (*technology match matching*) antara syarikat tempatan dan antarabangsa untuk perolehan teknologi (*technology acquisition*) dalam mempercepat dan menggalakkan pembangunan industri bioteknologi di Malaysia.

Kerajaan juga telah menubuhkan Institut Kecemerlangan Bioteknologi yang akan menjadi pusat penyelidikan bioteknologi yang berasaskan kepada teknologi pelantar (*platform technology*). Institut-institut tersebut ialah Institut Agrobioteknologi (ABI), Institut Genom Malaysia (MGI) dan Institut Farmaseutikal dan Nutraseutikal Malaysia (IPHARM). Selain menjalankan penyelidikan teknologi pelantar, institut-institut ini juga akan menjadi pusat aktiviti-aktiviti bioteknologi yang menghubungkan akademia, industri dan institusi penyelidikan lain dalam dan luar negara.

Dalam usaha menggalakkan pelaburan antarabangsa, Kerajaan telah mewujudkan *Malaysian Life Sciences Capital Fund (MLSCF)* iaitu dana modal teroka untuk membuat pelaburan di dalam bidang sains hayat. MLSCF akan melabur di dalam projek-projek berdaya maju tinggi di dalam dan luar negara dengan sasaran minima peratusan keuntungan. Selain daripada MLSCF, Kerajaan juga telah mewujudkan Malaysian Debt Venture sebuah GLC modal teroka untuk industri bioteknologi.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI DR. FONG CHAN ONN
(ALOR GAJAH)**

TARIKH : 22 JUN 2009

SOALAN:

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn [Alor Gajah] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan bilakah Kerajaan akan melaksanakan Undang-Undang Perlindungan Data Peribadi untuk meningkatkan keselamatan aktiviti transaksi elektronik di negara ini memandangkan terdapat banyak kes di mana maklumat yang diberikan pelanggan untuk sesuatu tujuan digunakan pula untuk tujuan yang lain.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Rang Undang-Undang Perlindungan Data Peribadi (RUU PDP) telah pun dimuktamadkan oleh Jabatan Peguam Negara dan disasarkan pembentangnya untuk bacaan kali pertama di Parlimen pada Oktober 2009.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : YB DATUK ERIC ENCHIN MAJIMBUN
[SEPANGGAR]
TARIKH : 22 JUN 2009

SOALAN:

YB DATUK ERIC ENCHIN MAJIMBUN [SEPANGGAR] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kesan tuntutan Sultan Brunei dan Sulu mengenai kedudukan Sabah dalam perjanjian '*Treaty of 29 Disember 1877*' bagi Sultan Brunei dan '*Treaty of 22 January 1878*' bagi Sultan Sulu yang ditandatangani dengan Baron Von Overback mewakili Alfred Dent di London. Adakah benar bahawa peta Sabah masih dirangkumkan dalam peta jajahan Filipina.

JAWAPAN: YB. DATO' SERI MOHAMED NAZRI AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Dipertua,

Sebelum penubuhan Malaysia diisytiharkan secara rasmi, Suruhanjaya Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) telah meninjau pandangan penduduk Sabah dan Sarawak mengenai penyertaan Sabah dan Sarawak ke Malaysia. Suruhanjaya PBB yang diketuai oleh Lawrence Michaelmore telah membuat tinjauan tersebut dari 16 Ogos sehingga 5 September 1963. Berikutan dengan laporan PBB yang menunjukkan majoriti rakyat Sabah dan Sarawak menyokong penubuhan Malaysia, maka pada 16 September 1963 penubuhan Malaysia telah diisytiharkan secara rasminya.

Berikutan dengan penubuhan Malaysia secara rasmi pada 16 September 1963 Kerajaan Malaysia tidak pernah mengiktiraf tuntutan yang dibuat oleh Filipina, Kesultanan Sulu dan Brunei ke atas Sabah. Justeru, Kerajaan Malaysia tetap berpendirian untuk tidak melayan tuntutan-tuntutan tidak berasas tersebut.

Sekian. Terima kasih.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEDUA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. DATUK BUNG
MOKTAR BIN RADEN
(KINABATANGAN)**

TARIKH : 22.6.2009

SOALAN :

**Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan
Wilayah menyatakan:**

- (a) Langkah-langkah konkrit Kerajaan dalam merapatkan jurang kemiskinan di antara masyarakat bandar dan luar bandar; dan

- (b) usaha dan tindakan konkrit lagi berkesan Kerajaan dalam menyediakan bekalan air bersih dan tenaga elektrik di daerah luar bandar terutamanya Kinabatangan.

JAWAPAN :

(a)

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan Kajian Separuh Penggal RMKe9, kawasan luar bandar mencatatkan kadar kemiskinan pada tahap 7.1% di mana secara relatifnya dilihat lebih tinggi berbanding kawasan bandar yang berada pada tahap 2.0%. Justeru itu, Kerajaan telah melaksanakan beberapa langkah utama dalam menangani jurang kemiskinan ini. Antaranya yang utama ialah:

- i. Memperkukuh dan memantapkan lagi pelaksanaan program-program sedia ada di bawah Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR) dan memberikan tumpuan yang lebih besar kepada projek-projek

peningkatan pendapatan, program / kursus latihan kemahiran dan penyediaan tempat kediaman yang lebih selesa dan selamat.

- ii. Memperkukuh dan meningkatkan lagi keberkesanan sistem penyampaian program-program pembasmian kemiskinan melalui penubuhan "*Focus Group*" Pembasmian Kemiskinan di peringkat nasional, negeri dan daerah yang berperanan dalam menyelia perancangan, pelaksanaan dan pemantauan serta penyaluran peruntukan bagi program / projek pembasmian kemiskinan.
- iii. Kerajaan juga membangunkan pangkalan data kemiskinan nasional yang dikenali sebagai eKasih dan akan menjadi pusat rujukan utama dalam menyediakan profil

komprehensif golongan miskin dan miskin tegar yang akan diberi bantuan.

- iv. Kerajaan akan meneruskan strategi pembangunan tanah yang bersepadu bagi melonjakkan ekonomi di kawasan yang mempunyai insiden yang tinggi di luar bandar melalui program-program seperti Projek Lonjakan Mega yang berkonsepkan Agropolitan seperti di Gahai, Pahang dan Pulau Banggi, Sabah serta Projek Ladang Sejahtera di Semenanjung Bangkoka, Sabah.
- v. Strategi dalam meningkatkan penyediaan akses pendidikan, kesihatan dan kemudahan asas yang lebih baik akan digunapakai bagi menangani masalah kemiskinan di kalangan kumpulan minoriti seperti masyarakat Orang Asli di Semenanjung, masyarakat Rungus, Suluk, Orang Sungai dan Tidong di Sabah

serta kaum Penan, Kenyah, Kayan dan Kedayan di Sarawak.

- vi. Kerajaan akan terus mengembleng kerjasama dengan pihak NGO serta syarikat-syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) dalam membasmi kemiskinan melalui inisiatif tanggungjawab sosial. Antaranya adalah:
 - a) Perbincangan bersama syarikat British American Tobacco bagi melaksanakan program pembangunan rumah miskin secara berkelompok;
 - b) Cadangan untuk bekerjasama dengan F&N Institute of Teh Tarik bagi membangunkan usahawan luar bandar dalam sektor pemakanan;
 - c) Perbincangan dengan CIMB Bank untuk membangunkan usahawan luar bandar dalam bidang fertigasi; dan

d) Kerjasama dengan pelbagai yayasan seperti Yayasan Basmi Kemiskinan, Yayasan Sungai Siput dan Yayasan Harapan.

(b)

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan akan memberi tumpuan kepada pelaksanaan projek-projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) secara sistem alternatif melalui pelaksanaan *mini pakej plant* untuk menyediakan bekalan air bersih dan terawat di kawasan luar bandar khususnya bagi kampung-kampung yang terpencil dan pedalaman di Sabah dan Sarawak termasuk di Kinabatangan. Bagi tahun 2009, sebanyak 5 projek BALB sistem alternatif di Parlimen Kinabatangan berjumlah sebanyak RM975,000.00. Pelaksanaan projek tersebut telah dimulakan pada bulan Mei 2009 dan dijangka siap pada November 2009.

Bagi program Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) pula, Kementerian akan meneruskan

pelaksanaan projek sambungan talian grid dalam usaha untuk memberi bekalan elektrik di kawasan luar bandar. Bagi kawasan yang tidak dapat diberi bekalan menggunakan sambungan talian grid, Kementerian melaksanakan projek BELB sistem alternatif seperti penggunaan sistem solar hibrid, mikro hidro dan turbin angin (*wind turbine*). Melalui projek BELB alternatif ini, pengguna juga dapat menikmati bekalan elektrik 24 jam setanding kualiti bekalan elektrik yang dibekalkan menggunakan sambungan talian grid.

Khusus bagi kawasan Kinabatangan, Kementerian kini sedang melaksanakan projek BELB Sistem Solar Hibrid di 4 buah kampung bernilai RM39.26 juta. Pelaksanaan projek telah dimulakan pada 2 Mac 2009 dan dijangka siap pada 1 September 2010. Projek ini apabila siap kelak, akan memberikan kemudahan bekalan elektrik 24 jam kepada kira-kira 270 unit rumah.

Memandangkan masih banyak lagi kampung-kampung di kawasan pedalaman negeri Sabah dan Sarawak yang belum mendapat bekalan elektrik, Kementerian akan meneruskan pelaksanaan projek BELB sehingga sasaran liputan 100% tercapai pada akhir tahun 2015.

SOALAN NO. (41)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DR. HAJAH SITI MARIAH BINTI MAHMUD
(KOTA RAJA)

TARIKH : 22 JUN 2009 (ISNIN)

SOALAN :

Y.B. DR. HAJAH SITI MARIAH BINTI MAHMUD (KOTA RAJA) minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sama ada pihak Kerajaan bercadang untuk meminda Seksyen 23, Akta 663 supaya Caj Penyelenggaraan dan Pengurusan Harta Bersama boleh dikutip daripada penghuni sekiranya enggan menunaikan tanggungjawab mereka.

JAWAPAN :-

Tuan Yang DiPertua,

Terima kasih diucapkan kepada Ahli Yang Berhormat atas soalan ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Seksyen 23 dalam Akta Bangunan dan Harta Bersama (Penyenggaraan dan Pengurusan) 2007 [Akta 663] menjelaskan tentang tanggungjawab pemilik parcel untuk menjelaskan caj penyenggaraan bagi tujuan mengurus dan menyenggara bangunan dan harta bersama secara kolektif.

Pembeli mesti menjelaskan bayaran tersebut dalam tempoh 14 hari daripada tarikh notis. Sekiranya terdapat pemilik yang enggan menjelaskan caj penyenggaraan, mereka boleh dikenakan tindakan di bawah Seksyen 32 dan 33 Akta 663. Seksyen 32 dan 33 Akta 663 menjelaskan bahawa Badan Pengurusan (JMB) boleh menuntut caj penyenggaraan beserta tunggakan melalui proses undang - undang.

Sehubungan itu, Seksyen 34 Akta 663 pula menjelaskan bahawa mana - mana orang yang gagal membayar caj penyenggaraan, boleh disabitkan dengan denda sebanyak lima ribu ringgit (RM 5,000.00) serta boleh didenda tidak melebihi RM 50.00 bagi tiap - tiap hari kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

Oleh yang demikian, Kerajaan tidak bercadang untuk meminda Seksyen 23, Akta 663 kerana telah terdapat tindakan yang boleh diambil terhadap penghuni yang tidak menjelaskan caj penyenggaraan berdasarkan kepada Seksyen 32, 33 dan 34 yang dijelaskan di atas.

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan

Jun 2009

SOALAN NO: 42

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SIVARASA A/L K.RASIAH [SUBANG]

TARIKH : 22 JUN 2009

RUJUKAN : 1815

SOALAN:

Tuan Sivarasa A/L K.Rasiah [Subang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kenapa tidak ada sebarang tindakan ke atas laporan polis yang telah dibuat oleh Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 20 Februari 2009 di Balai Polis Damansara yang menuduh Peguam Negara sekarang serta Ketua Polis Negara pada masa ini dan ACP Koh Hong San adalah terlibat dalam perbuatan satu laporan polis palsu berkaitan dengan tangkapan ke atas Datuk Seri Anwar Ibrahim oleh ACP Koh pada pukul 9 malam 20 September 1998.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Subang yang mengemukakan pertanyaan.

Dakwaan bahawa pihak polis tidak mengambil sebarang tindakan ke atas laporan tersebut adalah tidak benar. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, pihak polis telah merujuk laporan tersebut kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) pada 21 Februari 2009 untuk tindakan selanjutnya.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA : DR. LEE BOON CHYE (GOPENG)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 22.06.2009 Soalan No : 43

Dr. Lee Boon Chye (Gopeng) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan tahap pelaksanaan projek-projek di bawah Pakej Rangsangan Pertama (RM 7 bilion) dan Pakej Rangsangan Kedua (RM 60 bilion).

JAWAPAN.

Tuan Yang di-Pertua,

Izinkan saya menjawab soalan ahli **Yang Berhormat Gopeng** yang dijadualkan dijawab pada 22 Jun 2009 iaitu berkaitan dengan tahap pelaksanaan projek-projek di bawah Pakej Rangsangan Pertama (RM 7 bilion) dan Pakej Rangsangan Kedua (RM 60 bilion).

2. Untuk makluman **Yang Berhormat Gopeng**, daripada jumlah RM7 billion yang diperuntukkan untuk Pakej Rangsangan 1, 99.00% atau RM6.95 billion telah diagihkan yang mana RM4.02 billion atau

57.9% telah ditawarkan kepada kontraktor-kontraktor yang berjaya manakala bakinya sedang dalam proses untuk ditawarkan.

3. Sehingga 5 Jun 2009, sebanyak RM 1.4 bilion telah dibelanjakan bagi 10,479 projek termasuk RM 500 Juta untuk projek-projek kecil seperti menaik taraf jalan, jambatan, sekolah dan hospital. Selain itu, sebanyak RM 592 Juta telah diagihkan untuk program Penyelenggaraan Infrastruktur Asas (PIA) dan Projek Infrastruktur Asas (PIAS). Kesemua dana RM7 bilion itu telah pun disalurkan ke 15 kementerian dan agensi kerajaan serta syarikat-syarikat berkaitan kerajaan (GLCs) untuk dilaksanakan program-program pembangunan modal insan, kesejahteraan rakyat dan daya tahan ekonomi negara.

4. Bagi projek Pakej Rangsangan 2 sejumlah RM15 bilion telah diluluskan pada tahun kewangan 2009 yang mana RM14.5 bilion telah diagihkan kepada 25 kementerian/agensi kerajaan. Daripada jumlah tersebut, nilai projek yang telah ditawarkan adalah RM4.2 bilion.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI TAIB AZAMUDDEN BIN MD TAIB
[BALING]**

TARIKH : 22 JUN 2009

RUJUKAN : 1816

SOALAN:

Tuan Haji Taib Azamudden bin Md Taib [Baling] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kerajaan sedar bahawa jenayah besar dan kecil semakin menjadi-jadi, menyebabkan rakyat tidak merasa selamat baik berjalan di waktu malam mahupun siang dan apakah langkah jangka pendek dan jangka panjang Kerajaan untuk membasminya.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Baling yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, Kerajaan sememangnya sedar mengenai situasi jenayah di negara kita. Dalam hal ini pihak polis sentiasa mempertingkatkan usaha pencegahan jenayah di seluruh negara bagi memastikan keamanan dan keselamatan rakyat di negara ini sentiasa terpelihara dan terjamin.

Di antara langkah jangka masa pendek yang telah diambil ialah seperti memberikan penumpuan terhadap kawasan-kawasan yang kerap berlaku jenayah (*crime prone area*) dan mempunyai kadar jenayah yang tinggi di seluruh negara. Sebagai permulaan, jumlah penugasan anggota polis yang menjalankan tugas-tugas rondaan serta pencegahan jenayah di kawasan yang dikenalpasti akan dipertingkatkan dari semasa ke semasa. Rondaan turut dibuat menggunakan pelbagai kaedah seperti menggunakan kereta peronda MPV, rondaan bermotosikal dan anggota bit secara berjalan kaki bagi kawasan-kawasan sesak dan tidak boleh dilalui oleh kenderaan.

Tuan Yang Dipertua,

Sebagai langkah jangka masa sederhana, balai atau pondok polis komuniti turut diwujudkan di lokasi-lokasi yang dikenalpasti menjadi tumpuan orang ramai dan mempunyai kadar jenayah yang tinggi. Ini bagi menjamin kehadiran anggota polis secara konsisten di kawasan-kawasan tersebut. Di samping itu, pihak polis turut menjalinkan hubungan yang erat dengan masyarakat setempat seperti melalui program Rakan Cop, perjumpaan dengan kumpulan masyarakat, ahli jawatankuasa rukun tetangga dan badan-badan bukan kerajaan (NGO) bagi membanteras jenayah dengan lebih berkesan. Tambahan pula, melalui pemasangan sistem kamera litar tertutup (CCTV) yang kini diselia oleh pihak polis, kegiatan jenayah di kawasan-kawasan yang mempunyai liputan dapat dikesan dengan lebih pantas dan efektif terutama sekali dalam usaha mengesan penjenayah. Sebagai permulaan, pihak polis telah melancarkan sistem integrasi CCTV dan MERS 999 (Malaysia Emergency Response Service-Perkhidmatan Talian Kecemasan 999). Aplikasi sistem tersebut membolehkan pusat kawalan di Balai Polis Cyberjaya melihat secara *real time* situasi yang berlaku melalui 30 CCTV yang dipasang, dan beroperasi 24 jam sehari di persimpangan trafik dan jalan-jalan utama di Cyberjaya.

Tuan yang Dipertua,

Sebagai langkah jangka masa panjang, pihak polis kini sedang membangunkan projek *Central Intelligence Unit* (CIU) yang bakal berfungsi sebagai gerbang maklumat bagi memantapkan mutu penyiasatan serta risikan. Ini bersesuaian dengan perkembangan trend dan modus operandi jenayah yang semakin kompleks dan sofistikated. Projek ini telah diluluskan di bawah PS5T (Pelan Strategik 5 Tahun) yang diberi nama *e-Police Solution* dan masih menanti tempoh untuk pelaksanaan

Jawapan oleh YB Senator Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]

TARIKH : 22 Jun 2009

SOALAN : Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta PERDANA MENTERI menyatakan rancangan dan keutamaan Y.A.B. Perdana Menteri baru setelah diamanahkan memimpin Kerajaan bagi memastikan kesejahteraan dan perpaduan rakyat berada di puncaknya.

JAWAPAN:

Tuan Yang diPertua,

Sebenarnya, soalan ini telah dijawab oleh YAB Perdana Menteri pada pagi 15 Jun 2009 (Isnin) yang lalu semasa menjawab soalan 1 secara lisan serta soalan-soalan tambahan. Oleh itu, saya meminta Y.B. merujuk kepada jawapan YAB Perdana Menteri seperti yang dikepilkan.

LAMPIRAN

NO SOALAN : 1

JAWAPAN YAB PERDANA MENTERI:

Tuan Yang Di-Pertua,

Sejak saya mengambil alih tampuk kepimpinan negara tanggal 3 April yang lalu, saya telah utarakan sebuah konsep iaitu 1Malaysia sebagai teras pentadbiran saya. Sejak gagasan ini diketengahkan begitu banyak perbincangan dan perbahasan telah berlangsung dikalangan rakyat disemua peringkat. Malah pihak pembangkang tidak membuang masa untuk memutarbelit dan mentafsirkan gagasan ini mengikut definisi mereka sendiri, semata-mata dengan niat mengelirukan rakyat.

Izinkan saya menjawab pertanyaan-pertanyaan ahli-ahli Yang Berhormat di dewan yang mulia ini bagi memperjelaskan erti dan maksud gagasan 1Malaysia. Seperti yang telah saya sebutkan berkali-kali sebelum ini, termasuklah dalam ucapan saya sempena ulang tahun keputeraan Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong pada 6 Jun yang lalu, 1Malaysia bukanlah konsep atau formula baru. Sebaliknya, matlamat akhir 1Malaysia iaitu perpaduan nasional juga merupakan wawasan utama pemimpin-pemimpin negara yang terdahulu, yang telah diterjemahkan dalam pelbagai rupa bentuk dan jelmaan sepanjang lebih lima dekad kita merdeka. Jika diamati, apa yang berubah adalah pendekatan dan gerak kerja menurut kesesuaian zaman dan generasi yang silih berganti.

Dalam erti kata lain, 1Malaysia adalah satu gagasan bagi memupuk perpaduan di kalangan rakyat Malaysia yang berbilang kaum, berteraskan beberapa nilai-nilai penting yang seharusnya menjadi amalan setiap rakyat Malaysia. Ia bukan satu pendekatan yang terpisah dari dasar-dasar kerajaan Barisan Nasional sebelum ini, sebaliknya ia merupakan pelengkap kepada pendekatan-pendekatan yang sedia ada untuk mengukuhkan lagi perpaduan bagi menjamin kestabilan, ke arah mencapai kemajuan dan pembangunan yang lebih tinggi bagi rakyat dan negara Malaysia. Makanya, 1Malaysia digagaskan sebagai satu formula yang menjadi pra-syarat bagi memastikan aspirasi negara, iaitu Wawasan 2020 tercapai jika ia diterapkan ke dalam sanubari rakyat dan diamalkan oleh setiap lapisan masyarakat. Jika "Bangsa Malaysia" adalah matlamat akhir perjalanan ini, maka 1Malaysia adalah penunjuk haluan ke arah matlamat itu. Pengertian ini adalah bertunjangkan hujah bahawa untuk mencapai status negara maju dalam jangkamasa yang telah ditetapkan, syarat yang paling utama ialah sebuah negara yang kukuh dan stabil dan ini akan hanya dapat dicapai apabila rakyatnya bersatu padu.

Perpaduan yang digambarkan oleh gagasan 1Malaysia amat berbeza dari konsep asimilasi yang diamalkan di negara-negara lain di mana identiti kaum-kaum etnik dilenyapkan dan diganti dengan satu identiti nasional yang sama. Ia juga sangat berbeza dari konsep *Malaysian Malaysia* parti pembangkang. 1Malaysia tidak sekali kali menyimpang daripada ruh perlembagaan persekutuan sebagai undang-undang negara sama ada secara tersurat atau secara tersirat. Malahan

gagasan 1Malaysia kekal menjunjung kesemua peruntukan teras seperti perkara 3, perkara 4, perkara 152, perkara 153, bahagian 2 dan bahagian 3 seperti mana termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan. Oleh yang demikian, janganlah mana-mana pihak berasa kluatir atau menaruh syak serta bimbang bahawa konsep ini akan terpesong dari apa yang telah dipersetujui dan dimuafakatkan oleh bapa-bapa negara suatu ketika yang lalu.

Sebaliknya 1Malaysia menghargai dan menghormati identiti-identiti etnik setiap kaum di Malaysia, dan menganggapnya sebagai satu aset atau kelebihan yang patut dibanggakan. 1 Malaysia menekankan sikap "Penerimaan" di kalangan rakyat berbilang kaum, di mana sesuatu kaum menerima keunikan kaum yang lain seadanya agar dapat kita hidup bersama dalam keadaan saling hormat menghormati sebagai rakyat dalam satu negara. Ia adalah peningkatan ketara dari sikap toleransi semata-mata.

Menjadi asas kepada semua ini adalah prinsip keadilan untuk semua kaum, yang membawa maksud bahawa nasib semua rakyat Malaysia akan terbela dan tiada mana-mana pihak akan dipinggirkan. Keadilan ini mestilah mengambil kira taraf kemajuan kaum-kaum yang berada pada tahap yang berbeza. Oleh itu, dasar-dasar kerajaan dan peruntukan-peruntukan Perlembagaan yang memberikan pembelaan kepada golongan yang memerlukannya, akan tetap dilaksanakan.

Tuan yang dipertua,

1Malaysia adalah penerusan agenda membina negara. Untuk mencapai kemajuan bagi negara, rakyat perlu dimajukan terlebih dahulu, dan ini dimulakan dengan membentuk sikap penerimaan antara kaum, yang membawa kepada perpaduan yang utuh. Apabila perpaduan dicapai, maka urusan pembangunan negara akan berjalan dengan lebih lancar.

Formula 1Malaysia digagaskan akan terlaksana dalam dua aspek utama. Aspek pertama ialah penerapan **Teras-Teras Perpaduan** manakala aspek kedua adalah penerapan **Nilai-nilai aspirasi**.

Teras-terras perpaduan adalah tiga perkara yang telah saya huraikan sebentar tadi iaitu pertama, sikap "**penerimaan**" antara semua kaum dan rakyat Malaysia; kedua, **prinsip-prinsip kenegaraan berasaskan Perlembagaan Persekutuan dan rukun negara**; dan ketiga adalah **keadilan sosial**. Teras-terras Perpaduan ini pula didokongi oleh nilai-nilai murni yang perlu menjadi sebahagian dari budaya hidup rakyat. Malaysia termasuklah nilai-nilai seperti hormat menghormati, Tawadhuk, kesederhanaan dalam tingkah laku dan tuturkata serta kebijaksanaan dalam sebarang keputusan dan tindakan.

Aspek kedua formula 1Malaysia pula menekankan elemen-elemen yang perlu menjadi amalan mana-mana masyarakat yang ingin berdaya maju dan berjaya. Elemen-elemen tersebut merangkumi Budaya kecemerlangan dalam melaksanakan semua tugas dan tanggungjawab; Budaya ketepatan dari segi menghormati waktu dan

meningkatkan kecekapan; keberanian untuk berinovasi dan meneroka peluang-peluang baru; meritokrasi dalam memberikan tugas kepada yang paling layak melaksanakannya berlandaskan undang-undang dan dasar negara; kesetiaan yang tidak berbelah bagi kepada tanahair tercinta; ketabahan dalam mengharungi sebarang cabaran yang mendatang dan integriti dalam segala urusan dan transaksi. Pembudayaan nilai-nilai Aspirasi ini akan menyerlahkan Masyarakat Malaysia yang berwibawa, dihormati dan disegani, bersesuaian dengan identity sebuah negarabangsa yang maju dan berjaya.

Tuan Yang Di-Pertua

Dalam melaksanakan komitmennya terhadap rakyat, Kerajaan telah mengutarakan tema “Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan” sebagai sebahagian dari konsep 1Malaysia. Tema ini membawa maksud bahawa di samping menekankan peri-pentingnya perpaduan rakyat Malaysia, kerajaan juga akan memberikan keutamaan kepada isu-isu yang dianggap penting oleh rakyat. Kerajaan juga menekankan prestasi dan pencapaian oleh semua kakitangannya apabila berurusan dengan rakyat. Dalam kata lain, kerajaan amat memahami betapa pentingnya kecekapan dan kualiti perkhidmatan awam dalam meningkatkan mutu hidup rakyat justeru itu pendekatan mesra-rakyat akan diberi keutamaan oleh semua agensi-agensi kerajaan.

Sehubungan dengan itu, KPI akan digunapakai bagi semua kementerian, jabatan dan agensi kerajaan dan ini akan diterjemahkan

perlaksanaannya ke semua peringkat termasuklah diperikat hubungan langsung orang ramai dengan kakitangan kerajaan. Seorang Menteri dijabat Perdana Menteri ditugaskan khas untuk memastikan kelancaran pelaksanaan KPI ini. YB Menteri berkenaan akan memberikan penerangan selanjutnya tentang KPI dan perancangan spesifik yang akan dilaksanakan bagi menterjemahkan hasrat kerajaan.

Segala inisiatif-inisiatif ini diharapkan akan membawa perubahan yang nyata bukan sahaja kepada urusan pentadbiran negara, tetapi lebih penting ia akan membawa penambahbaikan kepada kualiti hidup rakyat Malaysia. Diatas segalanya, 1Malaysia "Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan" diyakini akan menjana satu transformasi ketara, ke arah sebuah negara Malaysia yang maju, didokongi oleh rakyat yang utuh perpaduannya dan tinggi martabatnya pada pandangan dunia.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' HAJI ZULHASNAN BIN RAFIQUE
[SETIAWANGSA]
TARIKH : 22 JUN 2009
SOALAN :

Dato' Haji Zulhasnan bin Rafique [Setiawangsa] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan apakah tindakan yang telah dan akan diambil bagi tujuan pencegahan serta membendung gejala penyakit atau wabak berjangkit di negara ini sebagai contohnya wabak Influenza A (H1N1).

Tuan Yang di-Pertua,

Wabak Influenza A (H1N1) ini mula dikesan di Mexico dan Amerika Syarikat pada 24 April 2009. Sehingga 16 Jun 2009, wabak ini telah menular ke 76 buah negara melibatkan sejumlah 36,094 kes dengan 163 kematian. Majoriti kes yang dilaporkan (95%) adalah dari benua Amerika. Daripada 76 buah negara tersebut, sejumlah 29 buah negara telah melaporkan kes jangkitan tempatan, dan di benua Asia pula, kes-kes tempatan telah dilaporkan di Singapura, Filipina, Australia, Jepun, China dan Korea Selatan.

Wabak Influenza A (H1N1) ini adalah disebabkan oleh virus influenza baru iaitu Influenza Virus A (California/04/2009), yang merupakan campuran daripada *North American swine*, *North American avian*, *North American human* dan *Eurasian swine*. Wabak ini tiada kaitan dengan *swine flu virus* pada haiwan ternakan babi dan pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada 30 April

2009 telah menamakan virus baru ini sebagai Influenza A (H1N1) di mana sebelum ini ia disebut sebagai *Swine Flu virus*.

Penyakit Influenza A(H1N1) ini berjangkit melalui *droplet* cecair bersin dan batuk dan mereka yang *close contact* dalam lingkungan satu meter adalah berisiko mendapat jangkitan. Masa *incubation* adalah selama empat hingga tujuh hari dengan simptom utama adalah demam, batuk dan sakit badan. Cara pencegahan yang terbaik adalah penjagaan kebersihan diri seperti menutup mulut ketika batuk dan bersin serta mencuci tangan dengan sabun. Mereka yang sakit seharusnya tidak mengunjungi kawasan awam untuk mengelakkan penularan penyakit.

Semua pelawat-pelawat dari luar negara serta warganegara Malaysia yang pulang akan dibuat saringan di semua pintu masuk antarabangsa udara, darat termasuk yang melalui pintu masuk air juga akan dibuat saringan secara visual dan pemeriksaan perubatan sekiranya mereka menunjukkan gejala-gejala influenza. Mereka yang disahkan ada tanda-tanda influenza serta mempunyai rekod melawat negara-negara yang terlibat dengan jangkitan influenza A(H1N1) dalam tempoh 7 hari akan dirujuk ke hospital khas untuk siasatan lanjut.

Sehingga 16 Jun 2009, sejumlah 18 kes telah disahkan sebagai jangkitan Influenza A (H1N1) telah dilaporkan di negara ini. Semua kes adalah kes import, iaitu mereka mendapat jangkitan di luar negara dan dikesan di Malaysia. Untuk makluman, fakta berkaitan 18 kes ini adalah seperti berikut :

- a) Sembilan (9) daripada 18 kes tersebut adalah melibatkan warganegara Malaysia yang mendapat jangkitan di negara yang terlibat dengan jangkitan tempatan Influenza A(H1N1). Empat kes didapati pelajar di negara tersebut dan kembali bercuti di Malaysia sementara 5 kes lagi melibatkan warganegara Malaysia yang pergi melancong dan bercuti di negara yang terlibat dengan wabak Influenza A(H1N1);

- b) Seorang adalah melibatkan penduduk tetap Malaysia yang mendapat jangkitan selepas kembali melawat negara yang terlibat dengan wabak influenza A(H1N1);
- c) Sementara baki iaitu 8 kes adalah di kalangan warganegara asing dari negara yang terlibat dengan wabak Influenza A(H1N1) yang datang melawat Malaysia untuk bercuti;
- d) Empat daripada kes tersebut dikesan semasa saringan di pintu masuk kerana mempunyai tanda-tanda jangkitan influenza (demam dan batuk), sementara baki 15 lagi dikesan melalui sistem pengawasan dan pengesanan di fasiliti-fasiliti perubatan dan kesihatan negara. Kes-kes ini semasa sampai di Malaysia didapati tiada tanda jangkitan dan mereka mula mendapat tanda jangkitan dalam tempoh satu hingga dua hari selepas ketibaan dan kes mereka ini dikesan semasa mereka datang untuk mendapatkan rawatan.

Kementerian Kesihatan telah mengaktifkan aktiviti pencegahan dan kawalan Influenza A(H1N1) sejak 26 April 2009. Antara langkah yang telah diambil untuk mencegah dan mengawal penyebaran virus Influenza A (H1N1) dalam negara ini adalah:

- a) Melakukan penyaringan kesihatan terhadap semua pengembara dari negara yang disahkan ada jangkitan virus Influenza A(H1N1) di semua pintu masuk antarabangsa seluruh negara. Setiap pengembara dikehendaki membuat pengisytiharan kesihatan dan menjalani saringan suhu badan. Sejumlah 20 unit alat pengesan /pengimbas suhu badan (demam) telah diletakkan di pintu-pintu masuk negara;
- b) Kes yang telah disyaki jangkitan virus Influenza A(H1N1) dimasukkan ke hospital yang telah ditetapkan untuk pengawasan dan pemerhatian sehingga keputusan ujian makmal diperolehi;
- c) Kes yang disahkan dijangkiti virus Influenza A(H1N1) diasingkan dan diberikan rawatan *antiviral* sehingga sembuh;

- d) Kontak kepada kes jangkitan virus Influenza A(H1N1) akan diletakkan di bawah kuarantin di rumah selama tujuh hari dari tarikh kontak terakhir dengan kes. Sekiranya mereka menunjukkan tanda-tanda jangkitan virus Influenza A(H1N1), mereka akan dirujuk ke hospital untuk rawatan lanjut;
- e) Petugas-petugas yang terlibat dalam pengendalian kes Influenza A(H1N1) diwajibkan memakai alat perlindungan diri dengan cara yang betul dan kesihatan mereka juga akan dipantau pada setiap hari;
- f) Sejumlah 28 buah hospital dengan kemudahan 168 buah katil yang mempunyai fasiliti merawat kes Influenza A(H1N1) telah diaktifkan dan dalam keadaan bersiap sedia untuk menerima kes;
- g) Aktiviti kesedaran awam diberikan dengan cara memaklumkan penyakit Influenza A(H1N1), cara penularan dan langkah pencegahan dan kawalan yang perlu diambil;
- h) Memastikan bekalan stok ubat dan alat perlindungan diri mencukupi;
- i) Menyediakan kenyataan akhbar harian oleh Ketua Pengarah Kesihatan yang memaklumkan tentang tindakan yang sedang diambil oleh Kerajaan berkaitan situasi semasa dan khidmat-nasihat yang patut diamalkan oleh warga Malaysia.

Pada 11 Jun 2009, pihak *WHO* telah menaikkan tahap amaran pandemik influenza daripada 5 kepada 6. Memandangkan wabak penyakit di Malaysia setakat ini belum melaporkan kes tempatan, pihak *WHO* tidak menyarankan tindakan sekatan perjalanan, ekonomi atau penutupan sempadan. Pada Fasa 6 ini, pihak *WHO* telah menyarankan agar negara-negara yang belum ada penularan tempatan seperti Malaysia supaya terus mengambil langkah-langkah berwaspada (*vigilant*).

Kementerian Kesihatan telah menyediakan pelan *National Influenza Pandemic Preparedness Plan (NIPPP)* pada tahun 2005 sebagai langkah persediaan

kepada pandemik influenza. Dalam tempoh lima tahun yang lepas, pelan tindakan telah dilaksanakan oleh pelbagai agensi yang terlibat termasuk latihan, *stockpile* ubat dan alat perlindungan diri (PPE). Sesuai dengan saranan WHO, Kementerian Kesihatan akan mengambil tindakan-tindakan berikut yang bersesuaian dengan Fasa 6 Pandemik :

- a) Mengaktifkan Jawatankuasa Kebangsaan Antara Kementerian untuk menangani wabak fasa 6 yang akan dipengerusikan oleh Menteri Kesihatan;
- b) Mengaktifkan Majlis Keselamatan Negara untuk menyelaraskan aktiviti pencegahan dan kawalan yang perlu dilaksanakan;
- c) Aktiviti surveilans, pencegahan dan kawalan seperti yang telah dinyatakan dalam NIPPP akan dipertingkatkan; dan
- d) Tindakan *social distancing* untuk membanteras penularan penyakit akan diambil sekiranya penularan tempatan dilaporkan di Malaysia bertujuan untuk mengawal penularan penyakit daripada menjadi lebih meluas. Contoh tindakan adalah seperti penutupan sekolah, institusi dan pembatalan majlis perhimpunan dan perjumpaan awam.

Kementerian amat yakin bahawa dengan kerjasama semua pihak dan sokongan padu daripada seluruh penduduk negara ini, ia akan dapat meminimumkan kesan dan impak daripada pandemik influenza di Malaysia melalui pelaksanaan aktiviti kawalan dan pencegahan yang cekap dan berkesan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DR. P. RAMASAMY A/L PALANISAMY
[BATU KAWAN]

TARIKH : 22 JUN 2009 (ISNIN)

SOALAN :

Y.B. DR. P. RAMASAMY A/L PALANISAMY [BATU KAWAN]
MINTA MENTERI KERJA RAYA menyatakan mengapakah gerai-gerai di sepanjang Lebuhraya Utara Selatan tidak diagih secara telus dan juga secara adil kepada semua peniaga dari semua kaum dan adakah pihak LLM memperuntukkan gerai-gerai ini mengikut kefahaman politik.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Pihak konsesi ada mempunyai kriteria di dalam pengagihan gerai-gerai dan pemilihan peniaga-peniaga di kawasan rehat dan rawat di lebuhraya.

Secara umumnya penilaian awal dibuat berdasarkan kepada cadangan dan konsep perniagaan yang dikemukakan oleh pemohon. Keutamaan adalah diberikan kepada calon atau penduduk setempat selain daripada kelainan konsep perniagaan yang ditawarkan dan menu atau produk yang dicadangkan. Pemilihan juga dibuat berdasarkan persembahan perniagaan, pengalaman berkaitan dan modal simpanan. Pengetahuan berkaitan perlesenan, undang-undang, dan kakitangan yang mencukupi serta kecekapan juga diberi perhatian untuk dipertimbangkan.

Oleh yang demikian, tidak timbul isu gerai-gerai diagih secara tidak telus.

No. Soalan : 48

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN JOHN A/L FERNANDEZ
[SEREMBAN]

TARIKH : 22 JUN 2009 (ISNIN)

SOALAN

Tuan John a/l Fernandez [Seremban] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah alasan mengapa Laporan SUHAKAM bagi tahun 2008 tidak dibentang di Parlimen.

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Terima kasih diucapkan kepada Ahli Yang Berhormat yang mengemukakan pertanyaan.

Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 [Akta 597] memperuntukan bahawa Suruhanjaya hendaklah tidak terkemudian daripada mesyuarat pertama Parlimen bagi tahun yang berikutnya, mengemukakan suatu laporan tahunan mengenai segala aktivitinya di sepanjang tahun yang dimaksudkan oleh laporan itu.

Walau bagaimanapun, Laporan Tahunan SUHAKAM 2008 hanya dibentangkan dalam Mesyuarat Kedua, Penggal Kedua, Parlimen Kedua Belas pada 15 Jun 2009 (Isnin).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan SUAKAM 2008 telah diterima daripada Suruhanjaya pada 16 Mac 2009 sedangkan Mesyuarat Kedua, Penggal Pertama, Parlimen Kedua Belas bersidang mulai 15 Februari 2009.

maklum balas daripada Setiausaha SUHAKAM mengenai kesediaan SUHAKAM untuk akur terhadap keputusan ini.

Walau bagaimanapun, kelewatan SUHAKAM menghantar Laporan Tahunan 2008 menyebabkan laporan tersebut tidak dapat dibentangkan kerana mesyuarat pertama Dewan Rakyat tamat pada 25 Mac 2009.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LIM GUAN ENG

TARIKH : 22 JUN 2009 (ISNIN)

SOALAN

Tuan Lim Guan Eng (Bagan) minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kedudukan teksi bermeter di Pulau Pinang. Bilakah ia akan dilaksanakan, struktur harga dan adakah teksi ini diberikan kebebasan beroperasi tanpa batas di seluruh negeri termasuk lapangan terbang serta adakah pihak berkuasa tempatan diberikan kuasa penguatkuasaan seperti Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan ke atas pesalah.

JAWAPAN: **YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI AZIZ**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Dipertua,

Teksi bermeter di Pulau Pinang telah dilaksanakan selaras dengan keputusan Kerajaan yang mengisytiharkan keseluruhan kawasan pulau, Pulau Pinang dijadikan sebagai kawasan operasi teksi berkuatkuasa pada 1 April 1999. Kini terdapat sebanyak 1,260 lesen teksi yang telah diluluskan dan beroperasi di dalam kawasan pulau, Pulau Pinang yang merangkumi kawasan Barat Daya dan Timur Laut.

Struktur pengiraan kadar tambang teksi bermeter Pulau Pinang adalah seperti berikut:

(i) **MENGIKUT JARAK**

RM 3.00 bagi 1 kilometer atau sebahagiannya dan 10 sen bagi setiap 150 meter berikutnya.

(ii) **MENGIKUT MASA**

RM 3.00 bagi 2 minit pertama atau sebahagian daripadanya dan 10 sen bagi 45 saat berikutnya atau sebahagian daripadanya.

Kawasan operasi teksi bermeter Pulau Pinang adalah di seluruh kawasan pulau, Pulau Pinang tetapi dibenarkan untuk beroperasi ke Bandar Sungai Petani, Kulim dan Parit Buntar.

Taksi bermeter Pulau Pinang juga tidak dibenarkan mengambil penumpang di lapangan terbang kerana sudah terdapat taksi lapangan terbang yang beroperasi di lokasi tersebut. Pada masa ini, taksi bermeter Pulau Pinang hanya boleh menghantar penumpang ke lapangan terbang dan mengenakan surcaj tambahan RM8.00 daripada jumlah tambang meter taksi untuk menampung perjalanan pulang tanpa penumpang. Kerajaan sedang mengkaji kawasan operasi taksi bermeter Pulau Pinang untuk diperluaskan ke seluruh negeri Pulau Pinang termasuk Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas, Pulau Pinang dan kawasan Seberang Perai.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pihak Berkuasa Tempatan tidak diperuntukkan kuasa untuk menahan dan mengambil tindakan terhadap pemandu taksi yang melakukan kesalahan di bawah Akta LPKP 1987. Walau bagaimanapun, LPKP sentiasa bekerjasama dengan Pihak Berkuasa Tempatan serta agensi-agensi penguatkuasa lain dalam membanteras salah laku pemandu taksi dan pengusaha pengangkutan awam lain.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN MOHSIN FADZLI BIN HAJI SAMSURI
(BAGAN SERAI)
TARIKH : 22.06.2009

SOALAN:

Y.B. TUAN MOHSIN FADZLI BIN HAJI SAMSURI [BAGAN SERAI] minta Menteri Pelajaran menyatakan berapakah peruntukan untuk membaik pulih komputer dan namakan syarikat yang mengendalikannya.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) memperuntukkan sejumlah RM99.4juta bagi tempoh 2 tahun (Mac 2006 hingga Mac 2008) untuk menyelenggara komputer di institusi-institusi pendidikan. Pada tahun 2009 pula, peruntukan yang disediakan berjumlah RM46.67juta. Kontrak pusat untuk perkhidmatan penyelenggaraan komputer di sekolah-sekolah telah tamat dan KPM sedang menyediakan kontrak penyelenggaraan yang baru.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, urusan tender akan dibuat dengan seberapa segera dan dijangkakan kontrak baru dapat dilaksanakan pada penghujung tahun ini.

NW:51

**SIDANG DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KE DUA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B TUAN WEE CHOO KEONG
[WANGSA MAJU]
TARIKH : 22 Jun 2009
SOALAN : 51

minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan mengapakah Venturepharm Asia Sdn Bhd (syarikat kawalan asing tidak langsung) yang tiada rekod kegiatan penyelidikan bioteknologi, dilantik menjalankan penyelidikan dan pembangunan bahan makanan ayam "biofeed", dan apakah pengesahan dibuat sebelum geran "Technofund Project" dibayar kepadanya setiap peringkat.

Jawapan:

Tuan Yang Dipertua,

Technofund atau Dana Tekno adalah merupakan salah satu daripada dana yang disediakan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) untuk *scaling-up* proses dalam peringkat pra-

komersil. Semua permohonan dipertimbangkan melalui proses penilaian teknikal oleh pakar dalam bidang-bidang berkenaan dan disusuli oleh penilaian strategik mengikut bidang keutamaan yang ditetapkan oleh Kementerian. Proses-proses penilaian ini mengambil kira keupayaan syarikat untuk melaksanakan projek dan isu-isu yang berkaitan dengan harta Intelek (IPR).

Tuan Yang Dipertua,

Syarikat Venturepharm Sdn. Bhd. telah mendapat pembiayaan di bawah Dana TechnoFund bagi menjalankan projek pra-pengkomersilan bertajuk “ Localisation of mucosal bio-additive for feed (MBF) in Malaysia”. Syarikat tersebut merupakan sebuah syarikat tempatan dengan **60% pegangan Bumiputera dan 40% bukan bumiputera** dan projek ini dijalankan sepenuhnya di dalam negara. Syarikat Venturepharm Sdn. Bhd didapati berupaya untuk melaksanakan projek ini melalui **pemindahan teknologi dan kolaborasi** dengan Dr. Mingwei Chen dari XLW Inc, USA. yang mempunyai kepakaran dalam teknologi *Mucosal Bio-Additive for feed (MBF)* bagi makanan ayam serta dengan sokongan kepakaran penyelidik-penyelidik tempatan.

Projek ini telah melepasi peringkat *proof of concept*, di mana teknologi yang dibangunkan telah terbukti berjaya diperingkat makmal dan sedia untuk peringkat *scaling up* sebelum dikomersilkan.

Skop utama Venturepharm adalah untuk menjalankan **projek pembangunan dan penyelidikan pra-pengkomersilan teknologi ini untuk proses-proses *engineering and biological scale-up*** dengan bantuan teknikal dari XLW Inc. dan sokongan dari makmal-makmal penyelidikan tempatan

Pemantauan telah dibuat oleh kumpulan pakar (*Project monitoring team - PMT*) bagi mengesahkan **pencapaian milestone** yang ditetapkan. Semua pembayaran dilakukan adalah mengikut pencapaian milestone, mengikut jadual yang dipersetujui. Pihak syarikat (penerima dana) telah melaksanakan semua cadangan penambahbaikan teknikal dari PMT.

Jumlah geran yang diluluskan bagi projek ini ialah RM5,360,000.00. Pembayaran pertama telah dibuat pada 9 Jun 2008 sebanyak RM964,800.00 manakala pembayaran kedua dibuat pada 10 Mac 2009 sebanyak RM1,300,000.00. Jumlah pembayaran yang telah dibuat setakat ini ialah RM2,264,800.00. Oleh itu baki geran bagi projek ini ialah sebanyak RM3,095,200.00.

Tuan Yang DiPertua,

Output daripada projek ini adalah satu proses teknologi yang boleh digunapakai oleh industri tempatan untuk menghasil dan mengeluarkan 'biofeed' yang akan memberi manfaat kepada industri ternakanayamnegara.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN HAJAH ZURAIDA BT. KAMARUDIN
[AMPANG]**

TARIKH : 22 JUN 2009

SOALAN

Puan Hajah Zuraida binti Kamarudin [Ampang] minta PERDANA MENTERI menyatakan:

- (a) berapakah keputusan terkini wanita di peringkat membuat keputusan dalam sektor awam mengikut negeri; dan
- (b) apakah langkah-langkah untuk mencapai tahap 30 peratus wanita di peringkat membuat keputusan.

JAWAPAN : YB. DATO' SERI MOHAMED NAZRI AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Dipertua,

Sehingga 1 Jun 2009, terdapat seramai 447 orang pegawai wanita di peringkat membuat keputusan (Jawatan Utama/Gred Khas Sektor Awam) dalam sektor awam. Dari jumlah tersebut, seramai 227 orang berkhidmat di peringkat negeri. Bilangan ini tidak termasuk pegawai wanita lantikan di bawah Badan Berkanun (seperti di universiti/institut penyelidikan) dan Perkhidmatan Polis/Tentera.

Kerajaan sentiasa memberi ruang dan peluang yang saksama kepada penjawat awam untuk dipertimbang mengisi jawatan di peringkat pembuat keputusan (Jawatan Utama/Gred Khas Sektor Awam) tanpa ada diskriminasi sama ada lelaki ataupun wanita berasaskan kepada faktor merit, sikap, kelayakan, kesesuaian, kepakaran dan pengalaman seseorang pegawai.

Bagi tujuan tersebut, antara langkah yang diambil termasuklah menghantar pegawai mengikuti kursus-kursus terpilih jangka pendek dan sederhana yang bersesuaian di peringkat pengurusan tertinggi di dalam dan luar negara serta pemantauan prestasi pegawai secara konsisten.

Sekian. Terima kasih.

MAKLUMAT TAMBAHAN

Sehingga 1 Jun 2009, jumlah pegawai wanita yang berada di Jawatan Utama/Gred Khas bagi lantikan di peringkat Persekutuan adalah seramai 447 orang (28.6%).

Bilangan ini tidak termasuk pegawai wanita lantikan di bawah Badan Berkanun (seperti di universiti/institut penyelidikan) dan Perkhidmatan Polis/Tentera.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN TAN TEE BENG
[NIBONG TEBAL]

TARIKH : 22 JUN 2009 (ISNIN)

SOALAN :

TUAN TAN TEE BENG MINTA MENTERI KERJA RAYA menyatakan mengenai kadar tol di lebuh raya yang telah lama beroperasi malah kadar tol setiap tahun dinaikkan. Bilakah Kementerian dapat menyerahkan kontrak lebuh raya kepada Ahli-ahli Parlimen untuk memastikan kontrak tersebut sah dan tiada unsur penipuan terhadap rakyat.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kenaikan kadar tol untuk satu-satu lebuhraya tidak berlaku setiap tahun. Sebagai contoh kenaikan kadar tol bagi Lebuhraya Shah Alam (KESAS) adalah bagi setiap 5 tahun, Lebuhraya Bertingkat Ampang Kuala Lumpur (AKLEH) adalah bagi setiap 7 tahun dan sebagainya. Kekerapan kenaikan kadar tol pula bagi kebanyakan lebuhraya adalah hanya 2 ke 3 kali sepanjang tempoh konsesi dan tiada sebarang kenaikan kadar tol dibenarkan setelah Syarikat Konsesi selesai melunaskan hutangnya.

Namun begitu, setiap syarikat konsesi berhak mendapat kenaikan kadar tol pada sesuatu tahun tertentu mengikut Perjanjian Konsesi tetapi kuasa untuk membenarkan sebarang kenaikan kadar tol adalah di atas pertimbangan Kerajaan. Sebelum Kerajaan membenarkan sebarang kenaikan, Kerajaan akan mengkaji kenaikan tersebut dari semua sudut seperti obligasi Kerajaan, obligasi Syarikat Konsesi kepada peminjam (*financial cost*), kenaikan kos penyenggaraan dan operasi serta kemampuan pengguna ekoran keadaan ekonomi semasa.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan tidak pernah mempunyai sebarang niat untuk menipu sesiapa dan oleh itulah Kerajaan telah mendeklasifikasikan semua Perjanjian Konsesi mulai 1 Januari 2009 di mana Ahli-ahli Parlimen dan orang awam boleh menyemak dokumen-dokumen Perjanjian Konsesi di Kementerian Kerja Raya.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN RAIME BIN UNGGI (TENOM)

TARIKH : 22 JUN 2009

SOALAN:

Tuan Raime bin Unggi [Tenom] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan sejauh manakah pihak Kerajaan memberikan penekanan bagi memajukan industri ICT sebagai strategi utama menjana ekonomi negara terutamanya bagi masyarakat luar bandar.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK) bertanggungjawab membangunkan prasarana dan perkhidmatan komunikasi sebagai pemangkin pembangunan industri ICT dalam menjana ekonomi negara.

Program pembangunan prasarana utama Kementerian melalui SKMM ialah Inisiatif Jalur Lebar Kebangsaan (*National Broadband Initiative*). Pelan ini akan menyumbang sebanyak 1% Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan dijangka mewujudkan 135,000 peluang pekerjaan menjelang 2010.

Pelan jalur lebar ini juga akan dapat dinikmati oleh semua pihak, termasuk masyarakat luar bandar dan meningkatkan daya saing negara.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS
(TELOK KEMANG)**

TARIKH : 22.06.2009

SOALAN:

Y.B. DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS [TELOK KEMANG] minta Menteri Pelajaran menyatakan pendirian Kementerian terhadap bantahan Kesatuan Pekerja-Pekerja Dewan Bahasa dan Pustaka yang mempertikaikan pelantikan Dato' Haji Termuzi bin Abdul Aziz sebagai Ketua Pengarah DBP di samping, adakah pelantikan beliau akan dikaji semula.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Cadangan pelantikan Dato' Haji Termuzi bin Haji Abdul Aziz sebagai Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) telah diluluskan oleh Y.A.B. Perdana Menteri Malaysia. Pelantikan beliau secara kontrak untuk tempoh 2 tahun mulai 1 Februari 2009 hingga 31 Januari 2011 dibuat secara teratur dan mengikut peraturan (Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 2008 bertajuk "Dasar dan Prosedur Pelantikan secara Kontrak" dan Akta DBP).

Sehubungan dengan itu, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) tidak bercadang untuk mengkaji semula pelantikan tersebut.

SOALAN NO: 56

DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN JAWAB LISAN

TARIKH: 22.06.2009

SOALAN : DATO' LILAH YASIN minta PERDANA MENTERI menyatakan :-

- a) Peruntukan yang disediakan untuk membangunkan pekan-pekan kecil di perkampungan FELDA; dan
- b) Berapa projek yang dilaksanakan di Jempol dan nyatakan lokasi serta kos yang terlibat.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

(a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, FELDA menyediakan peruntukan berjumlah RM4 juta bagi memasang lampu jalan di

kawasan awam khususnya di kawasan-kawasan utama seperti jalan masuk dan kawasan premis perniagaan di rancangan FELDA. Selain dari itu, peruntukan dari tahun 2008 berjumlah RM3.2 juta diteruskan pada tahun ini bagi menambah baik kawasan perniagaan seperti menyediakan tempat letak kereta, membina mini kafe dan tandas awam untuk kemudahan masyarakat setempat.

FELDA turut menambah baik sistem perparitan di kawasan perniagaan. Tumpuan diberikan kepada rancangan yang berbentuk gugusan untuk membolehkannya menjadi sebuah kawasan utama yang menyediakan pelbagai kemudahan. Ini kerana bilangan penduduk di rancangan berbentuk gugusan adalah lebih ramai berbanding kawasan-kawasan lain. Namun begitu, pembangunan baru memerlukan komitmen dan kerjasama dari Kerajaan Negeri khususnya dalam membina kawasan penempatan, status penggunaan tanah, pelan tata atur dan sebagainya.

(b) Sehingga kini, sebanyak enam (6) projek telah dilaksanakan di sekitar kawasan Jempol iaitu Feldajaya Raja Alias, homestay, Kompleks Sukan Komuniti (KSK), Edible Garden, Pusat Jahitan

SAWARI dan industri makanan. Projek-projek ini dilaksanakan bagi membantu membangunkan kawasan di luar bandar khususnya dalam Daerah Jempol agar peneroka dapat menikmati kemudahan yang disediakan.

Projek Feldajaya di Bandar Sri Jempol yang siap tahun 2007 bertujuan mewujudkan pusat pertumbuhan baru di kawasan luar bandar khususnya rancangan FELDA yang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi. Projek tersebut sehingga kini melibatkan kos sebanyak RM93.1 juta. Projek ini mengandungi kediaman moden sebanyak 88 unit, 10 unit kedai, kompleks tadbiran FELDA Wilayah, Kolej Integrasi Ilmu (KINI), taman rekreasi, pusat perniagaan, stesen bas, pasar, surau dan sebagainya. Unit rumah dan kedai yang siap dibina, dijual kepada warga peneroka yang berminat menceburi bidang perniagaan.

Selain itu, FELDA turut melaksanakan projek homestay yang terletak di Kompleks Serting Hilir. Sebanyak 40 buah rumah terlibat dalam program ini dengan melibatkan kos sebanyak RM600,000. Bilangan pelawat sejak tahun 2008 ialah seramai 5,648 orang.

Projek edible garden merupakan projek yang menggalakkan peneroka menanam sayuran bagi mengurangkan perbelanjaan dapur. Projek fasa 1 ini dimulakan pada penghujung tahun 2008. Bagi Daerah Jempol, projek ini membabitkan seramai 996 peneroka dari rancangan Pasoh 1 dan 4, Palong 9 dan 10, Raja Alias 2 dan 4, Jelai 2 dan Jelai 4 hingga 8. Sehingga kini FELDA memperuntukkan sebanyak RM187,150.00 bagi membeli kos benih dan polibeg serta latihan dengan kos berjumlah RM36,000 untuk Daerah Jempol.

FELDA turut membina bangunan SAWARI di Raja Alias 2 di mana ia menempatkan aktiviti jahitan dan pakaian. Industri ini dilihat telah berkembang maju apatah lagi sambutan yang diterima dari kalangan masyarakat amat menggalakkan. FELDA memperuntukkan sejumlah RM370,000 bagi membeli mesin dan memberi latihan kepada pekerja. Selain itu, projek pembungkusan makanan telah dilaksanakan di Raja Alias 1 dengan bantuan geran daripada SMIDEC dengan kos berjumlah RM151,270.

Kompleks Sukan Komuniti (KSK) telah dibina di Palong 6 bagi membolehkan aktiviti riadah dijalankan di dalam kawasan rancangan. Projek tersebut telahpun siap pada tahun 2006 dengan kos sebanyak RM1.9 juta.

-----XXX-----

SOALAN NO: 57

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. RAMASAMY A/L PALANISAMY
[BATU KAWAN]**

TARIKH : 22 JUN 2009

RUJUKAN : 1817

SOALAN:

Dr. Ramasamy a/l Palanisamy [Batu Kawan] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bukti-bukti bagi dakwaan bahawa 5 orang pemimpin HINDRAF mempunyai hubungan dengan kumpulan pengganas antarabangsa dan jikalau tiada bukti mengapakah mereka ditahan dibawah akta ISA serta sekiranya terbukti tidak bersalah, adakah Kerajaan Malaysia akan meminta maaf kepada mereka.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Izinkan saya menjawab soalan ini bersama soalan-soalan Yang Berhormat Kota Bharu bertarikh 23 Jun 2009 dan Yang Berhormat Ipoh Barat bertarikh 25 Jun 2009 kerana soalan-soalan tersebut adalah berkaitan. Saya mengucapkan terima kasih kepada ahli-ahli Yang Berhormat Batu Kawan, Kota Bharu dan Ipoh Barat yang mengemukakan soalan-soalan.

Untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat, pihak Kerajaan perlu sentiasa peka dan mengambil tindakan pencegahan awal terhadap sebarang ancaman kepada keselamatan negara dan ketenteraman awam. Kerajaan adalah bertanggungjawab untuk memelihara kesejahteraan rakyat jelata dan memastikan mereka dapat menjalani kehidupan harian tanpa gangguan atau sebarang kebimbangan bahawa keselamatan mereka terancam.

Hindraf adalah sebuah pertubuhan haram yang tidak berdaftar. Kumpulan ini telah diisytiharkan sebagai sebuah kumpulan haram pada 14 Oktober 2008 mengikut peruntukan Seksyen 8(1) Akta Pendaftaran Pertubuhan 1966 (Akta 335). Tindakan penahanan lima (5) orang pemimpin Kumpulan Haram Hindraf (KHH) di bawah Seksyen 8 (1) AKDN 1960 adalah kerana tindak tanduk mereka menganjurkan aktiviti-aktiviti yang jelas membangkitkan sentimen perkauman dan agama yang serius yang boleh mencetuskan konflik

antara kaum dan seterusnya memudaratkan ketenteraman awam dan keselamatan negara. Mereka juga telah menganjurkan perhimpunan-perhimpunan yang membangkitkan sentimen sehingga mencetuskan tindakan-tindakan yang berunsur keganasan.

Maklumat perisikan telah mendedahkan terdapat usaha-usaha oleh Kumpulan Haram Hindraf (KHH) untuk mendapatkan bantuan dan sokongan dari negara luar. Maklumat perisikan juga melaporkan bahawa lawatan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy, Pengerusi kumpulan ini ke luar negara pada 28 November 2007 adalah di antara lainnya, untuk mendapatkan sokongan antarabangsa termasuk usaha untuk mengadakan perjumpaan dengan pemimpin LTTE.

Tuan Yang Dipertua,

Kelima-lima pemimpin Kumpulan Haram Hindraf yang dikenakan Perintah Tahanan telah dibebaskan dengan bersyarat sepertimana peruntukan di bawah Seksyen 10 AKDN 1960 kerana dirasakan mereka telah menunjukkan pemulihan semasa di dalam tahanan.

Kerajaan meletakkan keselamatan negara dan kesejahteraan rakyat sebagai keutamaan dan akan bertindak tanpa kompromi demi memastikan keselamatan negara dan kesejahteraan rakyat terjamin. Oleh yang demikian, Kerajaan tidak akan memohon maaf kepada mana-mana pihak selagi mana perbuatan atau tindakan mereka

didapati boleh mengancam dan menggugat keselamatan negara dan ketenteraman awam.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN LIANG TECK MENG
[SIMPANG RENGAM]**

TARIKH : 22 JUN 2009

SOALAN

Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah tindakan yang akan dikenakan kepada pegawai-pegawai sekiranya KPI tidak dicapai seperti yang dirancang.

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI AZIZ

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Pelaksanaan budaya berprestasi tinggi berasaskan KPI untuk Perkhidmatan Awam telah disarankan oleh YAB Perdana Menteri semasa Ucapan Bajet 2008. Falsafah pelaksanaan KPI adalah 'apa yang diukur, akan diselesaikan' (*what gets measured, gets done*). Dalam hal ini, penetapan KPI serta sasaran prestasinya adalah untuk mencabar keupayaan pegawai untuk mencapai prestasi yang lebih tinggi. Sekiranya sasaran tidak dapat dicapai, ini tidak bererti seseorang Ketua Jabatan atau pegawai tersebut adalah cuai atau tidak efisien sehingga boleh diambil tindakan.

Semangat pelaksanaan KPI bukanlah untuk menghukum. Sekiranya tindakan diambil terhadap mana-mana pegawai yang tidak mencapai sasaran prestasi, ia mungkin boleh menyebabkan pegawai tersebut menyetepikan soal integriti demi mencapai sasaran yang ditetapkan atau menetapkan sasaran prestasi yang rendah dan mudah dicapai.

Sekiranya KPI tersebut tidak dapat dicapai, kelemahan hendaklah dikaji dan tindakan susulan diambil untuk menambahbaikkan kapasiti organisasi supaya sasaran-sasaran prestasi dicapai di masa hadapan.

Sekian. Terima kasih.

Jawapan oleh YB Senator Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon

NO. SOALAN : 60

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DR. HAJI MOHD HAYATI BIN OTHMAN (PENDANG)

TARIKH : 22 JUN 2009 (ISNIN)

SOALAN : Y.B. DR. HAJI MOHD HAYATI BIN OTHMAN minta PERDANA MENTERI menyatakan bagaimanakah dasar 1Malaysia dapat dilaksanakan di dalam projek pembangunan di negeri yang diperintah oleh Kerajaan Pakatan Rakyat.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Semangat Gagasan 1Malaysia yang diperkenalkan oleh YAB Perdana Menteri sememangnya merupakan satu kesinambungan dan pelengkap kepada dasar-dasar Kerajaan Persekutuan yang sedia ada. Gagasan 1Malaysia memberi keutamaan terhadap kepentingan dan kesejahteraan rakyat seluruh negara tanpa mengira sama ada mereka berada di negeri yang diperintah oleh mana-mana parti politik. Pendekatan ini adalah selaras dengan komitmen "Rakyat Didahulukan" atau "People First."

Penekanan ke atas “Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan” turut tergambar di dalam projek-projek pembangunan Kerajaan Persekutuan yang bertujuan untuk:-

- (a) membina kemudahan-kemudahan asas dan prasarana utama;
- (b) mengwujudkan lebih banyak peluang pekerjaan;
- (c) mengwujudkan dan memperkasakan peluang-peluang perniagaan;
- (d) menjanakan pertumbuhan ekonomi negara; dan
- (e) memupuk perpaduan dan menjamin keselamatan di kalangan rakyat jelata.

Faedah hasil dari kejayaan pelaksanaan projek-projek pembangunan tersebut secara menyeluruh akan dinikmati oleh rakyat dalam semua negeri juga tanpa mengira sesebuah negeri itu diperintah oleh mana-mana parti. Yang penting, rakyat perlu diutamakan supaya mendapat faedah dan kesan yang positif.

Oleh itu, bagi memastikan segala projek pembangunan yang dirancang dapat dilaksanakan dengan berjaya supaya mendatangkan impak dan kesan yang baik kepada rakyat, kerajaan akan terus berusaha meningkatkan sistem pencapaian (delivery) dalam menjayakan pelaksanaan projek dan perkhidmatan untuk rakyat, selaras dengan tujuan “Pencapaian Diutamakan.” Usaha akan dipertingkatkan dalam menggunakan kaedah Petunjuk Prestasi Utama (Key Performance Indicators) dalam pentadbiran supaya memantapkan lagi pengurusan prestasi dari para menteri ke semua peringkat perkhidmatan awam.

Yang penting juga, terserah kepada sikap dan pendekatan kerajaan-kerajaan negeri di bawah pimpinan parti selain daripada Barisan Nasional, sama ada dapat memberi kerjasama dan penyelarasan secara berkesan dengan Kerajaan Persekutuan tanpa mengira perbezaan pandangan dan parti politik. Terserah juga kepada komitmen kerajaan-kerajaan negeri tersebut terhadap pengurusan prestasi dalam pentadbiran sendiri di semua peringkat. Ini adalah kerana kejayaan pelaksanaan projek-projek persekutuan bergantung kepada pengurusan hal ehwal tempatan, seperti pengambilan tanah, penempatan semua rakyat yang terlibat dalam pembangunan, serta khidmat-khidmat sokongan yang lain oleh kerajaan tempatan.

Saya percaya bahawa sekiranya pemimpin-pemimpin yang ada sekarang di peringkat persekutuan dan negeri berupaya menghayati semangat Gagasan 1Malaysia, sudah pasti rakyat akan menikmati kehidupan yang lebih sejahtera dan harmoni kerana usaha-usaha pembangunan negara dapat dipergiatkan dengan lebih pesat lagi.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : DR. HAJI DZULKEFLY BIN AHMAD
(KUALA SELANGOR)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 22.06.2009 SOALAN NO: 62

Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad (Kuala Selangor) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah Kerajaan atau Bank Negara Malaysia bercadang untuk menentukan kadar faedah bagi Pengeluaran Kad Kredit (credit card issuers) bagi menggambarkan kos pinjaman keterlaluan dan keuntungan yang munasabah.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Bank Negara Malaysia telah mengeluarkan garis panduan yang menghendaki pengeluar kad kredit mengamalkan struktur kadar faedah bertingkat (*tiered pricing*) bagi kad kredit bagi menggalakkan pengurusan kewangan berhemat dan memupuk disiplin kewangan yang baik di kalangan pengguna kad kredit di Malaysia. Di bawah struktur ini, pengguna kad kredit akan dikenakan caj kewangan mengikut peringkat (*tier*) yang telah ditetapkan

berdasarkan tabiat pembayaran balik pinjaman kad kredit pada setiap bulan.

2. Berikutan pengumuman oleh Persatuan Bank-Bank Dalam Malaysia, berkuat kuasa 31 Mac 2009, kadar faedah atau caj kewangan maksimum yang boleh dikenakan oleh institusi pengeluar kad kredit adalah 17.5% setahun atau 1.45% sebulan. Pemegang kad yang menyelesaikan sekurang-kurangnya jumlah minimum yang perlu dibayar setiap bulan tepat pada waktunya untuk 12 bulan berturut-turut, caj kewangan akan dikurangkan kepada tidak lebih daripada 13.5% setahun. Pemegang kad yang menyelesaikan jumlah minimum yang perlu dibayar sekurang-kurangnya 10 bulan daripada kitaran 12 bulan, caj kewangan akan dikurangkan kepada tidak lebih daripada 16% setahun.

3. Kadar faedah kad kredit di Malaysia merupakan antara kadar faedah yang terendah di Asia, di mana kadar yang dikenakan oleh pengeluar kad kredit di negara lain adalah antara 18% hingga 42% setahun. Di samping itu, sesetengah pengeluar kad kredit di Malaysia menawarkan kadar faedah serendah 9% kepada pemegang kad peringkat pertama mereka (*Tier 1*). Oleh itu, para pengguna mempunyai pilihan untuk memilih kad kredit daripada pengeluar yang menawarkan kadar faedah atau pakej yang lebih rendah dan menarik.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD BIN KASIM (KUALA
KEDAH)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 22.06.2009 SOALAN NO: 63

Tuan Haji Ahmad bin Kasim (Kuala Kedah) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah jumlah yang diperuntukkan kepada AIM (Amanah Ikhtiar Malaysia) tahunan sejak ditubuhkan dan adakah Kementerian akan mengkaji semula kadar faedah 10% yang dikenakan kepada peminjam di bawah Projek AIM yang ternyata membebankan peminjam dari golongan miskin yang menyertai projek ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, **AIM** telah disediakan peruntukan pinjaman tanpa faedah oleh Kerajaan sebanyak RM572,968,410.00 bermula daripada Rancangan Malaysia Ke Tujuh sehingga April 2009. Bagi program mikro kredit **AIM** khasnya, peruntukan geran disediakan oleh Kerajaan sebanyak

RM27,142,520.00 melalui YPEIM dan KKLW masing-masing sebanyak RM14,774,520.00 dan RM12,368,000.00. Keseluruhan sumber dana adalah berjumlah RM600,110,930.00.

2. Bagi menjamin perkhidmatan yang berterusan oleh AIM kepada golongan sasarannya, caj pembiayaan telah ditetapkan pada kadar yang munasabah. **AIM** sentiasa menyemak kadar faedahnya dari masa ke semasa agar institusi ini dapat berdikari dan pada masa yang sama tidak terlalu membebankan peminjam. Pada awal operasinya dari tahun 1987 hingga 1996, kadar caj yang ditetapkan RM75 hingga RM300 setiap pinjaman tidak mampu untuk AIM mencapai tahap berdikari.

3. Sehubungan ini, defisit pendapatan telah ditampung melalui subsidi geran pengurusan yang disumbangkan oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan-Kerajaan Negeri. Mulai 1997, **AIM** tidak lagi menerima geran pengurusan tetapi bergantung sepenuhnya kepada pendapatan operasinya dari kutipan caj pengurusan pembiayaan. Pada tahun 1997-1999, **AIM** pernah menetapkan kadar caj yang tertinggi sehingga 19%. Walau bagaimanapun, kadar ini diturunkan sehingga 12% pada tahun 2002-2003 dan seterusnya pada 10% dari tahun 2005 hingga kini.

4. Kaedah penyampaian pembiayaan mikro **AIM** adalah secara terus kepada golongan miskin dan berpendapatan rendah. **AIM** juga memberi latihan kepada sahabat **AIM** atau peminjam ikhtiar yang meliputi latihan kepimpinan dan kemahiran keusahawanan secara percuma agar daya maju projek dapat dipertingkatkan. Selain itu, **AIM** juga tidak mengenakan caj denda ke atas kegagalan sahabat

AIM membayar balik pinjaman mengikut jadual seperti dalam kes Cuti Umum, Keuzuran, Kemalangan dan sebagainya.

5. Kadar caj pembiayaan **AIM** adalah terendah dan munasabah jika dibandingkan di peringkat global. Sebagai contoh, perbandingan kadar faedah Institusi-Institusi Kewangan Mikro di negara-negara lain di Asia adalah sekitar 18% hingga 80%. Dengan mengambil kira kaedah sistem penyampaian **AIM** dan perkhidmatan-perkhidmatan tambahan yang ditawarkan, kadar 10% secara relatifnya adalah lebih rendah berbanding Institusi-Institusi Kewangan Mikro yang lain.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : DR. DR. MOHAMAD SHAHRUM BIN
OSMAN (LIPIS)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 22.06.2009 **SOALAN NO : 64**

Dr. Dr. Mohamad Shahrudin bin Osman (Lipis) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah projek mengikut kategori yang telah dilaksanakan di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi yang bernilai RM 67 bilion.

JAWAPAN.

Tuan Yang di-Pertua,

Izinkan saya menjawab soalan ahli Yang Berhormat Lipis yang dijadualkan dijawab pada 22 Jun 2009 mengenai jumlah projek mengikut kategori yang telah dilaksanakan di bawah dua Pakej Rangsangan Ekonomi yang bernilai RM 67 bilion.

2. Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga 12 Jun 2009, sebanyak lebih 53000 projek bernilai RM 67 bilion merangkumi berbagai kategori telah dan sedang dilaksanakan iaitu :-

- i. **Pembangunan Modal Insan**
- ii. **Merangsang Daya Tahan Ekonomi**
- iii. **Kesejahteraan Rakyat**
- iv. **Mengurangkan Pengangguran**
- v. **Meringankan Beban Rakyat**
- vi. **Membantu Sektor Swasta**
- vii. **Membina Keupayaan Ekonomi**

Kesemua projek ini dilaksanakan oleh Kementerian-kementerian, Agensi-agensi Kerajaan dan GLCs dan semua berjalan dengan lancar.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : DATUK ONG KA CHUAN
(TANJONG MALIM)**
PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 22.06.2009 . SOALAN NO: 65

Datuk Ong Ka Chuan (Tanjong Malim) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan dalam Pakej Rangsangan Ekonomi (satu dan dua) setakat ini dan sejauh manakah pelaksanaan projek-projek dalam kedua-dua pakej tersebut dapat mengurangkan kesan kemelesetan ekonomi global ke atas ekonomi negara.

dan

DARIPADA : TUAN LIM LIP ENG (SEGAMPUT)
PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 22.06.2009 . SOALAN NO: 87

Tuan Lim Lip Eng (Segambut) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan berapakah kadar peratus ramalan penguncupan (contraction) ekonomi negara pada akhir tahun ini. Mengapa pula masih ada penguncupan sedangkan lebih daripada RM60 bilion Pakej Rangsangan Ekonomi telah diperuntukkan.

dan

SJ.B / (60)

DARIPADA : TUAN SALLEH BIN KALBI (SILAM)
PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 25.06.2009

Tuan Salleh bin Kalib (Silam) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sejauh manakah kebenaran bahawa krisis ekonomi global sekarang, mula menunjukkan tanda-tanda pemulihan dan bagaimanakah reaksi pasaran setakat ini, hasil daripada pakej Rangsangan Ekonomi yang telah diperkenalkan oleh pihak Kerajaan.

dan

SJ.B / (102)

DARIPADA : DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT
(HULU LANGAT)
PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 29.06.2009

Dr. Che Rosli Bin Che Mat (Hulu Langat) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan keberkesanan pengagihan dan pelaksanaan Pakej Rangsangan RM60b dalam membantu memulihkan dan menstabilkan ekonomi negara dan rakyat.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Izinkan saya menjawab soalan ahli **Yang Berhormat Tanjong Malim** bersama-sama dengan soalan ahli-ahli **Yang Berhormat Segambut, Silam dan Hulu Langat** yang dijadualkan dijawab masing-masing pada 22 Jun 2009, 25 Jun dan 29 Jun 2009 kerana menyentuh mengenai perkara dan isu yang sama, iaitu berkaitan Pakej Rangsangan Ekonomi.

2. Seperti yang telah dijelaskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 15 Jun 2009 lalu, Malaysia telah mengalami kemerosotan pertumbuhan ekonomi dengan mencatat Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) benar pada kadar negatif 6.2%, pada suku pertama 2009. Ini merupakan pertumbuhan ekonomi negatif suku tahunan pertama yang dialami sejak suku ketiga tahun 2001. Pertumbuhan negatif ini disebabkan terutamanya oleh kesan kelembapan ketara ekonomi dunia dan perdagangan antarabangsa yang telah menjejaskan permintaan eksport negara sejak separuh kedua 2008.

3. Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) telah pun menyemak semula unjuran kadar pertumbuhan ekonomi dunia 2009 daripada positif 0.5% kepada negatif 1.3% dan perdagangan dunia 2009 daripada positif 2.1% kepada negatif 11%. Negara-negara maju dan membangun juga dijangka mencatat penguncupan ekonomi atau kadar pertumbuhan yang lebih perlahan.

4. Berdasarkan situasi ekonomi semasa, Kerajaan menjangkakan persekitaran ekonomi global bagi tahun 2009 adalah lebih sukar dan mencabar. Perkembangan ini jelas dilihat melalui penunjuk-penunjuk ekonomi domestik yang menggambarkan tren yang menurun, seperti nilai eksport, Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPI) dan perbelanjaan pelaburan. Berikutan dengan ini, Kerajaan telah membuat semakan semula unjuran kadar pertumbuhan KDNK Malaysia bagi tahun 2009 daripada antara negatif 1% hingga positif 1% kepada negatif 4% hingga negatif 5%.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Menyedari situasi ekonomi yang semakin mencabar, Kerajaan terus komited untuk mengurangkan kesan kelembapan ini supaya ekonomi negara kembali cergas dan beransur pulih. Untuk tujuan ini, sebanyak RM7 bilion telah diperuntukkan dalam Pakej Rangsangan Ekonomi Pertama pada 4 November 2008, manakala, Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua telah diumumkan pada 10 Mac 2009, dengan peruntukan RM60 bilion. Pakej kedua ini adalah lebih komprehensif serta meliputi semua sektor ekonomi dan akan dilaksanakan dalam tempoh tahun 2009 dan 2010. Kerajaan akan memastikan pelaksanaan Pakej Rangsangan Ekonomi Pertama dan Kedua serta perbelanjaan bajet tahunan dilaksanakan segera untuk memberi impak positif kepada pertumbuhan ekonomi negara.

6. Sehingga kini, sejumlah RM6.8 bilion daripada RM7 bilion di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Pertama telah disalurkan

kepada Kementerian dan agensi pelaksana. Sehingga 12 Jun 2009, sejumlah 44,736 projek bernilai RM4.2 bilion telah ditawarkan untuk dilaksanakan, dengan 13,365 projek bernilai RM1.5 bilion telah disiapkan. Ini turut melibatkan projek-projek kecil seperti menaik taraf dan membaik pulih jalan luar bandar, jambatan, sekolah dan hospital berjumlah RM500 juta yang dilaksanakan, di mana secara tidak langsung, memberi manfaat kepada rakyat pada keseluruhannya. Bagi Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua pula, sejumlah 8,981 projek bernilai RM4.3 bilion telah ditawarkan. Daripada jumlah ini, sebanyak 545 projek bernilai RM1.3 bilion telah disiapkan.

7. Pakej rangsangan ini merupakan pakej yang komprehensif, yang turut mengambil kira usaha mengurangkan beban rakyat dalam mengharungi kemelesetan ekonomi. Kerajaan telah menambah peruntukan sebanyak RM674 juta sebagai subsidi untuk mengelakkan kenaikan harga barang makanan harian seperti gula, roti dan tepung. Ini telah membantu mengurangkan kadar inflasi kepada 2.4% pada bulan Mei 2009, berbanding 8.5% pada bulan Julai dan Ogos 2008.

8. Inisiatif Kerajaan untuk memulihkan ekonomi telah dapat memberi keyakinan kepada para pelabur, terutama dalam pasaran ekuiti. Ini jelas dilihat apabila Indeks Komposit Kuala Lumpur (KLCI) mencatatkan peningkatan ketara sejak Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua diumumkan. KLCI telah melonjak sehingga 1,070 mata pada 8 Jun 2009 berbanding 855 mata pada 10 Mac 2009. Dengan terlaksananya lebih banyak projek di bawah pakej

rangsangan, dijangka akan memberi kesan positif yang lebih ketara ke atas ekonomi negara dalam separuh kedua tahun 2009.

Tuan Yang di-Pertua,

9. Kerajaan yakin bahawa melalui strategi dan langkah yang telah dirangka dalam kedua-dua pakej rangsangan yang komprehensif dan menyeluruh ini, akan dapat meminimumkan impak kemelesetan ekonomi dunia terhadap ekonomi domestik serta dapat memastikan kesejahteraan rakyat. Kerajaan akan terus memantau pelaksanaan pakej rangsangan ini dengan rapi bagi memastikan ianya dilakukan dengan pantas dan berkesan serta pelaksanaannya memberi pulangan wang yang sepadan (*value-for-money*).

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN CHARLES ANTHONY A/L R.SANTIAGO (KLANG)
TARIKH : 22.06.2009

SOALAN:

Y.B. TUAN CHARLES ANTHONY A/L R.SANTIAGO [KLANG] minta Menteri Pelajaran menyatakan bagaimana peruntukan sebanyak RM50 juta dibelanjakan untuk menaik tarafkan sekolah-sekolah Tamil termasuk nama sekolah dan jumlah peruntukan, corak kerja dan rancangan Kementerian untuk memperbaiki mutu pelajaran Sekolah Tamil.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, daripada RM50 juta peruntukan di bawah Pakej Rangsangan Memperkukuhkan Daya Tahan Ekonomi Negara 2009, sebanyak RM45juta diperuntukan untuk kerja-kerja fizikal dan RM5 juta untuk perolehan perabot.

Bagi kerja-kerja fizikal, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah mengeluarkan Waran Peruntukan kepada Jabatan Kerja Raya (JKR) sebagai agensi pelaksana. Pihak JKR telah mengenalpasti 144 sekolah yang memerlukan kerja-kerja penyelenggaraan dan pembinaan.

Manakala bagi perolehan perabot pula, sebanyak RM5juta telah diagihkan kepada Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) untuk perolehan perabot kepada 116 sekolah di seluruh negara. Semua JPN sedang dalam proses tempahan sebelum dihantar kepada sekolah-sekolah.

Jawapan oleh YB Senator Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon

NO.SOALAN : 67

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Dato' Seri Tengku Azlan Ibni Almarhum Sultan
Abu Bakar [Jerantut]**

TARIKH : 22 Jun 2009

**SOALAN : Dato' Seri Tengku Azlan Ibni Almarhum Sultan
Abu Bakar [Jerantut] minta PERDANA
MENTERI menyatakan adakah perlu Menteri Besar
dan Ahli-ahli Exco juga di assess bagi setiap enam
bulan dalam segi prestasinya atau mengikut 'key
performance index'.**

Tuan Yang di-Pertua

Buat masa ini, tumpuan Kerajaan Persekutuan dalam pelaksanaan "Key Performance Indicators" (KPI) adalah di peringkat Jemaah Menteri dan para timbalan menteri. Selanjutnya, ianya akan diterimapakai peringkat demi peringkat dalam perkhidmatan awam persekutuan dari atas ke bawah. Kerajaan Persekutuan tidak bercadang melaksanakannya untuk kerajaan negeri. Terserahlah kepada Menteri Besar dan Ahli-Ahli Exco untuk memutuskan sama ada akan menerimapakai pengurusan prestasi melalui kaedah KPI ini.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN LIM LIP ENG
(SEGAMBUT)**

**TARIKH : 22 JUN 2009
(ISNIN)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan kos membeli submarin KD Tuanku Abdul Rahman, berapa lamakah dan kos kontrak memelihara submarin itu dan siapakah syarikat-syarikat yang diberi kontrak tersebut.

SULIT

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Dewan yang mulia, kos sebenar perolehan dua (2) buah kapal selam SCORPENE yang dibina di Perancis dan Sepanyol iaitu KD TUNKU ABDUL RAHMAN dan KD TUN RAZAK ialah EURO 1,084.11 juta. Berhubung kontrak senggaraan untuk kedua-dua buah kapal selam ini, Kerajaan bercadang untuk mewujudkan kontrak untuk tempoh selama 6 tahun dengan syarikat Boustead DCNS Naval Corporation Sdn Bhd, sebuah syarikat usahasama antara syarikat tempatan iaitu BHIC Defence Technologies Sdn.Bhd. dan syarikat dari Perancis iaitu DCNS S.A. Nilai kontrak senggaraan ini akan ditetapkan setelah rundingan skop kerja dan harga selesai dilaksanakan.

DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA, PARLIMEN KEDUA
BELAS 2008
(15 JUN – 30 JUN 2009)

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

Tarikh: 22 Jun 2009

Soalan no. 69:

:- Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap] minta MENTERI LUAR NEGERI menyatakan:-

- (a) peranan Kerajaan untuk membebaskan rakyat Malaysia yang ditahan di Penjara Guantanamo; dan
- (b) sikap Kerajaan selepas Presiden Amerika mengumumkan komitmen Amerika Syarikat untuk menutup penjara tersebut.

Jawapan:

Tuan Yang Dipertua,

Dengan izin Tuan Yang Dipertua, saya ingin memohon untuk menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan daripada Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria (Padang Terap) bertarikh 22 Jun 2009, yang bertanya mengenai peranan Kerajaan untuk membebaskan rakyat Malaysia di Penjara Guantanamo dan sikap Kerajaan selepas Presiden Amerika mengumumkan komitmen Amerika Syarikat untuk menutup penjara tersebut; serta soalan Tuan John A/L Fernandez (Seremban) bertarikh 29 Jun 2009 yang meminta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh pihak Kementerian bagi membawa balik 2 rakyat Malaysia iaitu Mohd. Farik bin Amin atau Zaid (Zubair) dan Mohamed Nazir Lep atau Bashir Lep (Lilie) yang kini ditahan di Pusat Tahanan Tentera Guantanamo Bay (USA) untuk dibicarakan di Malaysia.

Tuan Yang Dipertua,

Pada 22 Januari 2009, President Barack Obama telah menandatangani satu Arahan Eksekutif untuk menggantung prosiding perbicaraan mahkamah tentera di Guantanamo Bay dan telah mengarahkan supaya pusat tahanan tersebut ditutup dalam masa satu tahun.

Presiden Barack Obama telah mengarahkan agar Pusat Tahanan di Guantanamo Bay ditutup kerana pusat tahanan tersebut dianggap kontroversial oleh pertubuhan hak asasi manusia di Amerika Syarikat di mana tahanan-tahanan Guantanamo Bay tidak diberikan hak sebagaimana yang terkandung dalam Konvensyen Geneva ke Empat 1949 (Fourth Geneva Convention of 1949) berkenaan dengan layanan tahanan perang. Kerajaan Malaysia difahamkan perbincangan masih dijalankan oleh pentadbiran President Barack Obama untuk menentukan langkah-langkah yang perlu dilaksanakan berhubung dengan status tahanan di Guantanamo.

Kerajaan Malaysia terus memantau usaha-usaha yang sedang dijalankan oleh Amerika Syarikat dan telah memohon supaya kedua tahanan rakyat Malaysia di Guantanamo Bay iaitu Encik Mohd. Farik bin Amin dan Mohammad Nazir bin Lep dihantar balik ke Malaysia. Sekiranya mereka dipulangkan ke Malaysia, mereka akan disiasat dan akan melalui proses undang-undang di Malaysia. Ketika pertemuan Menteri Luar dengan Setiausaha Negara Amerika Syarikat, Hillary Rodham Clinton, pada 14 Mei 2009 di Washington D.C., beliau telah memberi komitmen untuk memaklumkan kepada Malaysia sebaik sahaja satu keputusan diambil oleh pihak Pentadbiran Amerika Syarikat.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' SERI ABDUL HADI BIN AWANG
[MARANG]
TARIKH : 22 JUN 2009

SOALAN :

Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang [Marang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada pihak Kerajaan bercadang untuk mensyaratkan agar semua hotel bertaraf empat bintang ke atas mempunyai sijil halal atau tindakan dikenakan ke atas mereka.

JAWAPAN:

Tuan Yang di Pertua,

1. Pensijilan Halal merupakan satu elemen anjakan yang boleh memberi kelebihan dan penguasaan pasaran kepada sesebuah syarikat berpunca daripada ketulenan kualiti produk dan perkhidmatan yang disediakan di mana ianya dapat meraih keyakinan pengguna. Elemen pengkomersialan inilah yang

NO SOALAN: 70

menggalakkan syarikat-syarikat untuk memenuhi standard Halal yang ditetapkan sebelum ia di pertimbangkan untuk kelulusan pensijilan.

2. Kerajaan sentiasa berusaha untuk meningkatkan pengetahuan dan membangunkan kesedaran kepada pihak hotel mengenai keperluan Pensijilan Halal bagi dapur-dapur hotel. Usaha ini adalah secara sukarela dan diatas kerelaan pihak hotel sendiri untuk mendapatkan Pensijilan Halal. Proses Pensijilan Halal bukan sahaja mengesahkan sesuatu produk itu halal, malahan ianya mengesahkan produk itu juga berkualiti.
3. Berdasarkan kepada perkara-perkara di atas, pensijilan Halal dan juga seperti pensijilan-pensijilan lain adalah tidak diwajibkan kepada pengusaha-pengusaha termasuk hotel.
4. Pihak pengguna juga mempunyai tanggungjawab untuk memainkan peranan mereka supaya memilih hotel-hotel yang mempunyai sijil Halal dan yang demikian akan merupakan tekanan terhadap pengusaha-pengusaha hotel untuk memohon sijil Halal.

NO SOALAN: 70

Disediakan oleh:

(Mariam Abdul Latif)

Naib Presiden

Bahagian Halal Integriti

Halal Industry Development Corporation (HDC)

No. Tel. Bimbit : 019-2333 592

Diluluskan oleh :

Y.Bhg. Dato' Seri Jamil Bidin

Ketua Pegawai Eksekutif

Halal Industry Development Corporation (HDC)

SOALAN NO: 49
71

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI MOHD NOR BIN OTHMAN
[HULU TERENGGANU]**

TARIKH : 22 JUN 2009

RUJUKAN : 1819

SOALAN:

Tuan Haji Mohd Nor bin Othman [Hulu Terengganu] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan langkah-langkah yang telah diambil bagi memastikan tahap kawalan di Pusat Tahanan Imigresen Ajil selamat dan adakah Kerajaan bercadang memindahkan ke lokasi lebih sesuai.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Hulu Terengganu yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, aspek keselamatan adalah tanggungjawab utama di semua Depot Tahanan Imigresen termasuklah di Depot Tahanan Imigresen Ajil di Hulu Terengganu. Depot Tahanan Imigresen Ajil merupakan antara Depot Tahanan Imigresen yang baru. Antara langkah-langkah yang telah diambil bagi memastikan tahap keselamatan di Depot Tahanan Imigresen Ajil ialah:

- i) Setiap pelawat / orang awam yang akan memasuki kawasan Depot akan diperiksa / ditapis dan direkodkan di Balai Pengawal di pintu utama;
- ii) Perjumpaan pelawat / orang awam dengan tahanan dirujuk kepada Komandan Depot untuk tapisan sebelum dibenarkan. Tempoh perjumpaan mereka akan dihadkan dan sentiasa dipantau oleh pegawai bertugas;
- iii) Kawasan blok tahanan dilengkapi dengan pagar keselamatan dan lampu limpah pada waktu malam;
- iv) Menghadkan pergerakan tahanan di dalam kawasan blok tahanan sahaja;
- v) Pergerakan mereka dipantau dua puluh empat (24) jam melalui empat (4) menara kawalan dan empat (4) pondok

Setiap menara dan pondok kawalan dianggotai oleh dua (2) pegawai bertugas pada satu-satu syif;

- vi) Rondaan kawalan keselamatan dua puluh empat (24) jam di sekitar kawasan blok tahanan;
- vii) Pergerakan tahanan keluar dari blok tahanan akan diiringkawal oleh dua (2) orang pegawai bagi setiap satu (1) orang tahanan; dan
- viii) Kawalan penyimpanan kunci-kunci keselamatan di kawasan dan blok tahanan. Kunci-kunci ditandakan dan kawalannya dipertanggungjawabkan kepada pegawai penyelia bagi setiap syif.

Buat masa ini kerajaan belum ada cadangan untuk memindahkan Depot Tahanan Imigresen Ajil dari lokasi sekarang.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB DATO' HJ ISMAIL BIN

HJ. ABD MUTALIB (MARAN)

TARIKH : 22 JUN 2009 (ISNIN)

SOALAN :

YB Dato' Haji Ismail bin Hj. Abd Mutalib (Maran) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan berapakah jumlah institusi kebajikan keluarga dan orang kurang upaya swasta yang telah didaftarkan dan menjalankan aktiviti mereka dan berapakah jumlah keluarga atau anggota yang terlibat mendapat faedah daripada perkhidmatan badan-badan berkenaan.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah mengeluarkan perakuan pendaftaran kepada institusi kebajikan swasta (Pusat Jagaan) bagi kanak-kanak, OKU dan warga emas berdasarkan peruntukan di bawah Akta Pusat Jagaan 1993. Sehingga April 2009, terdapat sebanyak 1,627 buah institusi kebajikan swasta kanak-kanak, OKU dan warga

emas yang telah diluluskan pendaftarannya. Institusi tersebut telah memberi manfaat kepada seramai 3,475 orang penghuni. Buat masa ini, tiada institusi kebajikan swasta yang didaftarkan atas kategori keluarga.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **YB. DATUK NUR JAZLAN BIN
MOHAMED
[PULAI]**

**TARIKH JAWAPAN
DI DEWAN RAKYAT** : **22 JUN 2009 (ISNIN)**

SOALAN NO. : **73**

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU, DAN AIR** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mengelakkan dari kejadian bekalan air yang putus di Lembah Klang dari berulang.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan amat prihatin dengan keperluan rakyat dan telah mengambil langkah proaktif bagi mengelak kejadian bekalan air yang terputus di Lembah Klang dari berulang. Gangguan bekalan air tersebut didapati berpunca daripada sumber air mentah dan kapasiti pengeluaran air terawat tidak lagi mampu menampung keperluan semasa penduduk di Lembah Klang.

Sehubungan dengan itu, Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian ini telah mengambil langkah penyelesaian jangka panjang dengan melaksanakan skim penyaluran air mentah antara negeri bagi memenuhi peningkatan keperluan air terawat. Skim ini yang melibatkan pelaksanaan Projek Penyaluran Air Mentah dari Pahang ke Selangor dan Projek Pembinaan Loji Rawatan Air Langat 2.

Dengan siapnya kedua-dua projek ini pada tahun 2015, sebanyak 1,130 juta liter sehari air dapat dibekalkan kepada penduduk di negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya.

Tuan Yang Dipertua,

Sementara menunggu kedua-dua projek tersebut siap dan beroperasi, beberapa langkah jangka pendek sedang diambil, antaranya:

- (a) menaik taraf kapasiti loji rawatan air sedia ada ;
- (b) melaksanakan projek bekalan air alternatif bagi KLIA di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua;
- (c) melaksana program pengurangan kehilangan air tidak terhasil (NRW) secara komprehensif dan holistik; dan
- (d) mengenal pasti sumber air mentah tambahan seperti tasik dan air tanah, *ground water* dengan izin untuk kegunaan di musim kemarau.

Tuan Yang Dipertua,

Pada masa yang sama, Kerajaan juga berusaha untuk meningkatkan kesedaran orang ramai dalam penggunaan air secara berhemah. Usaha tersebut digerakkan melalui pelaksanaan pelbagai program seperti Kempen Kesedaran Penjimatan Air Kebangsaan yang berterusan dan program serupa yang dikendalikan oleh operator air di seluruh negara.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN MUHAMMAD BIN HUSAIN (PASIR PUTEH)

TARIKH : 22 JUN 2009

SOALAN:

Tuan Muhammad bin Husain [Pasir Puteh] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan peratus program radio dan televisyen yang mewakili pandangan bukan arus perdana dalam keadaan zaman yang dikatakan "Kerajaan bukan lagi satu-satunya pihak yang paling tahu" sebagaimana dinyatakan YAB. Perdana Menteri baru-baru ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK) sebagai agensi perhubungan awam rasmi kerajaan berperanan untuk menyampaikan dasar-dasar kerajaan kepada khalayak. Walaupun tidak menyediakan slot yang khusus untuk pandangan bukan arus perdana tetapi KPKK melalui RTM tetap menyiarkan bahan-bahan berkaitan isu semasa yang mempunyai nilai berita dan maklum balas daripada masyarakat umum. Ini termasuk melalui rancangan 'Langsung dari Parlimen' dan rancangan-rancangan bual

bicara lain terbitan RTM seperti 'Selamat Pagi Malaysia' (SPM) yang mengundang pelbagai pihak melibatkan pemimpin pembangkang, pemimpin pertubuhan bukan kerajaan termasuk pemimpin pelajar, ahli akademik, wartawan dan aktivis sosial menyertai rancangan bual bicara terbitan RTM seperti 'Isu', 'Blog', 'Dialog' dan 'Suara Siswa' yang menjadi salah satu saluran kerajaan mendapatkan pandangan, maklum balas dan cadangan daripada pelbagai pihak terhadap pelaksanaan sesuatu dasar dan program kerajaan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SIM TONG HIM [KOTA MELAKA]

TARIKH : 22 JUN 2009

SOALAN:

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah pelajar yang memohon biasiswa ijazah luar negara JPA untuk tahun 2009 dan berapa orang yang telah berjaya dan senaraikan jenis kursus yang dipohon oleh mereka ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Pada tahun 2009, JPA telah menerima sebanyak 15,084 permohonan daripada pelajar-pelajar cemerlang lepasan SPM 2008 dan daripada jumlah itu, seramai 2,100 pemohon telah berjaya ditawarkan biasiswa Ijazah Luar Negara JPA. Pelajar-pelajar ini akan dihantar untuk mengikuti pengajian dalam bidang-bidang Kritikal, Profesional, Strategik dan Keutamaan yang ditetapkan oleh Kerajaan.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT
TARIKH : 22 JUN 2009
SOALAN : NO. 76

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan:-

- (a) berapakah jumlah tempat dalam IPTA ditawarkan kepada mahasiswa yang berminat mengikut sesi 2009/2010 ini; dan
- (b) sejauh mana usaha dibuat agar lebih ramai mahasiswa yang berminat untuk mengambil pengkhususan dalam bidang Perubatan, Kejuruteraan dan Undang-undang diberi peluang mengikut pengajian dalam negara.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

- a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebanyak **40,366** tempat disediakan untuk tawaran kemasukan ke dua puluh buah IPTA bagi program pengajian Lulusan STPM/Setaraf bagi sesi akademik 2009/2010. Manakala bilangan permohonan yang diterima adalah sebanyak **61,027**.

- b) Kursus dalam bidang Perubatan, Kejuruteraan dan Undang-Undang dikategorikan sebagai kursus yang kompetitif. Permohonan bagi kursus-kursus ini adalah jauh lebih tinggi daripada bilangan tempat yang mampu ditawarkan oleh IPTA. Sehubungan itu, Kerajaan sentiasa berusaha untuk meningkatkan tawaran kursus kompetitif di IPTA dengan menambah bilangan tempat dan bilangan IPTA yang menawarkan program tersebut. Kadar purata peningkatan yang disarankan adalah sebanyak 3% setahun bergantung kepada kemampuan IPTA seperti tenaga pengajar dan prasarana bagi kemudahan pengajaran dan pembelajaran seperti hospital untuk latihan. Bagi sesi kemasukan 2009/2010 Universiti Darul Iman akan menawarkan bidang perubatan buat pertama kali. Ini akan meningkatkan lagi penawaran program perubatan kepada pelajar.

SOALAN NO: 77

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN AMRAN BIN AB GHANI
[TANAH MERAH]
TARIKH : 22 JUN 2009
RUJUKAN : 1820

SOALAN:

Tuan Amran bin Ab Ghani [Tanah Merah] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah jumlah elaun anggota PDRM keseluruhan yang bertugas dalam Pilihan Raya Kecil Kuala Terengganu hingga ke Bukit Selambau dan Bukit Gantang dan adakah semuanya telah dijelaskan bayarannya.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Tanah Merah yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, elaun bagi pegawai dan anggota polis yang bertugas di ketiga-tiga kawasan pilihanraya kecil adalah sebanyak RM 5,290,970 iaitu RM2,668,190 bagi pilihanraya kecil Parlimen Kuala Terengganu, RM1,449,080 bagi pilihanraya kecil DUN Bukit Gantang dan RM1,173,700 bagi pilihanraya kecil DUN Bukit Selambau.

Tuan Yang Dipertua,

Elaun-elaun tersebut telahpun dibayar kepada pegawai dan anggota yang bertugas.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **DATO' ZAHRAIN MOHAMED HASHIM**
(BAYAN BARU)
TARIKH : **22.06.2009**
NO. SOALAN : **78**

DATO' ZAHRAIN MOHAMED HASHIM (BAYAN BARU) minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan langkah yang telah diambil bagi membantu rakyat luar bandar yang terpaksa membeli barang keperluan harian yang lebih mahal berbanding dengan penduduk bandar kerana tidak terdapat pasar raya yang menawarkan potongan harga.

Tuan Yang Dipertua,

JAWAPAN

Kementerian telah dan sedang melaksanakan Kempen Penurunan Harga Barang di seluruh negara dengan kerjasama pengusaha hypermarket dan supermarket seperti Mydin, Giant, Carrefour, Tesco, Jusco, The Store dan UO Superstore. Kementerian memantau harga barang yang dijual di semua pasar hyper (*hypermarket*) dan pasar raya besar (*supermarket*) di bandar utama seluruh negara dan bagi memastikan keberkesanan kempen ini juga turut dilaksanakan di peringkat kawasan luar bandar dan pedalaman.

Dengan kerjasama daripada pihak syarikat dan kedai runcit yang mempunyai jaringan dari kawasan pedalaman seperti Felda D'mart, 99 Speedmart, Tunas Manja, TF Value dan Sunshine.

Bagi membantu rakyat luar bandar dalam berbelanja, pihak Kementerian telah mula melaksanakan beberapa projek di bawah pakej ransangan ekonomi kedua yang dapat memberi jaminan bahawa harga barang-barang perlu seperti gula, tepung gandum, minyak masak, beras ST15% dan barang-barang keperluan lain seperti gas LPG, minyak tanah, minyak petrol dan diesel tidak dinaikkan harganya dan apa yang lebih penting rakyat di Semenanjung, Sabah dan Sarawak dapat membeli barang-barang ini pada harga yang ditetapkan Kerajaan tidak kira mereka tinggal di bandar mahupun di luar bandar atau di pedalaman.

Pada masa kini Kerajaan telah mula proses penyeragaman harga barang kawalan di Semenanjung, Sabah dan Sarawak secara berperingkat. Penyeragaman harga telah dilaksanakan setakat ini bagi petrol RON 97 pada RM1.80, RON 92 dan diesel pada RM1.70 sejak 23 Ogos 2008 dan gas petroleum cecair (LPG) pada RM1.75 sejak 16 April 2008. Kerajaan sedang mengusahakan proses penyeragaman harga bagi barang-barang kawalan yang lain.

Kementerian juga telah melaksanakan projek perintis pengedaran barang-barang perlu bersubsidi di kawasan luar bandar yang bertujuan memastikan barangan keperluan bersubsidi terutamanya bahan asas makanan seperti beras tempatan 15 peratus hancur ST15, tepung gandum kegunaan am (GP), minyak masak pek 1kg, roti putih, gula dan

LPG sampai kepada golongan sasaran pada harga yang berpatutan dan ditetapkan Kerajaan. Di samping mengenalpasti sistem pengedaran yang cekap, efisien dan kos efektif untuk mengedarkan barangan keperluan kepada pengguna terutama di kawasan luar bandar, projek perintis ini diharap dapat memberikan penyelesaian alternatif di dalam menambahbaik sistem pengedaran sedia ada, memastikan bekalan barangan keperluan yang mencukupi di pasaran terutama di kawasan luar bandar dan di samping untuk mengawal kenaikan harga barangan secara mendadak.

Pada tahun ini, Pojek Perintis Pengedaran Barang-barang Perlu juga telah diteruskan di daerah Saratok, Batang Lupar (Sarawak), daerah Sipitang, Pensiangan, Pulau Banggi dan Kinabatangan (Sabah). Kementerian juga sedang melaksanakan projek penyeragaman harga LPG di Sabah dan Sarawak dengan harga RM24.50 bagi berat 14kg dan projek komuniti drumming untuk membolehkan rakyat di kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak dapat membeli minyak dengan harga yang sama di stesen minyak di Semenanjung. Hasil keputusan projek perintis ini akan digunakan sebagai rujukan oleh Kementerian untuk merangka strategi baru bagi sistem pengedaran terutama barangan makanan dalam usaha mengawal harga barangan.

DARIPADA : Y.B. TUAN MOHD ABDUL WAHID (KUALA TERENGGANU)
TARIKH : 22 JUN 2009

SOALAN 79.

Y.B. Tuan Mohd Abdul Wahid bin Endut minta Perdana Menteri menyatakan adakah Kerajaan berhasrat untuk membuat semakan semula perjanjian konsesi syarikat PLUS agar kenaikan bayaran tol tidak membebankan rakyat.

CADANGAN JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya memohon izin untuk menjawab pertanyaan-pertanyaan bernombor 58 pada 22 Jun 2009 ,85 pada 18 Jun 2009 dan 43 pada 23 Jun 2009 secara bersekali kerana ianya menyentuh mengenai perkara yang sama.

Dewan yang mulia,

Kerajaan ketika ini sedang melaksanakan kajian ke atas isu-isu penswastaaan lebuhraya bertol untuk memastikan pengguna lebuhraya bertol mendapat "*value for money*", dengan izin. Kerajaan sedang meneliti isu yang dibangkitkan oleh pengguna, kaedah untuk menanganinya dan implikasinya kepada pengguna, Kerajaan, syarikat konsesi, sentimen pasaran dan pelaburan jangka panjang serta keyakinan pelabur tempatan dan antarabangsa terhadap dasar-dasar pembangunan dan pelaburan oleh Kerajaan.

Kerajaan telah melaksanakan langkah jangka pendek dengan tidak menaikkan kadar tol lebuhraya bagi sesuatu tempoh. Bagi penyelesaian jangka panjang, Kerajaan sedang membuat kajian ke arah merangka pendekatan yang lebih holistik berhubung dengan lebuhraya bertol.

Tuan Yang Dipertua,

Berhubung dengan semakan semula perjanjian konsesi Lebuhraya Utara-Selatan (PLUS) seperti yang disentuh oleh YB Kuala Terengganu, saya ingin menarik perhatian Ahli-ahli Dewan bahawa sejak tahun 90-an sehingga 2008, Kerajaan telah mengadakan perjanjian konsesi tambahan dengan PLUS berhubung penstrukturan semula struktur kadar tol masing-masing sebanyak 2 kali bagi Lebuhraya PLUS iaitu pada tahun 1999 dan 2001 dan 2 kali bagi Lebuhraya Utara-Selatan Hubungan Tengah (ELITE) juga di bawah PLUS iaitu pada tahun 2000 dan 2002. Kerajaan juga telah menanggung kenaikan kadar tol Lebuhraya PLUS sebanyak 4 kali iaitu pada tahun 1992, 1996 hingga 1998, 2007 dan 2008.

Perjanjian-perjanjian konsesi tambahan yang dibuat dengan PLUS adalah untuk menguatkuasakan penstrukturan semula kadar tol seperti berikut:

- i) pindaan kali pertama – kekerapan kenaikan daripada 3 tahun ke 5 tahun dengan purata kenaikan antara 7% hingga 33%;
- ii) pindaan kali kedua – pindaan peratus kenaikan kepada 10% dengan kekerapan kenaikan dipinda dari 5 tahun ke 3 tahun.

Langkah-langkah penstrukturan semula dan penangguhan kenaikan kadar tol bagi Lebuhraya PLUS ini dibuat setelah mengambil kira kepentingan pengguna serta kemampuan kewangan Kerajaan.

Tuan Yang Dipertua,

Walau bagaimanapun, Kerajaan sentiasa mengambil langkah-langkah mengemas kini dan menambah baik pelaksanaan projek-projek penswastan terutamanya dalam memperkukuhkan terma dan syarat-syarat perjanjian konsesi untuk melindungi kepentingan rakyat.

Penetapan kadar dan struktur tol, termasuk peratusan dan kekerapan kenaikan tol bagi sesebuah lebuhraya juga dibuat bagi membolehkan syarikat konsesi membayar balik

pinjaman yang telah dibuat, menyelenggarakan lebuhraya berkeajaan dan memperoleh satu pulangan pelaburan jangka panjang yang munasabah seperti tertentu. Lebuhraya-lebuhraya yang diswastakan tersebut telah dilaksanakan menerusi kaedah Bina-Kendali-Pindah di mana pihak sektor swasta mereka bentuk, membina, membiayai dan mengendalikan operasi serta menyelenggara kemudahan lebuhraya bagi satu tempoh konsesi. Sebagai balasan, syarikat konsesi dibenarkan untuk mengutip tol pada kadar yang dipersetujui oleh Kerajaan. yang dinyatakan tadi.

Dalam pada itu, Kerajaan turut mengambil kira pandangan dan masalah rakyat dengan menyediakan jalan raya yang baik dan bebas tol sebagai laluan alternatif kepada lebuhraya bertol. Pada masa yang sama, kadar tol yang dikenakan kepada pengguna lebuhraya dibuat berdasarkan prinsip *user pay* adalah berpatutan dan munasabah.

NO. SOALAN :

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DR. HIEW KING CHEU
[KOTA KINABALU]
TARIKH : 22 JUN 2009
SOALAN : DR. HIEW KING CHEU
[KOTA KINABALU]

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kenapa Ahli Parlimen pembangkang hanya boleh membuat cadangan tetapi tidak mempunyai kuasa meluluskan ke atas peruntukan tambahan sebanyak RM1 juta yang diperuntukan kepada Ahli Parlimen.

JAWAPAN: Y.B. TAN SRI NOR MOHAMED BIN YAKCOP

Tuan Yang Dipertua,

Kuasa melulus permohonan projek bagi Peruntukan Khas Y.A.B. Perdana Menteri bagi kawasan Parlimen adalah diletakkan di bawah bidang kuasa Pegawai Kemajuan Negeri di Pejabat Pembangunan Negeri (JPP/PPN) melalui penurunan kuasa oleh Y.A.B. Perdana Menteri. Pegawai Kemajuan Negeri akan menimbang sama ada permohonan projek di bawah

peruntukan ini yang dikemukakan oleh Y.B. Ahli Parlimen atau pihak-pihak lain termasuk pertubuhan bukan kerajaan (NGO) untuk faedah rakyat dan dilaksanakan mengikut peraturan kewangan yang telah ditetapkan oleh Arahan Perbendaharaan dan surat-surat Arahan Perbendaharaan yang berkaitan. Y.B. Ahli Parlimen tidak mempunyai kuasa bagi meluluskan permohonan projek di bawah peruntukan tersebut.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN CHONG CHIENG JEN
(BANDAR KUCHING)
TARIKH : 22.06.2009
NO. SOALAN : 81

TUAN CHONG CHIENG JEN (BANDAR KUCHING) minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan kos produksi dan edaran petrol RON95 dan RON97 seliter ketika harga minyak mentah antarabangsa berada pada tahap USD50 se-ton, USD40 se-ton, USD60 se-ton dan USD70 se-ton.

Tuan Yang Dipertua,

JAWAPAN

Malaysia menggunakan harga pasaran *Means of Platts Singapore* (MOPS) sebagai kos produk di dalam komponen *Automatic Pricing Mechanism* (APM) yang digunakan bagi menentukan harga runcit petrol dan diesel di negara ini. Komponen-komponen lain bagi APM adalah alpha, kos operasi, margin syarikat minyak, margin pengusaha, cukai jualan dan subsidi serta nilai tukaran wang Malaysia (RM) berbanding dollar Amerika (USD). Kadar pertukaran matawang asing adalah merupakan elemen yang mempengaruhi kos produk disamping pergerakan harga minyak mentah dunia di pasaran antarabangsa.

Keadaan pasaran minyak mentah adalah berbeza dengan pasaran MOPS bagi produk petrol RON97 dan RON95. Sebagai contoh, kos produk bagi RON97 ketika harga minyak mentah pada tahap USD40 setong adalah 118.79 sen seliter, USD50 setong adalah 140.81 sen seliter, USD60 setong adalah 162.82 sen seliter dan USD70 setong adalah 184.85 sen seliter. Manakala kos produk bagi RON95 ketika harga minyak mentah pada tahap USD40 setong adalah 106.25 sen seliter, USD50 setong 128.26 sen seliter, USD60 setong adalah 150.27 sen seliter dan USD70 adalah 172.29 sen seliter. Penetapan kos produk ini adalah berdasarkan kepada perbezaan di antara harga minyak mentah dunia dengan harga MOPS bagi RON97 dan RON95 sehingga 14 Jun 2009. Bagi kos edaran pula ianya termasuk di dalam kos operasi yang telah ditetapkan oleh Kerajaan sebanyak 9.54 sen seliter.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN GOBALAKRISHNAN A/L
NAGAPAN (PADANG SERAI)**

TARIKH : 22 JUN 2009 (ISNIN)

SOALAN :

YB Tuan Gobalakrishnan a/l Nagapan (Padang Serai) minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan mengapa wang kebajikan untuk penerima selalunya tidak tepat pada waktunya dan apakah sebab penerima terpaksa menunggu sehingga 3 bulan untuk mendapatkan wang tersebut sedangkan wang tersebut patut di terima pada tiap-tiap bulan.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) sentiasa menjadikan penyampaian perkhidmatan yang cekap, cepat, dan berkesan kepada kumpulan sasar termasuk bayaran bantuan kebajikan sebagai agenda utama pengurusan.

Berdasarkan kepada, dengan izin '*Standard Operating Procedures (SOP)*' semasa, Kementerian melalui JKM menjalankan sisatan ke atas semua kes yang dirujuk untuk mendapat bantuan dalam tempoh dua bulan dan sekiranya didapati

memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan dan layak diberi bantuan, maka bayaran akan dibuat dalam tempoh satu bulan.

Tuan Yang di-Pertua,

Pada bulan-bulan berikutnya, penerima bantuan kebajikan akan menerima bantuan mereka secara terus menerus sehingga tempoh kajian semula kes dibuat selepas 12 bulan.

Saya berharap dengan penjelasan ini Ahli Yang Berhormat memahami proses pembayaran bantuan kebajikan JKM kepada penerima.

PARLIMEN MALAYSIA
PERTANYAAN-PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI CHE UDA BIN CHE NIK (SIK)
TARIKH : 22 JUN 2009 (ISNIN)
SOALAN : Y.B. Tuan Haji Che Uda bin Che Nik (Sik)
minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan kedudukan Projek Ternakan Ayam Daging di Kampung Kubang Lintah, Sik, di mana projek ini melibatkan kos keseluruhan RM889,500.00 dan hanya 3 orang peserta terlibat. Projek ini berjalan tetapi tidak menunjukkan faedah jangka panjang (peserta tidak berdikari). Apa tindakan susulan Kementerian seterusnya.

JAWAPAN : oleh Y.B MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang Dipertua,

Projek Ternakan Ayam Daging di Kampung Kubang Lintah, Sik, telah melibatkan peruntukan kerajaan sebanyak RM1.065 juta pada

tahun 2005 bagi pembinaan 3 unit reban tertutup dua tingkat berkapasiti 60,000 ekor. Tiga (3) peserta yang terlibat dalam pelaksanaan projek ini terdiri daripada penduduk tempatan. Pada peringkat permulaan, hanya tingkat atas reban sahaja yang dilengkapi dengan peralatan. Pembinaan reban tertutup dalam projek ini bertujuan sebagai *role model* pemindahan teknologi moden dalam industri penternakan ayam tempatan.

Sehingga kini, pusingan pemeliharaan ayam adalah yang kali ke-20 (30,000 ekor sepusingan) di mana peserta projek adalah penternak kontrak dan memperolehi keuntungan antara RM8,000 hingga RM14,000 seorang daripada projek tersebut. Melalui keuntungan yang diterima dan sedikit pinjaman yang dibuat, para peserta telah melengkapkan bahagian bawah reban dengan peralatan untuk menggunakan sepenuhnya kapasiti ketiga-tiga reban iaitu 60,000 ekor sepusingan bagi pusingan seterusnya bermula Mei 2009. Penggunaan secara optimum kapasiti ladang ini meningkatkan lagi produktiviti ladang dan seterusnya menyumbang kepada bekalan ayam untuk penduduk tempatan.

Pembinaan reban tertutup mempunyai jangka hayat sehingga 15 tahun. Kaedah ini akan dapat memastikan para peserta projek berpeluang menjalankan projek dalam tempoh seoptimum mungkin dan mengasah kemahiran mereka dalam bidang penternakan ayam pedaging. Pihak kementerian tiada halangan untuk meneruskan pelaksanaan projek ayam pedaging ini memandangkan ianya memberi manfaat kepada industri penternakan ayam tempatan.

PARLIMEN MALAYSIA
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **YB DR. MUJAHID BIN HAJI YUSOF RAWA**
[PARIT BUNTAR]

TARIKH : **22 JUN 2009 (ISNIN)**

SOALAN : **YB DR. MUJAHID BIN HAJI YUSOF RAWA**
[PARIT BUNTAR] Minta **MENTERI PERTANIAN**
DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan tentang
pinjaman TEKUN untuk tahun 2009, berapa peruntukan
dan apakah mekanisma agihan kepada yang layak.

Jawapan :

TEKUN Nasional adalah sebuah agensi di bawah Kementerian Pertanian & Industri Asas Tani (MOA) yang bertanggungjawab untuk membantu usahawan Bumiputera yang ingin memula dan meningkatkan perniagaan melalui pembiayaan perniagaan dan khidmat sokongan.

TEKUN Nasional telah disediakan peruntukan berjumlah RM350 juta dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) dan daripada jumlah ini, peruntukan untuk tahun 2009 adalah sebanyak RM2.9 juta. Selain itu, TEKUN Nasional juga mendapat peruntukan tambahan Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua berjumlah RM50.0 juta, menjadikan jumlah keseluruhan peruntukan tahun 2009 berjumlah RM52.9 juta.

Pada tahun 2009, dari Januari hingga Mei, sejumlah 17,539 pembiayaan berjumlah RM191,089,800 telah dikeluarkan kepada usahawan-usahawan di seluruh negara.

Mekanisma atau kaedah permohonan pembiayaan dana adalah seperti berikut :

- i. Tempoh memproses pembiayaan adalah 14 hari berkerja.
- ii. Usahawan akan mengisi borang pembiayaan dan dikemukakan kepada Pejabat TEKUN Kawasan Parlimen berhampiran tempat perniagaan pemohon.
- iii. Permohonan yang lengkap akan dibuat pengesahan oleh Pegawai TEKUN Kawasan dan dikemukakan kepada Jawatankuasa Pembiayaan Peringkat Kawasan atau Ibu Pejabat untuk kelulusan.
- iv. Selepas diluluskan, pembiayaan akan disalur terus ke dalam akaun peminjam di bank-bank yang dilantik atau melalui cek pembiayaan.
- vi. Bayaran balik pembiayaan akan bermula selepas 1 bulan dari tarikh serahan cek atau selepas waktu bernafas.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS]

TARIKH : 22 JUN 2009

RUJUKAN : 1821

SOALAN:

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kenapa pihak polis menangkap pekerja-pekerja yang memasang belon dan kanopi dan juga mereka yang datang untuk pelancaran mogok lapar di Bangunan DAP Perak pada pagi 26 Mei 2009.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Beruas yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, tindakan pihak polis menahan mereka adalah kerana perhimpunan yang diadakan pada hari tersebut dibuat tanpa permit. Sebelum mengambil tindakan menahan mereka, pihak polis telah beberapa kali menasihatkan mereka supaya bersurai, namun tidak diendahkan.

Tuan Yang Dipertua,

Pihak polis mempunyai alasan untuk menyuraikan perhimpunan tersebut yang mana jika tidak disuraikan maka ia boleh menjejaskan ketenteraman awam di kawasan berkenaan seperti berlakunya kekecohan dan menjejaskan kelancaran trafik.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN KHAIRY JAMALUDDIN
[REMBAU]
TARIKH : 22 JUN 2009
RUJUKAN : 1822

SOALAN:

Tuan Khairy Jamaluddin (Rembau) minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan statistik terkini bagi jenayah yang melibatkan remaja bawah umur dan apakah strategi pendekatan dan langkah yang sedang dan akan diambil oleh kerajaan dari aspek pendidikan dan kesedaran umum, penguatkuasaan undang-undang serta pemulihan bagi golongan ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada **Ahli Yang Berhormat Rembau** yang mengemukakan pertanyaan.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, bagi tempoh Januari 2009 hingga April 2009 sebanyak 1,817 kes juvana dilaporkan iaitu 564 kes terlibat dalam jenayah kekerasan dan 1253 kes jenayah harta benda.

Bagi menangani masalah penglibatan remaja dalam jenayah, kerajaan telah dan sedang melaksanakan beberapa pendekatan serta strategi jangka pendek dan jangka panjang. Bagi pendekatan jangka pendek, pihak polis telah mewujudkan pegawai perhubungan sekolah serta mengadakan ceramah-ceramah berkaitan kesedaran tentang jenayah/dadah di sekolah-sekolah. Pihak polis juga dari semasa ke semasa mengadakan pertemuan dengan pihak pengurusan sekolah serta Persatuan Ibubapa dan Guru (PIBG) bagi membanteras isu gangsterisme di sekolah.

Bagi pendekatan jangka panjang, kerajaan telah merangka strategi penglibatan pelajar-pelajar sekolah dengan pasukan sukarelawan beruniform seperti pasukan kadet polis sekolah serta mewujudkan kelab pencegahan jenayah. Penglibatan remaja di dalam persatuan dan pasukan

sukarela beruniform akan memberi pendedahan serta kesedaran kepada remaja menjauhi kegiatan/aktiviti tidak bermoral dan jenayah.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, kerajaan sentiasa prihatin dengan perkembangan anak-anak muda kita dengan memberi pelbagai program pemulihan dan perkembangan diri bagi menjamin kesihatan sosial apabila dewasa kelak. Oleh yang demikian, pihak polis juga melaksanakan penguatkuasaan undang-undang kepada pesalah-pesalah juvenil. Namun begitu, hukuman kepada pesalah lebih kepada program pemulihan. Jika kanak-kanak atau juvana sebagai pesalah disabitkan dengan kesalahan, dia tidak dipenjarakan dan tiada catatan rekod jenayah akan dibuat.

Keberkesanan langkah – langkah yang diambil oleh pihak Polis juga perlu mendapat sokongan dari semua pihak termasuklah ibubapa, pihak sekolah dan juga Kementerian Pendidikan bagi mencapai matlamat mengurangkan penglibatan juvana / pelajar sekolah khususnya dalam kegiatan jenayah.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : DATUK ONG KA CHUAN
(TANJONG MALIM)**
PERTANYAAN : LISAN.
TARIKH : 22.06.2009 . SOALAN NO: 65

Datuk Ong Ka Chuan (Tanjong Malim) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan dalam Pakej Rangsangan Ekonomi (satu dan dua) setakat ini dan sejauh manakah pelaksanaan projek-projek dalam kedua-dua pakej tersebut dapat mengurangkan kesan kemelesetan ekonomi global ke atas ekonomi negara.

dan

S.J.B / (60)

DARIPADA : TUAN LIM LIP ENG (SEGAMBUT)
PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 22.06.2009 . SOALAN NO: 87

Tuan Lim Lip Eng (Segambut) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah kadar peratus ramalan penguncupan (contraction) ekonomi negara pada akhir tahun ini. Mengapa pula masih ada penguncupan sedangkan lebih daripada RM60 bilion Pakej Rangsangan Ekonomi telah diperuntukkan.

dan

SJ.B / (60)

DARIPADA : TUAN SALLEH BIN KALBI (SILAM)
PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 25.06.2009

Tuan Salleh bin Kalib (Silam) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sejauh manakah kebenaran bahawa krisis ekonomi global sekarang, mula menunjukkan tanda-tanda pemulihan dan bagaimanakah reaksi pasaran setakat ini, hasil daripada pakej Rangsangan Ekonomi yang telah diperkenalkan oleh pihak Kerajaan.

dan

SJ.B / (102)

DARIPADA : DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT
(HULU LANGAT)
PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 29.06.2009

Dr. Che Rosli Bin Che Mat (Hulu Langat) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan keberkesanan pengagihan dan pelaksanaan Pakej Rangsangan RM60b dalam membantu memulihkan dan menstabilkan ekonomi negara dan rakyat.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Izinkan saya menjawab soalan ahli **Yang Berhormat Tanjong Malim** bersama-sama dengan soalan ahli-ahli **Yang Berhormat Segambut, Silam dan Hulu Langat** yang dijadualkan dijawab masing-masing pada 22 Jun 2009, 25 Jun dan 29 Jun 2009 kerana menyentuh mengenai perkara dan isu yang sama, iaitu berkaitan Pakej Rangsangan Ekonomi.

2. Seperti yang telah dijelaskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 15 Jun 2009 lalu, Malaysia telah mengalami kemerosotan pertumbuhan ekonomi dengan mencatat Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) benar pada kadar negatif 6.2%, pada suku pertama 2009. Ini merupakan pertumbuhan ekonomi negatif suku tahunan pertama yang dialami sejak suku ketiga tahun 2001. Pertumbuhan negatif ini disebabkan terutamanya oleh kesan kelembapan ketara ekonomi dunia dan perdagangan antarabangsa yang telah menjejaskan permintaan eksport negara sejak separuh kedua 2008.

3. Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) telah pun menyemak semula unjuran kadar pertumbuhan ekonomi dunia 2009 daripada positif 0.5% kepada negatif 1.3% dan perdagangan dunia 2009 daripada positif 2.1% kepada negatif 11%. Negara-negara maju dan membangun juga dijangka mencatat penguncupan ekonomi atau kadar pertumbuhan yang lebih perlahan.

4. Berdasarkan situasi ekonomi semasa, Kerajaan menjangkakan persekitaran ekonomi global bagi tahun 2009 adalah lebih sukar dan mencabar. Perkembangan ini jelas dilihat melalui penunjuk-penunjuk ekonomi domestik yang menggambarkan tren yang menurun, seperti nilai eksport, Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPI) dan perbelanjaan pelaburan. Berikutan dengan ini, Kerajaan telah membuat semakan semula unjuran kadar pertumbuhan KDNK Malaysia bagi tahun 2009 daripada antara negatif 1% hingga positif 1% kepada negatif 4% hingga negatif 5%.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Menyedari situasi ekonomi yang semakin mencabar, Kerajaan terus komited untuk mengurangkan kesan kelembapan ini supaya ekonomi negara kembali cergas dan beransur pulih. Untuk tujuan ini, sebanyak RM7 bilion telah diperuntukkan dalam Pakej Rangsangan Ekonomi Pertama pada 4 November 2008, manakala, Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua telah diumumkan pada 10 Mac 2009, dengan peruntukan RM60 bilion. Pakej kedua ini adalah lebih komprehensif serta meliputi semua sektor ekonomi dan akan dilaksanakan dalam tempoh tahun 2009 dan 2010. Kerajaan akan memastikan pelaksanaan Pakej Rangsangan Ekonomi Pertama dan Kedua serta perbelanjaan bajet tahunan dilaksanakan segera untuk memberi impak positif kepada pertumbuhan ekonomi negara.

6. Sehingga kini, sejumlah RM6.8 bilion daripada RM7 bilion di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Pertama telah disalurkan

kepada Kementerian dan agensi pelaksana. Sehingga 12 Jun 2009, sejumlah 44,736 projek bernilai RM4.2 bilion telah ditawarkan untuk dilaksanakan, dengan 13,365 projek bernilai RM1.5 bilion telah disiapkan. Ini turut melibatkan projek-projek kecil seperti menaik taraf dan membaik pulih jalan luar bandar, jambatan, sekolah dan hospital berjumlah RM500 juta yang dilaksanakan, di mana secara tidak langsung, memberi manfaat kepada rakyat pada keseluruhannya. Bagi Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua pula, sejumlah 8,981 projek bernilai RM4.3 bilion telah ditawarkan. Daripada jumlah ini, sebanyak 545 projek bernilai RM1.3 bilion telah disiapkan.

7. Pakej rangsangan ini merupakan pakej yang komprehensif, yang turut mengambil kira usaha mengurangkan beban rakyat dalam mengharungi kemelesetan ekonomi. Kerajaan telah menambah peruntukan sebanyak RM674 juta sebagai subsidi untuk mengelakkan kenaikan harga barang makanan harian seperti gula, roti dan tepung. Ini telah membantu mengurangkan kadar inflasi kepada 2.4% pada bulan Mei 2009, berbanding 8.5% pada bulan Julai dan Ogos 2008.

8. Inisiatif Kerajaan untuk memulihkan ekonomi telah dapat memberi keyakinan kepada para pelabur, terutama dalam pasaran ekuiti. Ini jelas dilihat apabila Indeks Komposit Kuala Lumpur (KLCI) mencatatkan peningkatan ketara sejak Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua diumumkan. KLCI telah melonjak sehingga 1,070 mata pada 8 Jun 2009 berbanding 855 mata pada 10 Mac 2009. Dengan terlaksananya lebih banyak projek di bawah pakej

rangsangan, dijangka akan memberi kesan positif yang lebih ketara ke atas ekonomi negara dalam separuh kedua tahun 2009.

Tuan Yang di-Pertua,

9. Kerajaan yakin bahawa melalui strategi dan langkah yang telah dirangka dalam kedua-dua pakej rangsangan yang komprehensif dan menyeluruh ini, akan dapat meminimumkan impak kemelesetan ekonomi dunia terhadap ekonomi domestik serta dapat memastikan kesejahteraan rakyat. Kerajaan akan terus memantau pelaksanaan pakej rangsangan ini dengan rapi bagi memastikan ianya dilakukan dengan pantas dan berkesan serta pelaksanaannya memberi pulangan wang yang sepadan (*value-for-money*).

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI AB. HALIM BIN AB. RAHMAN
[PENGKALAN CHEPA]**

TARIKH : 22 JUN 2009

RUJUKAN : 1823

SOALAN:

Dato' Haji Ab. Halim Bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah pencegahan yang berkesan supaya jenayah samun dan pecah rumah yang sangat berleluasa sekarang ini tidak berlarutan dan apakah langkah yang telah dan sedang diambil oleh Kementerian.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Pengkalan Chepa yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak polis sentiasa bertindak proaktif dengan mengambil langkah-langkah pencegahan bagi menangani jenayah samun dan pecah rumah. Antara langkah-langkah yang sedang dan telah dilaksanakan adalah:

- 1) Meninjau dan menghantar lebih ramai anggota ke kawasan-kawasan yang disyaki-kerap berlaku kes jenayah.
- 2) Mempertingkatkan tahap keselamatan dengan mengadakan operasi besar-besaran bagi membanteras kegiatan jenayah.
- 3) Mewujudkan lebih banyak lagi balai / pondok polis baru dengan sewaan bangunan, kedai atau perumahan di kawasan yang mempunyai kekerapan kejadian jenayah.
- 4) Memberi kesedaran tentang kepentingan Rakan Cops dalam menjadi mata dan telinga polis bagi menyelesaikan dan membanteras apa sahaja kes jenayah melalui khidmat Sistem Pesanan Ringkas (SMS).
- 5) Mengadakan perjumpaan dan berdialog dengan masyarakat untuk mengenalpasti dan mendapatkan maklumbalas bagi tujuan pencegahan jenayah.
- 6) Menjalinkan hubungan kerja yang erat menerusi mesyuarat bersama AJK masyarakat, agensi-agensi kerajaan, Badan Bukan Kerajaan (NGO), swasta, PBT, RELA, Rukun Tetangga dan Skim Rondaan Sukarela (SRS).
- 7) Membuat pameran dan memberikan ceramah pendedahan kepada para pelajar sekolah dan universiti berkaitan dengan keburukan melakukan jenayah dan hukuman yang akan dijatuhkan jika sabit bersalah.

- 8) Membuat hebahan melalui temubual dan program-program berkaitan melalui media massa dan elektronik.
- 9) Membuat Hari Bertemu Pelanggan antara pegawai pemerintah PDRM di peringkat kontijen bersama masyarakat setempat bagi merapatkan hubungan silaturahim dan memudahkan tugas risikan oleh PDRM.
- 10) Menggunakan **konsep Blue Ocean Strategy** iaitu konsep kepolisian yang berdasarkan kepada pengumpulan maklumat bagi pencegahan jenayah dan memperlihatkan kehadiran polis seperti rondaan ke kawasan disyaki kerap berlaku jenayah.
- 11) Menyediakan sistem penyampaian yang memberikan keutamaan kepada pelanggan yang mengamalkan konsep satu pasukan dalam menyelesaikan apa jua kes jenayah yang timbul.
- 12) Memberi khidmat nasihat dalam mewujudkan Konsep Bandar Selamat yang memperincikan tahap keperluan keselamatan seperti mengadakan pengawasan CCTV, pembinaan bongol, pembahagi jalan dan melaksanakan pemetaan jenayah menggunakan **Geographical Information System Based (GIS-Based)**.
- 13) Meningkatkan tahap keselamatan di perairan Malaysia dan persisiran pantai bagi menghalang kemasukan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) yang merupakan penyumbang kepada peningkatan kes jenayah ragut dan samun ini.

Kesimpulannya di dalam perkara ini adalah kerjasama semua pihak amat penting dalam mengembleng tenaga membanteras jenayah samun dan pecah rumah ini agar tidak terus berleluasa dan mengancam ketenteraman serta kesejahteraan rakyat.

Tandatangan :

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI

MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR

[LEMBAH PANTAI]

TARIKH : 22 JUN 2009

SOALAN :

Puan Nurul Izzah binti Anwar (Lembah Pantai) minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bagaimana Kerajaan menjaga kepentingan rakyat terbanyak dengan memastikan kualiti perkhidmatan di hospital awam tidak ketinggalan dengan bertambahnya jumlah hospital swasta terutamanya yang dimiliki juga oleh Kerajaan menerusi milikan saham seperti KPJ dan Sime Darby.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan sentiasa memberikan penekanan yang serius dan komited kepada isu kualiti penjagaan perubatan dan kesihatan yang diberikan, baik oleh sektor awam mahupun sektor swasta memandangkan pencapaian status kualiti yang tinggi dapat memberikan kelebihan strategik kepada mana-mana organisasi penjagaan kesihatan. Malah, hospital-hospital Kerajaan sering mendahului sektor-sektor lain di dalam bidang peningkatan kualiti dengan pelaksanaan pelbagai program peningkatan kualiti rawatan dan perkhidmatan yang diberikan walaupun keadaan fasiliti rawatan di sektor awam tidak secanggih hospital swasta yang lebih baru atau selesa (bertaraf *hotel facilities*). Namun, dapat diberikan jaminan bahawa kualiti rawatan yang ditawarkan adalah tetap tinggi serta tidak membebankan rakyat. Malah, negara ini dapat berbangga kerana mempunyai sistem rawatan perubatan sektor awam (*public health care delivery system*) yang dapat menandingi negara-negara maju.

Di sektor awam, isu berkaitan kualiti telah ditangani dengan cara yang sistematik melalui pelancaran program *Quality Assurance* sejak tahun 1985 lagi. Sehingga kini, terdapat lebih daripada 22 jenis aktiviti peningkatan kualiti

yang dikendalikan oleh pelbagai kategori kakitangan Kementerian Kesihatan yang melibatkan kualiti teknikal dan *inter-personal quality*. Semua langkah yang dilaksanakan ini adalah bertujuan untuk mencapai kesudahan yang baik kepada para pesakit serta mencapai kepuasan pesakit khususnya dan pelanggan umumnya.

Antara aktiviti peningkatan kualiti yang dilaksanakan bagi meningkatkan mutu perkhidmatan adalah sebagaimana berikut :

- i. Program Akreditasi Hospital dan *ISO* ;
- ii. *National Indicator Approach(NIA)*;
- iii. *Hospital Specific Approach(HSA)*,
- iv. *Key Performance Indicators (KPI)*
- v. *Hospital Infection Control*
- vi. *Incident Reporting and Learning System*,
- vii. *Peri-operative Mortality Review*,
- viii. *Adult Intensive Care Unit Audit*,
- ix. *Credentialing and Privileging*,
- x. *Hospital Accreditation*,
- xi. *Occupational Safety*,
- xii. *Client Complaints Management*
- xiii. dan lain-lain.

Semua tindakan di atas adalah bertujuan untuk meningkatkan mutu perkhidmatan yang diberikan kepada masyarakat di negara ini. Dengan pemantauan berterusan terhadap aktiviti-aktiviti peningkatan kualiti tersebut, Kementerian dapat mengenal-pasti kekuatan serta kelemahan-kelemahan yang mungkin wujud dalam penyampaian perkhidmatan serta seterusnya melakukan penambahbaikan yang diperlukan.

Selain itu, Kementerian juga menekankan kepada aspek kemanusiaan dengan mengadakan soal selidik *Patient Satisfaction Survey* untuk mengukur tahap kepuasan pelanggan serta memperbaiki kekurangan yang mungkin ada demi mempertingkatkan kualiti perkhidmatan. Dengan adanya pelbagai aktiviti peningkatan kualiti di Kementerian, budaya kualiti dari aspek teknikal serta kemanusiaan (*caring*) ini akan dapat dipupuk di kalangan semua kakitangan Kementerian supaya tahap kualiti perkhidmatan yang diberikan adalah tinggi dan boleh dibanggakan.

Adalah amat membanggakan kerana Malaysia merupakan antara beberapa negara di dunia yang mempunyai Program Kepastian Kualiti di peringkat nasional terutamanya di hospital-hospital Kerajaan berbanding dengan banyak negara-negara maju yang hanya mempunyai program kepastian kualiti di peringkat negeri, daerah atau hospital sahaja.

Untuk menentukan bahawa sesebuah hospital telah mencapai piawaian antarabangsa, hospital-hospital di bawah Kementerian Kesihatan diwajibkan untuk melaksanakan *Hospital Accreditation Survey* bagi mencapai piawaian yang telah ditetapkan oleh *Malaysian Society for Quality in Health (MSQH)*, iaitu sebuah badan pengiktirafan berkecuali di Malaysia (yang diiktiraf sebagai bertaraf antarabangsa oleh *International Society for Quality in Health (ISQua)*). Dengan memperolehi pencapaian Akreditasi, sesebuah hospital dianggap telah mencapai tahap kualiti yang konsisten dalam memberikan perkhidmatan kepada masyarakat. Setakat ini, program ini tidak diwajibkan kepada semua hospital di Malaysia tetapi pihak Kementerian telah memberikan komitmen untuk mencapai status Akreditasi bagi semua hospital di bawah Kementerian. Matlamat Kementerian adalah supaya semua hospital di bawahnya mencapai pensijilan kualiti tersebut menjelang tahun 2015. Sehingga bulan Mei 2009, sejumlah 62 buah hospital Kerajaan telah mencapai pensijilan Akreditasi berbanding dengan hanya 17 buah hospital swasta.

Di samping itu juga, *Infection Control* telah dapat membantu mengurangkan tahap jangkitan kuman kepada pesakit di hospital-hospital Kerajaan. Malaysia juga merupakan antara negara yang terawal memberikan sokongan padu kepada pihak *WHO* dalam usaha mencapai *World Alliance For Patient Safety* yang dilancarkan pada lewat tahun 2005.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB PUAN CHONG ENG
(BUKIT MERTAJAM)**

TARIKH : 22 JUN 2009 (ISNIN)

Puan Chong Eng (Bukit Mertajam) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan status pelaksanaan 30 peratus pembuat keputusan wanita dalam pentadbiran Kerajaan. Sila nyatakan statistik penglibatan wanita di setiap peringkat dan tempoh sasaran untuk mencapai angka 30 peratus.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan telah mengumumkan Dasar Sekurang-kurangnya 30 Peratus Penyertaan Wanita di Peringkat Pembuat Keputusan di Sektor Awam pada 24 Ogos 2004. Sejak pelaksanaan Dasar ini, kemajuan dan perkembangan yang memberangsangkan telah dapat dilihat khususnya dalam jangka masa Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

Bilangan wanita yang menyandang jawatan utama sektor awam (JUSA) meningkat daripada 18.8 peratus pada tahun 2004 kepada 22.8 peratus pada tahun 2008. Bilangan wanita yang memegang jawatan peringkat pengurusan tertinggi di badan berkanun turut menunjukkan perkembangan yang baik di mana peratusan wanita terus meningkat daripada 17.8 peratus pada tahun 2004 kepada 21.3 peratus pada tahun 2008.

Jawatan Naib Canselor yang dahulunya didominasi oleh golongan lelaki kini telah disandang oleh wanita di mana dua orang wanita telah dilantik sebagai Naib Canselor universiti awam iaitu Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Pendidikan Sultan Idris. Pelantikan mereka ini merupakan peningkatan daripada peratus sifar pada tahun 2004 kepada 10.0 peratus pada tahun 2008.

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah menetapkan bahawa sasaran 30 peratus wanita di peringkat pembuat keputusan di sektor awam dapat dicapai pada penghujung tahun 2012. Penetapan ini dibuat berdasarkan kepada bilangan pegawai wanita yang berada di peringkat pengurusan pertengahan (Gred 48 hingga 54) pada tahun 2008 telah mencapai 41.8 peratus. Pegawai-pegawai ini dijangka dapat dinaikkan ke peringkat JUSA dalam masa terdekat.

Soalan No: 91

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEDUA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. TAN SRI DATO' ABD.
KHALID BIN IBRAHIM
(BANDAR TUN RAZAK)**

TARIKH : 22.06.09

SOALAN :

Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah menyatakan apakah usaha-usaha yang telah dan sedang dilakukan oleh Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA) agar hak-hak Orang Asli diiktiraf sepenuhnya secara efektif.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Adalah menjadi tanggungjawab Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) melalui Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA) untuk memperjuangkan serta menjaga kebajikan masyarakat Orang Asli dengan melindungi hak-hak mereka melalui usaha-usaha berikut:-

- a) Membuat semakan semula Akta 134 (Akta Orang Asli 1954) bagi memastikan hak dan keistimewaan Orang Asli dilindungi dengan sewajarnya.**

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian menerusi JHEOA telah mengambil tindakan memperhalusi Akta 134, Akta Orang Asli 1954

untuk di buat penambahbaikan dan cadangan pindaan serta penambahan seksyen agar ianya dapat disesuaikan dengan situasi semasa. Kementerian akan memastikan pindaan kepada Akta ini akan dapat memelihara kepentingan dan kebajikan Orang Asli.

b) Berusaha menyelesaikan masalah tanah Orang Asli melalui satu dasar khas hak milik tanah dengan persetujuan Kerajaan Negeri

Kertas Cadangan Dasar Pemberimilikan dan Pembangunan Tanah kepada masyarakat Orang Asli telah dibentangkan kepada Jemaah Menteri pada 7 November 2008 dan kerajaan pada dasarnya bersetuju dengan cadangan tersebut di mana telah menetapkan:-

- i. Pemilikan tanah berkeluasan 2 hingga 6 ekar untuk tanah ladang.
- ii. Pemilikan tanah 5,000 kaki persegi hingga $\frac{1}{4}$ ekar untuk rumah.
- iii. Pemberi milikan hanya diberikan kepada Ketua Isi Rumah (KIR) Orang Asli sahaja.

Seterusnya kertas ini akan dibentangkan ke dalam Mesyuarat Majlis Tanah Negara (MTN) untuk kelulusan sebelum dasar ini dapat dilaksanakan.

Selain daripada itu, Majlis Penasihat Kebangsaan Pembangunan Masyarakat Orang Asli (MPKPMOA) telah mula ditubuhkan sejak 11 Julai 2001 yang berfungsi sebagai '*think tank*' bagi memberi pandangan dan nasihat mengenai arah tuju pembangunan Orang Asli dan cara-cara mengatasi masalah yang dihadapi oleh mereka. Majlis ini diwakili oleh wakil-wakil Orang Asli, Pertubuhan Bukan

Kerajaan (NGO), pemimpin-pemimpin politik serta wakil-wakil Jabatan/Agensi Kerajaan yang berkaitan dengan pembangunan Orang Asli. Majlis ini dipengerusikan oleh Y.B. Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dan kekerapan mesyuarat MPKPMOA diadakan sebanyak 2 kali setahun.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. DATO' ABDUL MANAN BIN ISMAIL
TARIKH : 22 JUN 2009 (ISNIN)

SOALAN:

YB. DATO' ABDUL MANAN BIN ISMAIL [PAYA BESAR] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh mana pegangan ekuiti Bumiputera yang selama ini hanya pada nisbah 18 peratus dapat ditingkatkan, sejauh mana dasar liberalisasi Kerajaan pada masa ini berjaya meningkatkan kebolehan kaum Bumiputera bagi melonjakkan nisbah ekuiti di masa akan datang.

CADANGAN JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sememangnya sedar tentang cabaran yang perlu dihadapi akibat dari liberalisasi yang dijalankan. Namun, langkah-langkah bagi meliberalisasikan sektor-sektor ekonomi perlu dilaksanakan bagi membolehkan Malaysia bersaing untuk menarik pelaburan asing di samping meningkatkan pelaburan domestik.

Kerajaan mempunyai iltizam dan keprihatinan yang tinggi untuk memastikan manfaat pertumbuhan ekonomi hasil dari liberalisasi dapat dinikmati dan dikongsi secara saksama oleh rakyat Malaysia. Oleh yang demikian, usaha memperbaiki ketidakseimbangan ekonomi di kalangan pelbagai etnik dalam negara ini melibatkan pelaksanaan beberapa langkah yang bertujuan meningkatkan lagi tahap pencapaian sosioekonomi Bumiputera supaya setanding dengan pencapaian bukan Bumiputera.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemilikan ekuiti Bumiputera telah menunjukkan peningkatan yang berterusan walaupun pada kadar yang agak perlahan. Bumiputera memiliki 18.9 peratus ekuiti sektor korporat pada tahun 2004 dan 19.4 peratus pada tahun 2006. Pemilikan premis komersial oleh Bumiputera turut meningkat daripada 11.7 peratus pada tahun 2005 kepada 15.0 peratus pada tahun 2007. Penglibatan Bumiputera dalam bidang profesional pula meningkat daripada 38.8 peratus pada tahun 2005 kepada 40.8 peratus pada tahun 2007.

Tuan Yang di-Pertua,

Usaha-usaha bagi meningkatkan pemilikan ekuiti korporat Bumiputera akan terus dilaksanakan. Usaha tersebut meliputi peningkatan penguasaan Bumiputera dalam syarikat swasta, penggalakkan syarikat Bumiputera untuk melabur dalam sektor pertumbuhan baru yang mempunyai nilai ditambah lebih tinggi, di samping pelaksanaan program-program latihan keusahawanan dan penyediaan kemudahan tabung-tabung pinjaman. Peranan institusi Bumiputera seperti Permodalan Nasional Berhad (PNB) dan Tabung Haji

akan terus diperkukuh bagi menggembleng pelaburan individu Bumiputera sebagai salah satu langkah untuk meningkatkan pemilikan ekuiti Bumiputera melalui unit saham amanah, selain memperolehi sumber kewangan yang lebih teguh bagi melaksanakan projek yang lebih besar dan mempelbagaikan pelaburan. Pemilikan Bumiputera dalam hartanah kediaman dan komersial juga dipertingkat melalui agensi seperti Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA), Yayasan Amanah Hartanah Bumiputera dan Majlis Amanah Rakyat (MARA).

Adalah masih terlalu awal untuk menyatakan sejauh mana kejayaan usaha liberalisasi Kerajaan dapat meningkatkan kebolehan dan kapasiti Bumiputera melonjakkan nisbah ekuiti. Namun, apa yang pasti adalah proses liberalisasi akan membolehkan Malaysia bersaing untuk menarik pelaburan asing dan domestik dan seterusnya merangsang lagi pertumbuhan ekonomi negara. Selaras dengan prinsip 'pertumbuhan dengan pengagihan', pertumbuhan ekonomi yang meningkat ini akan membolehkan Kerajaan melaksanakan dasar dan program pengagihan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA : YB TUAN HAJI AB AZIZ BIN AB KADIR

TARIKH : 22 JUN 2009

SOALAN :

YB Tuan Haji Ab Aziz bin Ab Kadir [Ketereh] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah kriteria yang diambil kira dalam pengambilan anggota baru SPRM bagi memastikan anggota yang direkrut adalah individu yang mempunyai latar pengalaman dan perkhidmatan yang luas dan terbaik dalam bidang ikhtisas, serta mempunyai jiwa yang berintegriti dalam memerangi rasuah.

JAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat, melalui skim perjawatan baru Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, tahap kelulusan minima bagi pelantikan pegawai baru ialah diploma dari mana-mana institusi pengajian tinggi yang diiktiraf oleh Kerajaan. Disamping itu juga SPRM dalam peringkat perbincangan akhir dengan Jabatan Perkhidmatan Awam bagi membolehkan pelantikan melalui Skim Bersepadu untuk pelantikan individu yang berpengalaman dan perkhidmatan yang luas dan terbaik dalam bidang ikhtisas.

Antara kriteria yang diambil kira adalah sihat tubuh badan, tidak mempunyai sebarang rekod buruk dan dalam usaha untuk memupuk pegawai yang berintegriti dalam memerangi rasuah, pegawai baru akan dikehendaki menjalani kursus asas yang turut menekankan aspek kerohanian dan integriti disamping modul-modul yang berkaitan dengan bidang tugas SPRM.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Tuan Kok Wai [Cheras]

TARIKH: 15 JUN 2009

SOALAN:

Tuan Kok Wai [Cheras] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah usaha Kerajaan untuk memperluaskan skop yang lebih komprehensif perkhidmatan Pusat Bantuan Guaman yang dikendalikan oleh Majlis Peguam untuk Orang Kena Tuduh (OKT) yang mana sebanyak 70-80 peratus OKT dinafikan bantuan guaman sedangkan Biro Bantuan Guaman Kerajaan pula hanya menguruskan kes sivil sahaja.

JAWAPAN : YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan sentiasa memberi sokongan dan kerjasama kepada apa-apa usaha pihak Majlis Peguam untuk memperluas dan mempertingkatkan skop perkhidmatan bantuan guaman kepada golongan yang tidak berkemampuan.

Dalam perkara ini, terdapat cadangan daripada pihak Majlis Peguam untuk menubuhkan sebuah Yayasan Bantuan Guaman Negara yang masih dalam pertimbangan Kerajaan. Dalam pada itu, Kerajaan perlu memaklumkan bahawa telah sedia wujud Biro Bantuan Guaman (BBG) iaitu, suatu Jabatan Kerajaan yang hampir empat dekad berperanan memberi nasihat dan bantuan guaman kepada golongan yang memerlukan bantuan guaman termasuklah Orang Kena Tuduh (OKT).

Adalah tidak benar bahawa BBG hanya mengendalikan kes-kes sivil sahaja. Berdasarkan peruntukan Jadual 2 Akta Bantuan Guaman 1971 (Akta 26), bidang kuasa jenayah BBG adalah meliputi pengendalian prosiding kes jenayah di mahkamah jenayah oleh pesalah kanak-kanak di bawah Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611) dan pengendalian prosiding jenayah di bawah Akta Kesalahan–Kesalahan Kecil 1955 (Akta 336) serta pengendalian segala prosiding jenayah di mana tertuduh yang tidak

diwakili oleh peguam mengaku salah dan ingin membuat rayuan untuk pengurangan hukuman.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bidang kuasa sivil BBG pula dinyatakan dalam Jadual 3 Akta 26 yang merangkumi pengendalian kes-kes kekeluargaan sivil dan syariah serta sivil pelbagai, yang meliputi kes kemalangan, sewaan, pentadbiran harta pusaka, sewa beli, pemberi pinjam wang, pampasan pekerja, berkaitan penanaman padi serta tuntutan pengguna.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN DING KUONG HING [SARIKEI]

TARIKH : 22 JUN 2009

SOALAN:

Tuan Ding Kuong Hing [Sarikei] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah pelajar menerima tajaan biasiswa Jabatan Perkhidmatan Awam ke luar negeri dan nyatakan jumlah biasiswa yang diterima oleh pelajar setahun di seluruh negeri Sarawak mengikut kaum dari tahun 2004 hingga 2009.

JAWAPAN : YB. DATO' SERI MOHAMED NAZRI AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah pelajar yang ditawarkan Biasiswa tajaan Jabatan Perkhidmatan Awam ke luar negara mulai tahun 2004 sehingga 2009 seperti berikut:

Tahun	Jumlah pelajar
2004	1,484
2005	1,300
2006	1,500
2007	1,800
2008	2,000
2009	2,100

Jumlah pelajar Sarawak mengikut kaum yang ditawarkan Biasiswa JPA di luar negara dari tahun 2004 hingga 2009 adalah seperti berikut:

Jumlah Pelajar Sarawak Yang Ditawarkan Biasiswa JPA Di Luar Negara Dari Tahun 2004 Hingga 2009			
Tahun	Bilangan Pelajar Sarawak		Jumlah Keseluruhan
	Bumiputera	Bukan Bumiputera	
2004	20	36	56
2005	30	54	84
2006	36	86	122
2007	53	171	224
2008	68	121	189
2009	107	143	250

Sekian. Terima kasih.

Jawapan oleh YB Senator Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB Datuk Halimah binti Mohd Sadique
[Tenggara]**

TARIKH : 22 JUN 2009 (ISNIN)

**SOALAN : YB Datuk Halimah binti Mohd Sadique
[Tenggara] minta PERDANA MENTERI
menyatakan berikutan pada tahun
2008 sebanyak 4059 aduan telah di terima dan
3847 aduan telah diselesaikan oleh Biro
Pengaduan Awam justeru apakah maksud "Kes
Diselesaikan" oleh BPA terhadap
segala aduan yang dikemukakan oleh rakyat.**

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Pada tahun 2008, Biro Pengaduan Awam (BPA) menerima sebanyak 4059 kes aduan sebenar dan 4007 kes perkara am. Daripada jumlah 8066 kes tersebut, sebanyak 3847 kes aduan sebenar dan 3461 kes perkara am telah diselesaikan. Apa yang dimaksudkan sebagai "Kes Diselesaikan" ialah:

- (a) pengadu berpuas hati dengan penjelasan yang diberikan atau tindakan yang diambil oleh agensi yang diadu;

- (b) siasatan yang dijalankan oleh BPA menunjukkan bahawa agensi yang diadu telah menjalankan tugas dan tanggungjawab secara adil, teratur dan mengikut undang-undang atau peraturan-peraturan semasa;
- (c) siasatan yang dikendalikan oleh BPA menunjukkan bahawa aduan yang dikemukakan adalah tidak berasas, seperti pengadu tidak memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan atau pengadu telah memberi maklumat palsu; dan
- (d) aduan yang dikemukakan adalah di luar bidang kuasa BPA, seperti kes dalam perbicaraan mahkamah, kes dalam siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), kes di bawah Jawatankuasa Kira-Kira Awam, dan kes antara pihak swasta yang tidak ada kaitan dengan agensi kerajaan.

NO. SOALAN :

97

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN ER TECK HWA
[BAKRI]**

TARIKH : 22 JUN 2009

**SOALAN : TUAN ER TECK HWA
[BAKRI]**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengenai projek yang dilaksanakan di kawasan Bakri di bawah peruntukan khas Y.A.B. Perdana Menteri sebanyak RM500,000 untuk setiap kawasan Parlimen:-

- (a) senaraikan projek, kos projek dan syarikat yang melaksanakan projek dari 2000 hingga 2009; dan
- (b) jelaskan peraturan yang harus dipatuhi untuk permohonan secara terperinci.

JAWAPAN : Y.B. TAN SRI NOR MOHAMED BIN YAKCOP

Tuan Yang Dipertua,

- (a) Bagi tempoh bermula tahun 2004 hingga 2009 yang lalu, sebanyak 848 projek bernilai RM4.9 juta telah dibelanjakan bagi faedah rakyat di bawah

Peruntukan Khas Y.A.B. Perdana Menteri bagi kawasan Parlimen Bakri. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM0.88 juta dibelanjakan bagi tujuan penyediaan kemudahan infrastruktur, RM3.7 juta dibelanjakan bagi tujuan pembinaan ameniti sosial, RM15,000.00 dibelanjakan bagi tujuan projek keagamaan dan RM0.24 juta dibelanjakan bagi sebagai sumbangan kepada NGO dan persatuan yang memerlukan. Kategori, bilangan projek dan kos projek bagi tahun 2004 hingga 2008 adalah seperti berikut (sehingga kini, tiada perbelanjaan untuk tahun 2009):

KATEGORI	2004		2005		2006		2007		2008	
	BIL PROJEK	KOS PROJEK (RM)	BIL PROJEK	KOS PROJEK (RM)	BIL PROJEK	KOS PROJEK (RM)	BIL PROJEK	KOS PROJEK (RM)	BIL PROJEK	KOS PROJEK (RM)
Infrastruktur	12	80,000	3	20,000	12	707,950	9	68,500	1	1,500
Ameniti Sosial	72	427,000	109	515,000	275	1,292,050	182	931,500	104	548,500
Keagamaan	0	0	4	15,000	0	0	0	0	0	0
Bantuan/Sumbangan	10	93,000	0	0	0	0	0	0	2	150,000
JUMLAH	94	600,000	116	550,000	340	2,000,000	191	1,000,000	107	700,000

(b) Permohonan penggunaan peruntukan ini hendaklah dikemukakan kepada Pegawai Kemajuan Negeri di Pejabat Pembangunan Negeri (JPP/PPN) masing-masing. Pegawai Kemajuan Negeri akan menimbang sama ada permohonan projek di bawah peruntukan ini yang dikemukakan oleh Y.B. Ahli Parlimen atau pihak-pihak lain untuk faedah rakyat dilaksanakan mengikut peraturan kewangan yang telah ditetapkan oleh Arahan Perbendaharaan dan surat-surat Arahan Perbendaharaan yang berkaitan.

Walau bagaimanapun, segala keputusan berhubung permohonan projek bagi peruntukan kawasan Parlimen ini adalah tertakluk kepada kelulusan oleh Pegawai Kemajuan Negeri yang akan mempertimbangkannya mengikut keutamaan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN
DARIPADA : TUAN TONY PUA KIAM WEE
[PETALING JAYA UTARA]
TARIKH : 22 JUN 2009 (ISNIN)
SOALAN : 98

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara] minta MENTERI
PENGANGKUTAN menyatakan:**

- (a) kedudukan pembinaan sebuah lapangan terbang kos rendah yang baru di KLIA; dan
- (b) adakah ia akan disiapkan pada tahun 2011 seperti yang diumumkan, dan berapakah kos pembinaan, kapasiti dan kelengkapan yang akan disediakan.

JAWAPAN :

Tuan Yang DiPertua,

Pembinaan Terminal Tambang Murah (*Low Cost Carrier Terminal-LCCT*) yang baru di KLIA telah diumumkan oleh Kerajaan di bawah Pakej Rangsangan Kedua (Mini Bajet) pada 10 Mac 2009 dengan anggaran kos sebanyak RM2 billion. Ia akan dibina di satu kawasan berhampiran dengan bangunan terminal utama KLIA sedia ada. Kerja-kerja awalan seperti *soil investigation* telah bermula pada Mei 2009 dan projek ini dijangka siap pada suku ketiga 2011. LCCT baru ini direka untuk mengendalikan 30 juta penumpang setahun. Skop kerja projek ini adalah seperti berikut:

- (i) Terminal Tambang Murah baru dengan anggaran keluasan 150,000 meter persegi ;
- (ii) Landasan ketiga (*Runway 3*) sepanjang 3,800m bagi pengendalian pesawat jenis B747;
- (iii) *Connecting* dan *parallel taxiway*;
- (iv) Menara kawalan di kawasan parkir pesawat (*apron control tower*);
- (v) Kawasan pemakiran untuk 70-80 pesawat; dan
- (vi) Tapak meletak kenderaan untuk 6,000 kenderaan.

KEMENTERIAN PENGANGKUTAN JUN 2009

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : IR. HAJI HAMIM BIN SAMURI [LEDANG]

TARIKH : 22 JUN 2009

SOALAN :

**Ir. Haji Hamim Bin Samuri [Ledang] minta MENTERI SUMBER
ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan :-**

- (a) dari tahun 2003 hingga 2008 berapakah jumlah pemaju yang telah dikenakan tindakan mahkamah atas kesalahan tidak mematuhi pelaksanaan penilaian impak alam sekeliling (EIA); dan
- (b) adakah Kerajaan bercadang untuk mengkaji semula pelaksanaan EIA di negara ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan kepada rekod Jabatan Alam Sekitar (JAS), sejumlah 76 kes mahkamah telah didaftarkan di atas kesalahan tidak mematuhi pelaksanaan penilaian impak alam sekeliling (EIA) dari tahun 2003 hingga 2008. Dari jumlah ini, sebanyak 44 kes telah disabit kesalahan dengan denda sebanyak RM 935,000.

Dari segi pelaksanaan EIA di negara ini, Kerajaan dari semasa ke semasa melaksanakan beberapa langkah penambahbaikan dan untuk mempertingkatkan sistem penyampaian dan memastikan keberkesanan prosedur EIA bagi menyokong pembangunan negara. Di antara langkah-langkah yang telah diambil di dalam memastikan laporan EIA yang dikemukakan kepada JAS adalah berkualiti dan merangkumi kajian isu-isu kritikal sesuatu projek pembangunan, Skim Pendaftaran Jururunding EIA yang baru telah diperkenalkan berkuatkuasa 1 Oktober 2007. JAS hanya menerima dan menilai laporan EIA yang disediakan oleh Jururunding EIA yang kompeten dan berkelayakan sahaja.

Di samping itu juga, langkah-langkah jangka masa panjang yang sedang diusahakan oleh JAS untuk mempertingkatkan lagi keberkesanan prosedur EIA termasuk penguatkuasaan projek-projek EIA adalah:

- . pindaan kepada Seksyen 34A, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 mengenai keperluan EIA;
- i. mengkaji semula Perintah EIA mengenai projek-projek dan aktiviti yang memerlukan kelulusan EIA; dan
- i. menggubal Peraturan EIA untuk meningkat keberkesanan penguatkuasaan EIA.

ekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : DATO' SERI ONG KA TING
TARIKH : 22 JUN 2009 (ISNIN)
SOALAN : NO.100

Dato' Seri Ong Ka Ting [Kulai] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang pembiayaan yang disediakan dalam pakej rangsangan ekonomi kedua sebanyak RM10,000 dan RM20,000 kepada pelajar yang layak di peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah dibuka kepada universiti swasta tempatan seperti UTAR.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua bantuan kewangan disediakan kepada pelajar dengan membiayai yuran pengajian di peringkat ijazah Sarjana sebanyak RM10,000 dan peringkat Doktor Falsafah sebanyak RM20,000.

Pada awal pelaksanaan, pembiayaan hanya disediakan kepada semua IPTA dan 3 IPTS terpilih sahaja. Walau bagaimanapun, mulai Jun 2009, Kerajaan bersetuju program pembiayaan ini diperluaskan kepada 24 IPTS terpilih termasuk Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) yang memenuhi kriteria yang ditetapkan seperti mendapat

pengiktirafan MQA, bertaraf universiti, kolej universiti dan kolej serta mempunyai kapasiti, kemudahan dan kelayakan tenaga pengajar untuk melaksanakan program pengajian pasca-ijazah.

Selain itu, Kerajaan juga bersetuju untuk melonggarkan syarat kelayakan umur kepada tidak melebihi 45 tahun pada tarikh permohonan berbanding 35 tahun bagi peringkat Sarjana dan 43 tahun bagi peringkat Doktor Falsafah sebelum ini. Kerajaan juga bersetuju meminda syarat kelayakan Ijazah Pertama untuk pengajian sarjana kepada sekurang-kurangnya CGPA 2.50 atau setaraf berbanding CGPA 2.75 sebelum ini.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN

TARIKH : 22 JUN 2009

SOALAN

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah LPKP menangani masalah perkhidmatan teksi terutamanya dari segi mengenakan bayaran yang melebihi ke atas penumpang-penumpang dan alasan mengapa LPKP gagal dalam melaksanakan tugasnya

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, LPKP sentiasa mengambil langkah secara berterusan dalam menangani masalah perkhidmatan teksi yang mengenakan bayaran lebih melalui:

- i. **Operasi harian dan berkala** di kawasan zon teksi dengan mengambil tindakan terhadap teksi yang terlibat; dan
- ii. **Operasi penyamaran** bersama JPJ dengan menaiki teksi bagi memastikan pemandu menggunakan meter.

Bagi tempoh **Januari hingga Mei 2009**, sebanyak **67** tangkapan teksi enggan menggunakan meter dan mengenakan tambang lebih telah diambil tindakan. Daripada jumlah itu, **6 lesen telah DIBATALKAN, 60 DIGANTUNG dan 1 lesen diberikan AMARAN.**

LPKP turut melaksanakan pendekatan lain bagi membendung pemandu teksi enggan menggunakan meter dan mengenakan tambang lebih dengan memperkenalkan sistem kupon teksi. Sehingga kini terdapat **9 syarikat pengusaha kupon teksi** yang telah dilantik oleh LPKP dan telah **beroperasi di 15 lokasi sekitar Lembah Kelang.**

Selain itu, sebarang maklumat dan aduan berkaitan kesalahan enggan menggunakan meter dan mengenakan tambang lebih boleh disampaikan kepada LPKP melalui email aduan@lpkp.gov.my

dengan memberikan maklumat terperinci mengenai **tarikh, masa, tempat dan nombor kenderaan** terlibat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kes pemandu teksi mengenakan bayaran yang melebihi ke atas penumpang-penumpang juga dipengaruhi oleh sebab-sebab berikut:

- i. **Sikap pemandu** yang berasa mereka mempunyai pilihan untuk mengaut keuntungan dalam jangka masa pendek tanpa memikirkan kesan jangka masa panjang di mana kemungkinan pemilik lesen dikenakan tindakan **GANTUNG** atau **BATAL** lesen;
- ii. **Sikap penumpang yang** bertanyakan pemandu tentang harga tambang dan destinasi sedangkan mereka sepatutnya hanya perlu terus masuk ke dalam teksi dan meminta pemandu membawa ke destinasi yang diinginkan; dan
- iii. Kes pemandu teksi enggan menggunakan meter ini merupakan kesalahan yang dilakukan oleh pemandu di mana **LPKP hanya boleh mengambil tindakan ke atas pelesen.**

Adalah disyorkan agar JPJ dapat mengambil tindakan ke atas lesen PSV pemandu-pemandu teksi yang melakukan kesalahan.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : **BAGI JAWAB LISAN**

DARIPADA : **DATO' SHAHRIR BIN AB. SAMAD**
[JOHOR BAHRU]

TARIKH : **22 JUN 2009 (ISNIN)**

SOALAN : **102**

Dato' Shahrir Bin Ab. Samad [Johor Bahru] minta **Menteri Pengangkutan** menyatakan sama ada beliau sedar bahawa perkhidmatan rel di antara Johor Bahru dan Singapura telah mendapat sambutan yang meningkat dan oleh itu, adakah Kerajaan bercadang untuk membina rel berkembar (*double tracking*) dari Kulai ke Johor Bahru untuk membolehkan Keretapi Tanah Melayu meningkatkan lagi perkhidmatan komuternya bagi Bandaraya Johor Bahru.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan sedia maklum mengenai peningkatan sambutan pengguna perkhidmatan tren bagi laluan Johor Bahru dan Singapura. Pada tahun 2004, jumlah penumpang bagi tren *shuttle* Johor Bahru-Singapura ialah 44,182 berbanding

dengan 46,133 pada tahun 2008. Berdasarkan statistik tersebut, adalah didapati bahawa kadar peningkatan hanyalah 4.4 peratus dalam tempoh 4 tahun.

Kerajaan sedang meneliti cadangan untuk membina landasan berkembar elektrik dari Gemas ke Johor Bahru yang mana ia akan meliputi sektor Kulai ke Johor Bahru.

KEMENTERIAN PENGANGKUTAN JUN 2009

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN KARPAL SINGH
(BUKIT GELUGOR)
TARIKH : 22.06.2009

SOALAN:

Y.B. TUAN KARPAL SINGH [BUKIT GELUGOR] minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kerajaan bersedia untuk memberikan tahap saksama kepada Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia untuk mengatasi kemerosotan tahap Bahasa Inggeris di negara ini yang akan mengakibatkan Malaysia ketinggalan dalam pembangunan antarabangsa melalui globalisasi.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Bahasa Malaysia masih kekal sebagai landasan yang kukuh dalam kedudukannya sebagai Bahasa Kebangsaan seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan (1957) dan Akta Bahasa Kebangsaan (1967). Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Bahasa Malaysia juga masih menjadi bahasa pengantar utama dalam sistem pendidikan kebangsaan. Perkara ini jelas dalam kurikulum Bahasa Malaysia yang matlamatnya ialah melengkapkan murid dengan ketrampilan berbahasa dan berkomunikasi untuk memenuhi keperluan diri dalam bidang pendidikan, pekerjaan dan urusan harian.

Kedudukan bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar utama dan mata pelajaran wajib di semua institusi pendidikan termasuk institusi pendidikan tinggi

swasta juga telah dinyatakan secara khusus dalam Akta Pendidikan 1996 [Akta 550] dan Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 [Akta 555].

KPM sentiasa berusaha untuk meningkatkan tahap penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan murid. Untuk makluman, penyemakan semula kandungan sukatan pelajaran selaras dengan hasrat KPM untuk mengemas kini kurikulum sukatan persekolahan telah pun dilaksanakan. Pendekatan yang digunakan adalah relevan dengan kehendak semasa dan masa akan datang dalam memenuhi keperluan pembangunan sumber manusia negara. Pada masa kini, pengajaran bahasa Inggeris di setiap sekolah adalah mengikut kurikulum yang diselaraskan oleh Bahagian Perkembangan Kurikulum. Di samping itu, buku teks yang dibekalkan dan digunapakai oleh murid-murid di seluruh negara juga adalah sama. Selain daripada itu, bagi memastikan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran, bilangan waktu mengajar yang diperuntukkan bagi mata pelajaran ini juga adalah sama bagi semua sekolah.

KPM juga sentiasa memastikan mutu pengajaran dan pembelajaran (P&P) bahasa Inggeris adalah relevan supaya murid tidak menghadapi masalah untuk menimba ilmu sehingga ke peringkat tinggi. Bagi mencapai hasrat tersebut, KPM telah dan sedang melaksanakan pelbagai program dan aktiviti bahasa Inggeris di setiap peringkat persekolahan agar murid dapat menguasai bahasa Inggeris dan dapat bersaing di peringkat antarabangsa.

Usaha meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris ini bukan sahaja dibawah tanggungjawab sekolah, tetapi juga sokongan dan dorongan semua pihak termasuk ibu bapa dan masyarakat setempat. Peranan pemimpin masyarakat juga penting dalam memberi kesedaran kepada ibu bapa untuk menyediakan bahan-bahan bacaan dalam bahasa Inggeris sama ada di rumah atau di perpustakaan-perpustakaan desa.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. DATO' HAJI ISMAIL BIN HAJI MOHAMED SAID

TARIKH: 22 JUN 2009

SOALAN:

Y.B. DATO' HAJI ISMAIL BIN HAJI MOHAMED SAID [Kuala Krau] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan bilangan pelatih di bawah Kementerian Sumber Manusia yang sedang mengikuti program latihan industri serta bidangnya bagi mengatasi masalah pengangguran akibat krisis ekonomi.

PR-022-L19685

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan menyedari bahawa kelembapan ekonomi dunia telah memberi kesan terhadap warga pekerja negara ini dimana bagi tempoh 1 Oktober 2008 sehingga 19 Jun 2009, seramai 37,552 pekerja telah diberhentikan kerja.

Sehubungan itu, kerajaan melalui Kementerian Sumber Manusia telah memperkenalkan program '*Train and Place*' yang bertujuan membantu pekerja yang diberhentikan, graduan menganggur dan belia mendapatkan pekerjaan setelah mereka menjalani program tersebut dengan jayanya.

Sehingga 16 Jun 2009, sebanyak 161 penyedia latihan telah diluluskan untuk memberi latihan kepada 22,722 calon pelatih bagi kategori pekerja yang diberhentikan, graduan menganggur serta belia. Buat masa kini, seramai 3,607 (16 Jun 2009) pelatih yang sedang mengikuti pelbagai latihan kemahiran.

Di antara bidang latihan yang ditawarkan adalah seperti berikut:

- Hospitaliti dan Perhotelan
- Peruncitan dan Keusahawanan
- Pelancongan
- Perladangan
- Pembuatan
- ICT
- Kecantikan dan Kosmetologi
- Perkhidmatan

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : TUAN ZULKIFLI BIN NOORDIN
TARIKH : 22 JUN 2009 (ISNIN)
SOALAN : NO.105

**Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] minta MENTERI
PENGAJIAN TINGGI menyatakan :-**

- (a) apakah rasional wang PTPTN disalurkan terus kepada IPT dan dalam bentuk "pendahuluan" (advance); dan
- (b) mengapa wang tersebut tidak disalurkan terus kepada pelajar-pelajar terbabit secara berperingkat sebagaimana yang diamalkan untuk pembayaran biasiswa.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini, PTPTN tidak pernah menyalurkan pembiayaan kepada IPT dalam bentuk wang "pendahuluan" sebaliknya wang pembiayaan disalurkan terus ke akaun pelajar setelah ditolak hutang Wang Pendahuluan Pembiayaan (WPP) dan yuran pengajian IPT.

Pengeluaran pembiayaan pendidikan PTPTN dibuat secara berperingkat iaitu dua kali setahun mengikut setiap semester sehingga tamat tempoh pengeluaran. Pengeluaran akan dibuat dalam tempoh tidak melebihi 21 hari bekerja selepas PTPTN menerima dokumen perjanjian pembiayaan yang lengkap bagi pengeluaran kali pertama atau setelah menerima pengesahan status pelajar dari IPT bagi pengeluaran kali kedua dan seterusnya.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

SOALAN 1

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : Dato' Kamarudin Bin Jaffar [Tumpat]

TARIKH : 22 JUN 2009

SOALAN [106] : Dato' Kamarudin Bin Jaffar [Tumpat]
minta **MENTERI LUAR NEGERI**
menyatakan apakah hasil lawatan rasmi
Amir Qatar ke Malaysia baru-baru ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Saya meminta izin Tuan Yang di-Pertua untuk menjawab soalan daripada YB Tumpat.

2. Seperti mana YB sedia maklum, Sheikh Hamad bin Khalifa Al-Thani, Amir Qatar telah mengadakan lawatan negara ke Malaysia pada 19 dan 20 Mei 2009. Lawatan negara tersebut bertujuan untuk meningkatkan dan memperkukuhkan hubungan persahabatan di antara pemimpin kedua-dua buah negara dan juga bagi memperluaskan lagi hubungan kerjasama di antara Malaysia dan Qatar.

3. Hasil daripada lawatan berkenaan, Malaysia dan Qatar telah bersetuju untuk meningkatkan kerjasama dalam pelbagai bidang, terutama perdagangan dan pelaburan. Kedua-dua negara juga bersetuju untuk meneroka pelbagai bidang kerjasama baru termasuk dalam bidang perbankan, kewangan dan insurans Islam; industri makanan dan produk Halal; industri gas dan petroleum; dan pelaburan secara bersama, sama ada di Malaysia, Qatar atau di negara ketiga dalam sektor pertanian yang menggunakan teknologi moden dan konsep Bank Benih (*Seed Bank*).

4. Pihak Qatar amat berpuas hati dengan pelaburan mereka di Malaysia. Amir Qatar juga telah menunjukkan minat yang amat tinggi untuk meningkatkan pelaburan negara tersebut di Malaysia.

5. Semasa lawatan negara tersebut juga, Malaysia dan Qatar telah menandatangani Perjanjian Perdagangan bagi memperkukuhkan hubungan ekonomi di antara kedua-dua buah negara. Hasil daripada perjanjian berkenaan, satu Jawatankuasa Perdagangan Bersama (*Joint Trade Committee*) akan ditubuhkan untuk melaksanakan program kerjasama dalam bidang ekonomi, perdagangan dan pelaburan di antara Malaysia dan Qatar.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI ABD RAHMAN BIN DAHLAN
(KOTA BELUD)**

TARIKH : 22 JUN 2009

SOALAN:

Dato' Haji Abd Rahman bin Dahlan [Kota Belud] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI, DAN KEBUDAYAAN** menyatakan apakah Kerajaan bercadang untuk memberi lesen penyiaran kepada syarikat lain untuk menyaingi Astro.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan tidak bercadang untuk memberikan lesen kedua bagi penyiaran TV berbayar melalui satelit kepada syarikat lain, untuk menyaingi ASTRO. Ini disebabkan ia bercanggah dengan terma lesen yang memberi hak eksklusiviti yang telah diberi kepada ASTRO.

Bagaimanapun, Kerajaan boleh mempertimbangkan untuk memberi lesen perkhidmatan TV berbayar yang menggunakan teknologi

penyiaran yang tidak menggunakan teknologi satelit. Pada masa ini lesen-lesen sedemikian telah dikeluarkan kepada empat (4) syarikat iaitu Network Guidance Sdn. Bhd., U Television Sdn. Bhd., TMNet Sdn. Bhd. dan MOL Media Sdn. Bhd.

NO. SOALAN: 108

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN: BAGI JAWAPAN LISAN

DARIPADA: YB. DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR
[POKOK SENAJ]

TARIKH: 22 JUN 2009

SOALAN:

108. PR-022-L19541
Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan berapakah jumlah syarikat yang diberikan AP untuk mengimport beras dari luar negara.

JAWAPAN BELUM DITERIMA DARIPADA KEMENTERIAN YANG BERKENAAN.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN KHALID BIN ABDUL SAMAD
[SHAH ALAM]
TARIKH JAWAPAN : 22 JUN 2009 (ISNIN)
DI DEWAN RAKYAT
SOALAN : NO. 109

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU, DAN AIR** menyatakan mengapakah Nishimatsu Construction Company yang sedang disiasat berhubung dakwaan rasuah di Jepun dan beberapa tahun lalu dituduh cuai dalam satu projek pembinaan di Singapura diberikan kontrak besar RM1.3 bilion bagi membina saluran paip air bawah tanah dari Pahang ke Selangor.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, komponen pembinaan terowong bagi Projek Penyaluran Air Mentah Pahang Ke Selangor telah ditawarkan secara tender terbuka. Pembida bagi komponen ini telah dinilai berpandukan Tatacara Perolehan Kerajaan dan *Guidelines for Procurement Under JBIC ODA Loans* 1999. Nishimatsu Construction Company bersama Shimizu-UEMB-IJM telah menyertai tender ini dan didapati memenuhi kriteria tender yang telah ditetapkan. Oleh yang demikian, syarikat berkenaan telah ditawarkan kontrak bagi melaksanakan komponen tersebut.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : TUAN MANIKAVASAGAM A/L SUNDARAM
TARIKH : 22 JUN 2009 (ISNIN)
SOALAN : NO.110

Tuan Manikavasagam A/L Sundaram [Kapar] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan jumlah kolej universiti dan cawangan universiti asing wujud di Malaysia serta jumlah pelajar asing mengikut kewarganegaraan masing-masing yang melanjutkan pelajaran di Malaysia. Apakah usaha-usaha Kerajaan untuk memastikan pelajar-pelajar tersebut tidak terlibat dalam anasir-anasir jenayah termasuk pelacuran serta usaha Kerajaan memastikan rakyat Malaysia tidak terikut-ikut unsur negatif yang terbawa oleh mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga Mei 2009, Kementerian telah meluluskan penubuhan 44 buah IPTS bertaraf universiti dan kolej universiti. Daripada jumlah tersebut, 20 buah adalah bertaraf universiti, 19 bertaraf Kolej Universiti dan 5 kampus cawangan universiti luar negara.

Jumlah pelajar asing di IPTS sehingga 31 Disember 2008 adalah seramai 50,679 orang dari 141 buah negara. Lima buah negara yang paling ramai pelajarnya di IPTS ialah China (6,452), Indonesia (5,896), Nigeria (5,043), Iran (3,659) dan Yemen (2,929).

Dalam usaha menjadikan Malaysia sebagai hab kecemerlangan pengajian tinggi serantau dan antarabangsa, kemasukan pelajar antarabangsa ke IPT adalah sangat dialu-alukan. Namun, bagi memastikan Negara mendapat manfaat yang optimum dengan kehadiran pelajar antarabangsa, pemantauan terhadap kegiatan dan aktiviti-aktiviti sosial mereka dibuat secara berterusan di peringkat IPT masing-masing dan juga oleh Kementerian dan pelbagai agensi penguatkuasaan lain seperti Jabatan Imigresen dan Polis Diraja Malaysia (PDRM). Di samping itu, program pembangunan sahsiah bagi pelajar antarabangsa juga dirancang dan dilaksanakan dari semasa ke semasa di setiap IPT agar dapat membina keterampilan diri dan menerapkan kemahiran-kemahiran insaniah termasuk penerapan nilai dan etika profesional.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : DATO' DR. ZAINAL ABIDIN BIN AHMAD
TARIKH : 22 JUN 2009 (ISNIN)
SOALAN : NO. 111

Dato' Dr. Zainal Abidin bin Ahmad [Hulu Selangor] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan sejauh manakah usaha menjadikan Malaysia sebagai hub pendidikan serantau dengan mengambil kira peranan universiti swasta. Apakah usaha Kementerian membantu meningkatkan mutu dan kemudahan pengajian tinggi di universiti swasta tersebut supaya objektif menjadikan Malaysia sebagai hub pendidikan terkemuka dapat direalisasikan.

JAWAPAN

Tuan Yang di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak swasta telah memainkan peranan penting dalam menyediakan peluang kepada rakyat untuk menyertai pendidikan tertiar. Ini telah dapat mengurangkan bebanan kewangan kerajaan dan pengaliran wang ke luar negara. Peranan mereka telah bermula sejak tahun 1950an dengan penubuhan beberapa institusi. Sehingga Mei 2009, sebanyak 513 buah IPTS telah ditubuhkan dengan 44 buah adalah IPTS bertaraf Universiti, Kolej Universiti dan cawangan universiti luar negara. Pada masa ini, IPTS menawarkan

pelbagai program yang berkualiti termasuk *twinning* program dengan mengadakan kolaborasi dengan IPTA dan universiti luar negara. Kemudahan prasarana IPTS juga telah berkembang pesat dan ada di antaranya telah mencapai taraf antarabangsa. Perkembangan ini merupakan tanda-tanda positif dalam usaha menjadikan Malaysia sebagai hab kecemerlangan pendidikan serantau dan antarabangsa.

Kementerian sentiasa membantu meningkatkan kualiti dan kemudahan di IPTS. Beberapa langkah telah diambil termasuklah :

- i. mengadakan Sistem Jaminan Kualiti yang telah dilaksanakan oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) yang merangkumi penilaian program pengajian menggunakan *Code of Practice for Program Accreditation (COPPA)* dan Audit Institusi yang menggunakan *Code of Practice for Institutional Audit (COPIA)*;
- ii. mengadakan Sistem Penarafan Institusi Pengajian Tinggi (SETARA) 2009 iaitu mekanisme yang digunakan untuk mengukur kualiti, kebertanggungjawaban serta prestasi institusi pengajian tinggi;
- iii. bekerjasama dengan agensi lain dalam memudahkan proses urusan pengambilan pelajar antarabangsa dengan mewujudkan *One Stop Center*; dan
- iv. mempertingkatkan jaringan global pengajian tinggi dan kegiatan kolaboratif akademik di peringkat antarabangsa.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM
TARIKH : 22 JUN 2009 (ISNIN)
SOALAN : NO.112

Dato' Seri Anwar Bin Ibrahim [Permatang Pauh] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan tindakan yang diambil untuk meningkatkan prestasi universiti-universiti tempatan yang semakin merosot berdasarkan laporan terbaru QS.com Asia University Ranking. Universiti Malaya hanya berjaya menduduki tangga ke 38 sahaja di antara universiti-universiti terbaik Asia dan ketinggalan berbanding dengan universiti-universiti Hong Kong, Jepun, Korea Selatan, China, Singapura, India, Taiwan dan Thailand.

JAWAPAN

Tuan Yang di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan THE-QS (*Times Higher Education Supplement-Quacquarelli Symonds*) bagi kedudukan universiti terbaik Asia tahun 2009 menunjukkan lima institusi pengajian tinggi (IPT) tempatan telah berjaya berada dalam lingkungan 100 universiti terbaik Asia dan satu universiti berada antara 50 terbaik, iaitu Universiti Malaya (UM) di tangga ke-39. Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) berada pada di tangga ke-51

diikuti Universiti Sains Malaysia (USM) ke-69, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) ke-82 dan Universiti Putra Malaysia (UPM) ke-90.

Walaupun mekanisme dan metodologi THE-QS masih dipertikaikan oleh sesetengah pihak, namun kajian penarafan ini sering dijadikan kayu pengukur oleh masyarakat Malaysia dan dunia. Oleh yang demikian, perkara ini seharusnya dilihat secara positif dalam usaha melonjak IPT tempatan di peringkat antarabangsa. Antara langkah yang telah dan sedang diambil oleh Kementerian dalam mempertingkatkan prestasi IPT tempatan dari masa ke semasa ialah:-

- i) mengiktiraf empat institusi pengajian tinggi awam (IPTA) iaitu USM, UPM, UKM dan UM sebagai Universiti Penyelidikan;
- ii) mengiktiraf USM sebagai Universiti bertaraf APEX (*Accelerated Programme for Excellence*);
- iii) mempertingkatkan penerbitan hasil penyelidikan berkualiti tinggi terutamanya dalam *high impact journals*;
- iv) mempertingkatkan bilangan pensyarah berkeelayakan PhD bagi memastikan kecemerlangan akademik; dan
- v) mempertingkatkan pengambilan pelajar pasca siswazah dan pasca doktoral bagi memantapkan lagi aktiviti penyelidikan.

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEDUA BELAS
TAHUN 2009**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. TUAN DR. MOHD
HATTA BIN MD RAMLI
(KUALA KRAI)**

TARIKH : 22.06.09

SOALAN :

Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan senarai jalan-jalan kampung di daerah Kuala Krai yang akan dinaik taraf dan berapa daripada projek ini akan disempurnakan dalam tahun 2009.

JAWAPAN :

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2009, Kementerian ini telah memperuntukkan sejumlah RM1.1 juta untuk pelaksanaan Projek Jalan Kampung (PJK) bagi kawasan Parlimen Kuala Krai. Peruntukan ini melibatkan pelaksanaan 17 projek dan semua projek ini akan dilaksanakan dan disiapkan pada tahun ini.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN GWO-BURNE LOH
[KELANA JAYA]

TARIKH : 22 JUN 2009 (ISNIN)

SOALAN :

TUAN GWO-BURNE LOH [KELANA JAYA] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan alasan mengapa Projek Link Subang-Kelana ditangguh tujuh bulan dan laluan Kewajipan tidak dirobuhkan sungguhpun laluan baru sudah siap dibina.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Projek Membina Jalan Penyambungan Subang-Kelana Jaya ditangguh tujuh bulan disebabkan injunksi daripada Mahkamah Tinggi Shah Alam yang bertarikh 22 Februari 2008 yang tidak membenarkan Majlis Perbandaran Subang Jaya dan mana-mana ejennya melaksanakan kerja-kerja perobohan laluan pejalan kaki dan papan-papan tanda iklan di sekitar tapak pembinaan itu. Perintah ini melibatkan kerja-kerja tertangguh di bahagian berhadapan Bangunan Kompleks 3K.

Walaupun, pada 6 Februari 2009, Mahkamah Tinggi Shah Alam telah memberi kebenaran untuk perobohan struktur jejantas pejalan kaki dan papan tanda-papan tanda iklan berkenaan. Kerja-kerja perobohan jejantas dan papan tanda tersebut selesai dalam tempoh seminggu dari keputusan mahkamah. Sehubungan dengan itu, kerja-kerja pembinaan telah disambung semula dan projek ini dijadualkan siap pada 1 Julai 2009.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN LOKE SIEW FOOK
(RASA)
TARIKH : 22.06.2009

SOALAN:

Y.B. TUAN LOKE SIEW FOOK [RASA] minta Menteri Pelajaran menyatakan berapakah peruntukan pembangunan yang diberikan kepada SJKC Ladang Hillside, Batu 4, Labu, Negeri Sembilan setiap tahun dari tahun 2000 hingga 2009 dan sama ada Kerajaan memberikan apa-apa bantuan kewangan kepada sekolah tersebut untuk menyelesaikan masalah bangunan diserang anai-anai putih baru-baru ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) amat prihatin terhadap sebarang masalah yang dihadapi oleh semua sekolah termasuklah SJKC Ladang Hillside, Batu 4, Labu Negeri Sembilan yang merupakan sekolah bantuan kerajaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak KPM termasuk Y.B. Timbalan Menteri Pelajaran telah melawat ke sekolah tersebut untuk melihat sendiri masalah yang dihadapi seperti yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat. Sehubungan dengan itu, KPM akan memberi perhatian dan meneliti masalah yang dihadapi oleh sekolah berkenaan terutama berhubung dengan masalah bangunan yang diserang anai-anai.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DR. LO' LO' BINTI
MUHAMAD GHAZALI (TITIWANGSA)**

TARIKH : 22 JUN 2009 (ISNIN)

SOALAN :

YB Dr. Lo' Lo' binti Muhamad Ghazali (Titiwangsa) minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan bilangan kes yang diterima melalui projek CARI-CARI mengikut kategori dan negeri dan berapa pula telah mendapat bantuan yang sewajarnya, juga minta dinyatakan masa yang diambil untuk memproses satu-satu kes yang dilaporkan atau mengisi borang permohonan.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah melancarkan Projek CARI pada 17 Julai 2008. Semenjak pelancaran sehingga 12 Jun 2009, sebanyak 204,346 kes telah berjaya dikesan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 88,542 kes telah diberi bantuan kewangan manakala 67,178 kes masih dalam siasatan dan

48,626 kes tidak diluluskan. Jumlah bantuan kewangan yang telah disalurkan setakat ini adalah sebanyak RM21.2 juta.

Bilangan kes yang dikendalikan melalui Projek CARI mengikut kategori adalah seperti berikut:

KATEGORI	JUMLAH
Bantuan Am Persekutuan	2,230 kes
Bantuan Am Negeri	22,927 kes
Bantuan Kanak-kanak	16,766 kes
Bantuan Orang Tua	23,965 kes
Elaun Pekerja Cacat	6,983 kes
Bantuan Penjagaan OKU / Pesakit Kronik Terlantar	6,107 kes
Bantuan-Bantuan lain (Bantuan Alat Sokongan /Tiruan, Bantuan OKU Tidak Bekerja, rujukan ke agensi lain)	3,694 kes

Bilangan kes yang diluluskan dan diberi bantuan mengikut negeri adalah seperti berikut:

NEGERI	JUMLAH
Perlis	1,206 kes
Kedah	7,674 kes
Pulau Pinang	4,458 kes
Perak	10,207 kes
Selangor	5,629 kes
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	4,114 kes

NEGERI	JUMLAH
Negeri Sembilan	2,945 kes
Melaka	2,661 kes
Johor	5,661 kes
Pahang	3,577 kes
Terengganu	13,606 kes
Kelantan	7,409 kes
Sabah	10,492 kes
Sarawak	2,863 kes
Wilayah Persekutuan Labuan	170 kes
JUMLAH KESELURUHAN	82,672 kes

Untuk makluman Yang Berhormat, tempoh masa yang diambil untuk memproses satu-satu kes melalui Projek CARI adalah selama 30 hari dari mula rujukan permohonan diterima hingga keputusan permohonan dimaklumkan kepada perujuk kes.

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS]

TARIKH : 22 JUN 2009

SOALAN :

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan kenapa pasir sungai yang menyumbatkan banyak sungai-sungai di Malaysia dan menyebabkan banjir tidak boleh dijual ke luar negara terutamanya Singapura.

JAWAPAN:

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berikutan keputusan Jemaah Menteri pada 15hb Januari 1997, pengeksportan semua jenis pasir ke luar negara termasuk ke Singapura adalah dilarang sama sekali. Hanya pasir silika dibenarkan dieksport memandangkan ianya ditakrifkan sebagai mineral dan tertakluk kepada Perintah Kastam (Larangan Mengenai Eksport) (Pindaan No. 2) 2007 di bawah Akta Kastam 1967. Dalam pada itu, pemberian lesen untuk melombong pasir sungai adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN MOHD FIRDAUS BIN JAAFAR [JERAI]

TARIKH : 22 JUN 2009

RUJUKAN : 1825

SOALAN:

Tuan Mohd Firdaus bin Jaafar [Jerai] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah keseluruhan laporan polis yang diterima di seluruh negara berkaitan dengan kemelut dan krisis perlembagaan negeri Perak sejak rampasan kuasa di negeri Perak pada Februari 2009 dan nyatakan peratusan laporan yang telah disiasat dan diambil tindakan oleh pihak polis.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Jerai yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, ekoran daripada insiden pergolakan Dewan Undangan Negeri Perak, dari tempoh 7 Februari 2009 hingga 3 Jun 2009 pihak polis telah menerima sebanyak 196 laporan yang dibuat oleh orang awam di seluruh negara. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 70 repot telah dibuka kertas siasatan manakala baki 196 kes lagi tidak dibuka kertas siasatan atas pelbagai sebab. Setakat ini, hasil daripada siasatan yang dijalankan, pihak polis telah membuat sebanyak 27 tangkapan dan satu kes telah dituduh di Mahkamah. Siasatan lanjut berhubung laporan-laporan dikemukakan tersebut masih dijalankan oleh pihak polis.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB DATO' RASHID BIN DIN (MERBOK)

TARIKH : 22 JUN 2009 (ISNIN)

SOALAN :

YB Dato' Rashid bin Din (Merbok) minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah tahap keberkesanan pegawai kontrak yang ditauliahkan khas untuk program 'CARI-CARI' untuk membasmi kemiskinan. Berapakah tahap penambahan kes berbanding dengan cara biasa dilaksanakan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat. Yakni berapa kes setiap pegawai JKM berbanding berapa kes setiap pegawai kontrak.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah melancarkan Projek CARI pada 17 Julai 2008. Melalui pelantikan pegawai kontrak untuk melaksanakan Projek CARI, Kementerian telah berjaya mengesan kes-kes yang tercicir dan terpinggir di seluruh negara. Keberkesanan tersebut dapat dilihat berdasarkan meningkatnya jumlah kes yang dikesan melalui Projek CARI.

Sehingga 12 Jun 2009, jumlah kes yang dikesan melalui Projek CARI ini adalah sebanyak 204,346 kes dan daripada jumlah tersebut, 88,542 kes telah diluluskan, 48,626 kes tidak diluluskan dan sebanyak 67,178 kes lagi masih di dalam siasatan.

Tuan Yang di-Pertua,

Adalah sukar untuk dibuat perbandingan beban kes yang dikendalikan oleh pegawai kontrak Projek CARI dengan pegawai JKM memandangkan beban tugas dan tanggungjawab antara kedua kumpulan pekerja ini yang berbeza. Bagi pegawai kontrak Projek CARI, mereka adalah bertanggungjawab untuk membuat pengesanan kes dan menjalankan siasatan awal sahaja manakala pegawai JKM pula mereka bertanggungjawab bagi urusan siasatan, bayaran bantuan dan kaji semula kes bantuan. Di samping itu, pegawai JKM juga mengendalikan tugas-tugas lain seperti pengendalian kes pesalah muda, pendaftaran OKU, kemasukan ke institusi kebajikan dan tugas-tugas lain yang tersenarai dalam tugas masing-masing.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. TUAN MANOKARAN A/L MARIMUTHU
(TELOK INTAN)**

TARIKH : 22.06.2009

SOALAN:

Y.B. TUAN MANOKARAN A/L MARIMUTHU [TELOK INTAN] minta Menteri Pelajaran menyatakan : -

- (a) apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk mengekalkan penggunaan bahasa ibunda di kalangan anak-anak muda kita tanpa menjejaskan penggunaan dan penguasaan bahasa Inggeris; dan
- (b) adakah Kerajaan sedar bahawa murid-murid sekolah dan golongan remaja tidak dapat mengimbangkan (balance) penggunaan bahasa ibunda dan bahasa Inggeris.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

(a) dan (b)

Dalam sistem pendidikan negara, semua kaum di negara ini berhak untuk mempelajari bahasa ibunda masing-masing seperti mana yang termaktub dalam Akta Pendidikan.

Bahasa ibunda telah digunakan sebagai bahasa pengantar dalam sekolah pelbagai aliran untuk menjamin penggunaan bahasa ibunda dalam kalangan

anak-anak muda. Di samping itu, kelas bahasa ibunda juga diadakan di sekolah kebangsaan dan sekolah menengah harian berdasarkan permintaan masyarakat tempatan agar pelajar-pelajar yang berbilang kaum dapat mempelajari bahasa-bahasa yang berkenaan.

Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua di negara ini sentiasa diberi perhatian dalam sistem pendidikan negara. Kementerian Pelajaran Malaysia mengadakan pelbagai program untuk meningkatkan penggunaan bahasa Inggeris di sekolah pelbagai aliran. Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) juga sentiasa melaksanakan pemantauan bagi memastikan pengajaran dan pembelajaran bahasa Inggeris di sekolah berkesan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : PUAN FONG PO KUAN
[BATU GAJAH]
TARIKH : 22 JUN 2009

SOALAN :

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan memandangkan Kabinet telah membuat keputusan bahawa anak kekal beragama asalnya jika salah seorang ibu/ bapanya memeluk agama Islam, apakah perkembangan terkini dan nyatakan pendekatan yang dikenal pasti dan pencapaian yang telah dibuat oleh jawatankuasa khas yang diketuai oleh tiga orang Menteri.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Menurut Fasal (1) Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan, tiap-tiap orang berhak menganuti dan mengamalkan agamanya dan, tertakluk kepada Fasal (4) Perkara 11, mengembangkannya. Berdasarkan

peruntukan ini adalah jelas bahawa seseorang itu bebas memilih agama yang hendak dianutinya dan tiada mana-mana orang boleh dipaksa untuk menganuti atau menukar agamanya. Walau bagaimanapun, Fasal (4) Perkara 12 Perlembagaan Persekutuan memberi hak kepada seseorang ibu atau bapa atau penjaga untuk menetapkan agama seseorang yang di bawah umur 18 tahun.

Perkara ini telah pun diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes **Subashini a/p Rajasingam v Saravanan a/l Thangathoray** [2008] 2 MLJ 147. Mengenai tafsiran perkataan "*parent*" dalam Fasal (4) Perkara 12 itu, Mahkamah Persekutuan dalam kes **tersebut** telah memutuskan bahawa perkataan "*parent*" itu membawa maksud mufrad ("*singular*") dan bukannya jamak ("*plural*"). Oleh itu, seseorang ibu atau bapa yang menukar agamanya mempunyai hak di bawah Perlembagaan Persekutuan untuk menetapkan agama anaknya yang berumur di bawah 18 tahun dan tidak timbul perbuatan memaksa seseorang kanak-kanak itu untuk menukar agamanya .

Jemaah Menteri bersetuju terhadap prinsip bahawa agama anak-anak adalah menurut agama asal ibubapa semasa perkahwinan.

Oleh itu, tiada pertukaran agama secara automatik terhadap anak-anak untuk mengikut agama baru salah seorang dari ibu atau bapa yang menganut agama Islam. Namun begitu, Kerajaan tetap akur kepada hak yang diberikan kepada ibu atau bapa menurut peruntukan yang sedia ada dan hak itu hendaklah dikekalkan dan tiada apa-apa pindaan dicadangkan terhadap peruntukan itu. Justeru, berdasarkan Fasal (4) Perkara 12 Perlembagaan Persekutuan, ibu atau bapa atau penjaga seorang kanak-kanak berhak untuk menentukan agama kanak-kanak itu.

Walaupun peruntukan Perlembagaan Persekutuan berhubung dengan penentuan status agama anak yang berumur di bawah 18 tahun tidak dipinda, namun bagi mengatasi masalah hak jagaan anak dalam kes penukaran agama, pindaan akan dibuat kepada Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan Dan Perceraian) 1976 [Akta 164], Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 [Akta 505] dan Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 [Akta 303]. Melalui pindaan-pindaan ini kebajikan anak-anak akan menjadi fokus utama dan bukan perbalahan ibu dan bapa mengenai hak jagaan.

Adalah diharapkan melalui pindaan-pindaan itu, masalah perundangan dan sosial yang berbangkit daripada pemeluk Islam oleh salah seorang pasangan bukan Islam seperti isu pembubaran perkahwinan, nafkah, hak jagaan anak dan pembahagian harta perkahwinan akan dapat diatasi.

Rang Undang-undang bagi pindaan-pindaan ini akan dibentangkan pada hujung Mesyuarat Kedua ini. Perbincangan lanjut mengenai isu ini boleh dibangkitkan semasa membahaskan RUU berkenaan.

NW: 122 ✓

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN MATULIDI BIN JUSOH (DUNGUN)

TARIKH : 22 JUN 2009 (ISNIN)

SOALAN NO. 122

Tuan Matulidi bin Jusoh (Dungun) minta MENTERI BELIA DAN SUKAN menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil Kerajaan untuk menangani masalah gejala sosial yang semakin menular di kalangan remaja pada hari ini dan setakat manakah Program Rakan Muda telah berjaya mengurangkan masalah sosial di kalangan remaja.

JAWAPAN:

Kementerian telah mengambil langkah dengan melaksanakan program/aktiviti yang bersesuaian dengan kehendak belia iaitu **Program Generasi Bebas Jenayah, Program Intervensi Gejala Sosial Belia, Program Memperkasa Pertubuhan Belia, Program 1 Komuniti 1 Persatuan** dan juga mewujudkan **Gelanggang Rakyat** yang diurus tadbir oleh persatuan belia di semua kawasan Parlimen. Pada masa ini, Program Rakan Muda iaitu **Program Rakan Muda Wawasan Desa (RMWD), Pembangunan Pusat Siber Rakan Muda, Kem Rakan Muda Jiran Muda (RMJM), *Weekend Champs*** dan Program Khidmat **Komuniti Skwad Sukarelawan Rakan Muda Parlimen** telah berjaya menyediakan ruang dan peluang kepada para remaja memenuhi masa lapang mereka dengan aktiviti-aktiviti yang berfaedah.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN CHUA TIAN CHANG [BATU]

TARIKH : 22 JUN 2009 (ISNIN)

SOALAN:

YB TUAN CHUA TIAN CHANG [BATU] minta PERDANA MENTERI menyatakan:

- (a) apakah kedudukan terkini mengenai kes pembunuhan ke atas A.Kugan; dan
- (b) apakah sebab Peguam Negara masih gagal membawa kes ini ke mahkamah.

JAWAPAN: YB. DATO' SERI MOHAMED NAZRI AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Dipertua,

Buat masa ini, Majlis Perubatan Malaysia sedang menjalankan siasatan (inquiry) berkenaan dengan aduan yang dibuat terhadap Dr. Abdul Karim Tajuddin. Siasatan ini pada mulanya dijadualkan untuk diteruskan semula pada 19 Jun 2009 tetapi telah ditangguhkan kepada 21 Ogos 2009 dan keputusan dijangka dibuat selepas itu.

Peguam Negara masih belum memulakan pendakwaan kes ini di Mahkamah kerana mahu semua keterangan diperolehi sepenuhnya tanpa sebarang peninggalan (omission). Ini termasuk menunggu keputusan siasatan yang dibuat oleh Majlis Perubatan Malaysia. Hanya setelah kesemua keterangan diperolehi, barulah Peguam Negara akan membuat keputusan berkenaan dengan pendakwaan dengan mempertimbangkan segala keterangan yang diperolehi.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN NGA KOR MING
(TAIPING)**

**TARIKH : 22 JUN 2009
(ISNIN)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan Kerajaan telah mengambil keputusan untuk menamatkan perkhidmatan pesawat MIG selepas akhir tahun 2010, oleh itu, bagaimanakah Kerajaan menangani masalah kekurangan aspek ini.

SULIT

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Pesawat MiG-29N adalah pesawat pejuang yang berperanan sebagai pemintasan udara. Sepanjang perkhidmatannya sejak tahun 1993, pesawat ini telah diperakui sesuai di dalam melaksanakan peranannya. Kajian *Mid Life Review* masih berlanjutan secara berperingkat dan status pengoperasian pesawat ini akan berterusan sehingga Kementerian mengetahui hasil impak dan implikasi dari kajian tersebut.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk masa hadapan, Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) merancang untuk membuat perolehan pesawat tempur pelbagai guna, *Multi Role Combat Aircraft* (MRCA) yang boleh diatur gerak untuk melaksanakan pelbagai tugas operasi udara.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : DATUK JUSLIE BIN AJIROL
TARIKH : 22 JUN 2009 (ISNIN)
NO. SOALAN : N0.125

Datuk Juslie Bin Ajirol [Libaran] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan sejauh mana peranan kolej-kolej komuniti sebagai kluster pembangunan pendidikan selaras dengan konsep pembelajaran untuk semua peringkat dan sepanjang hayat.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada April 2005, Kerajaan telah memutuskan untuk menjadikan kolej komuniti sebagai hab pembelajaran sepanjang hayat (PSH). Sejak dari itu, kolej komuniti telah memainkan peranan utama dalam program PSH dengan melaksanakan perkara berikut:-

- i. menawarkan kursus-kursus berkaitan dengan aktiviti ekonomi di sesebuah kawasan;
- ii. melahirkan pekerja mahir selaras dengan konsep K-ekonomi; dan
- iii. mengadakan aktiviti peningkatan ilmu pengetahuan serta menambahkan pengalaman kepada masyarakat melalui penganjuran kursus jangka pendek.

Bagi menggalakkan penyertaan orang ramai, kolej komuniti telah menggunakan pendekatan yang fleksibel termasuklah:-

- i. mengendalikan program mengikut kehendak pelanggan/ masyarakat dan tidak terhad di premis kolej komuniti sahaja;
- ii. melaksanakan program/kursus secara fleksibel mengikut kesesuaian masa peserta termasuk waktu di hujung minggu, cuti am dan di luar waktu pejabat; dan
- iii. menawarkan pelbagai bidang kursus seperti teknikal, kemahiran, keusahawanan, pembangunan sosial, komunikasi, keagamaan dan kesenian;

Sepanjang tahun 2008, kolej komuniti telah menganjurkan 33 kursus sepenuh masa yang melibatkan penyertaan 16,289 pelajar di peringkat sijil dan 793 pelajar di peringkat diploma. Kolej komuniti juga telah menganjurkan 4,321 kursus pendek dengan penyertaan seramai 106,814 orang.

NO. SOALAN: 28

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN SALAHUDDIN BIN HAJI AYUB

TARIKH : 22 JUN 2009 (ISNIN)

SOALAN:

Y.B. Tuan Salahuddin bin Haji Ayub [Kubang Kerian] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah pelaksanaan projek-projek ekonomi Koridor-Koridor Selatan, Utara, Timur serta Koridor Sabah dan Sarawak akan diteruskan di bawah pentadbiran baru Y.A.B. Perdana Menteri sekarang.

CADANGAN JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan akan meneruskan pelaksanaan inisiatif koridor pertumbuhan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) bagi menangani masalah ketidakseimbangan pembangunan antara wilayah. Pendekatan ini akan *'leverage'* atau menggunakan kelebihan kekuatan sedia ada di kawasan membangun untuk dikembangkan ke kawasan-kawasan berpotensi di wilayah berkaitan dengan memberi tumpuan bagi mengoptimumkan sumber yang belum digunakan sepenuhnya di kawasan tersebut.

Pendekatan koridor pertumbuhan akan dilaksanakan secara bersepadu tanpa meminggirkan penduduk tempatan. Program pembangunan ini akan memastikan masyarakat tempatan mendapat faedah sepenuhnya daripada pembangunan tersebut menerusi pewujudan peluang pekerjaan, keusahawanan dan penyediaan perkhidmatan dan sebagainya. Pendekatan pembangunan yang berasaskan '*people centric*' ini akan memberi impak langsung kepada rakyat bagi meningkatkan pendapatan dan taraf hidup rakyat seperti projek-projek pembasmian kemiskinan, pertanian, pendidikan, jalan-jalan luar bandar dan juga projek-projek sosial lain. Kerajaan percaya dari segi jangka panjang, faedah pelaksanaannya boleh diterima oleh semua rakyat termasuklah masyarakat di luar bandar.

PARLIMEN MALAYSIA
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **JAWAB LISAN**
DARIPADA : **DATO' SHAMSUL ANUAR NASRAH (LENGGONG)**
TARIKH : **22 JUN 2009 (ISNIN)**
SOALAN : **Dato' Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong] minta**
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI
menyatakan :-

- (a) apakah strategi meningkatkan fungsi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani peringkat Parlimen; dan
- (b) bolehkah pihak Kementerian menyatakan perancangan atau usaha menjadikan kawasan Lenggong sebagai kawasan Agro Pertanian.

JAWAPAN : **Oleh Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI**
ASAS TANI

Tuan Yang Dipertua,

a) Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani peringkat Parlimen telah pun ditubuhkan untuk memastikan projek-projek pertanian dilaksanakan melalui pendekatan MOA Inc. Pelaksanaan projek melalui MOA Inc. bertujuan untuk menggembeng seluruh tenaga sumber manusia dan kemahiran teknikal Jabatan dan Agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani supaya perkhidmatan diberi secara bersepadu kepada golongan sasaran di semua peringkat pembangunan projek iaitu perancangan, pelaksanaan, pengurusan, pemasaran, pemantauan dan penilaian. Jawatankuasa ini adalah di peringkat pegawai-pegawai Kementerian sahaja dan mempunyai bidang tugas untuk mengenal pasti profil dan

pelaksanaan projek-projek pertanian yang terdapat dalam kawasan parlimen yang berkenaan.

Walau bagaimanapun, bagi meningkatkan keberkesanan pelaksanaan projek-projek pertanian dan industri asas tani supaya melibatkan semua pihak berkepentingan, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah menubuhkan Majlis Pembangunan Pertanian Kawasan Parlimen. Majlis ini dipengerusikan oleh Ahli Parlimen atau ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) dan melibatkan Pegawai-pegawai Kerajaan, Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) atau JKKKP dan badan-badan bukan Kerajaan (NGOs) seperti persatuan petani, penternak dan nelayan dan persatuan belia tani. Melalui penubuhan Majlis ini, usaha semua pihak dapat dilibat dan digemblengkan bagi menjayakan projek-projek pertanian dalam sesuatu kawasan parlimen. Majlis ini juga akan menjadi platform untuk mengenal pasti isu dan masalah dan seterusnya jua menyelesaikan masalah di peringkat pelaksanaan dengan lebih cepat dan berkesan.

b) Kawasan Lenggong adalah kawasan pertanian yang sesuai untuk dibangunkan bagi tujuan agro-pelancongan. Cadangan bagi membangunkan kawasan Lenggong sebagai kawasan Agro Pelancongan pernah dibincangkan bersama Y.B. Ahli Parlimen Lenggong dalam mesyuarat MOA Inc. Parlimen Lenggong pada bulan April 2009 dan masih lagi diperingkat perbincangan.

Kawasan Parlimen Lenggong berpotensi untuk dibangunkan sebagai sebuah kawasan agropelancongan dengan adanya ciri-ciri yang sesuai seperti berikut:-

- (i) Tasik Raban yang amat cantik dan boleh dieksploitasi sepenuhnya untuk pelancongan;
- (ii) Beberapa kampung yang sesuai dibangunkan dengan aktiviti *home stay* seperti:
 - a) Kg. Beng yang mempunyai kawasan air terjun & bendang bertingkat yang boleh dibangunkan sebagai kawasan rekreasi. Beberapa rumah boleh dinaik taraf untuk dijadikan rumah penginapan bagi pengunjung;
 - b) Kg. Luat yang ada melaksanakan projek tanaman pisang, sayur-sayuran dan rosselle serta pusat pemprosesan kordial rosselle boleh dijadikan tarikan kepada pengunjung;

- c) Kg. Chepor yang mempunyai projek tanaman sayur-sayuran yang boleh dijadikan tapak lawatan agropelancongan, dan
- d) Kg. Kuak mempunyai dusun-dusun buah-buahan yang menarik untuk dilawati

Bagi subsektor ternakan, Jabatan Perkhidmatan Veterinar telah mewujudkan sebuah pusat ternakan haiwan seluas 607 hektar di kawasan Lenggong sejak 1997, di mana ianya menempatkan sejumlah 1,485 ekor ternakan eksotik termasuk pelbagai jenis rusa, selembu, kancil dan landak bagi tujuan pembiakan dan perladangan berkonsepkan agro-pelancongan. Pusat ini turut menyediakan ruang informasi dan pameran untuk memudahkan pelawat mendapatkan maklumat berkaitan haiwan berkenaan seperti aspek pemakanan, kaedah pengendalian dan cara pengurusan ladang. Cenderamata berupa kraf tangan daripada hasil ternakan seperti tanduk, kulit dan sebagainya turut disediakan di pusat tersebut.

Bagi sektor perikanan, Jabatan Perikanan Malaysia sedang membangunkan Pusat Pemprosesan Industri Asas Tani di Jalan Kuala Kangsar – Lenggong. Pusat ini dijangka siap pada akhir bulan Jun 2009. Pusat ini akan dijadikan tempat pemprosesan, pembangunan dan jualan asas tani berasaskan ikan.

Di bawah Program Bumj Hijau seramai 100 orang belia akan mengusahakan ternakan ikan keli di Lenggong dan pihak Jabatan sedang berusaha melaksanakan program untuk tambah nilai terhadap ternakan ikan keli dengan diproses sebagai ikan keli salai.

Disamping itu, dua projek agropelancongan boleh dilaksanakan iaitu di Tasik Kenering yang dibangunkan sebagai Zon Industri Akuakultur (ZIA) seluas 100 ha dan aktiviti menternak udang galah dalam 41 buah kolam di Kg. Luat. Dua projek ini dapat menarik pelancong untuk melihat ternakan dan membeli secara terus daripada penternak terlibat.